



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4415]**

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 4455]**

Anggaran Pembangunan, 1973 (15hb Disember, 1972) [Ruangan 4455]

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (15hb Disember, 1972) [Ru-
gan 4455]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 18hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk Sugut).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

Yang Berhormat AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik)

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MELANTIK SENATOR DARI BELIA

1. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang melantik seorang Senator dari kalangan belia untuk mewakili belia-belia di negeri ini, dan kalau tidak, apakah sebabnya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan pada ketika ini tidak bercadang hendak melantik seorang Senator bagi mewakili belia. Gulungan belia sekarang ini telah sedia mempunyai saluran perhubungan yang rapat dan berkesan dengan Kerajaan dengan terbentuknya Majlis Perundingan Beila Negara pada tahun 1971. Majlis ini yang dianggotai oleh segenap lapisan pergerakan belia membuka jalan bagi Kerajaan dan belia-belia untuk mengadakan dialog mengenai perkara-perkara yang menyentuh kedudukan dan kebajikan gulungan belia.

WAKIL PEKERJA JADI AHLI DEWAN NEGARA—LANTIKAN

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbangkan melantik wakil pekerja menjadi Ahli Dewan Negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sedar bahawa adalah wajar untuk melantik seorang wakil pekerja menjadi Ahli Dewan Negara. Perkara ini adalah dalam pertimbangan, sehingga satu masa apabila ada kekosongan dalam Dewan Negara kelak.

PAKAR-PAKAR RUSSIA DI MALAYSIA

3. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan tarikh pakar-pakar Russia akan tiba di Malaysia sebagaimana yang beliau menyatakan selepas lawatan beliau ke Russia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, tidaklah dapat dinyatakan dengan tepat tentang bilakah pakar-pakar Russia itu akan tiba ke Malaysia.

Masa lawatan saya di Soviet Union saya telah menandatangani satu Perjanjian dengan Tuan Kosygin berkenaan dengan kerjasama ekonomi dan teknik. Dengan perjanjian tersebut kerjasama antara kedua-dua negara dalam beberapa lapangan haruslah dibuat. Russia telah menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam projek pembangunan Kuasa Letrik di Tembeling. Perbincangan di antara pegawai-pegawai Kerajaan kita berkenaan bidang-bidang dan sifat-sifat di mana Russia boleh mengambil bahagian sedang dijalankan. Tarikh ketibaan pakar-pakar Russia tentulah bergantung kepada perundingan yang memuakan berkenaan dengan butir-butir lanjut penyertaan mereka dalam projek-projek pembangunan.

KONSEP PERKECUALIAN ASIA TENGGERA—PENGUMUMAN

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau telah mendapatkan keterangan dari Kerajaan Thai berkenaan dengan pengumuman terbuka yang dibuat oleh Naib Pengerusi Majlis Pemerintahan Kebangsaan, General Praphas Charusathien, bahawa konsep perkecualian Asia Tenggara tidak sesuai bagi negeri Thai sungguhpun konsep tersebut boleh jadi sesuai kepada negara-negara lain;
- (b) sebab-sebab perubahan dasar ataupun ketegasan bagi pihak Kerajaan Thai berhubung dengan peristiharan pengecualian Asia Tenggara di Kuala Lumpur; dan
- (c) samada perubahan dasar ataupun ketegasan Thai ini menjadikan kerugian yang amat sangat kepada seluruh konsep pengecualian Asia Tenggara seperti mana yang dianjurkan oleh Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, jawabnya ya, kita telah meminta penjelasan daripada Kerajaan Thai. Mengikut Kementerian Luar Negeri Thai, General Praphas telah membuat kenyataan atas beberapa perkara sebagai jawapan pada soalan-soalan

yang telah ditimbulkan semasa satu persidangan akhbar pada 7hb Ogos. Di antara soalan-soalan, ada suatu soalan berkenaan dengan pendapat beliau terhadap Peristiharan atau Deklarasi Kuala Lumpur yang hendak menjadikan Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkecuali. Kementerian Luar Negeri Thai telah menjelaskan bahawa pihak akhbar telah tersalah dalam lapuran mereka tentang kenyataan General Praphas itu. Apa yang sebenar dikatakan oleh General Praphas ialah "Ini adalah permulaan sahaja dan oleh itu, kita tidak patut mengata apa-apa". Dengan itu, soalan-soalan yang dikemukakan di (ii) dan (iii) tidaklah timbul.

KERAJAAN PAKISTAN DAN BANGLADESH—PERBINCANGAN

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Malaysia sebagai sebuah negara sahabat kepada kedua-dua Pakistan dan Bangladesh telah mengambil langkah-langkah untuk mengadakan perundingan dengan kedua-dua negara supaya orang-orang Pakistan dan kaum Bihari di Bangladesh kembali ke Pakistan dan orang-orang Sikh di Pakistan pula kembali ke Bangladesh.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidak pernah mengambil apa-apa langkah untuk mengadakan perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Pakistan dan Bangladesh. Adalah lebih baik perkara ini diselesaikan oleh mereka sendiri dan adalah difikirkan campur tangan sebuah negara lain atau negara ketiga akan tidak menguntungkan pada masa ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa masih ramai orang-orang kaum Bihari yang berada di Bangladesh dan juga orang-orang Benggali yang berada di Pakistan yang memang mendapat beberapa kesulitan dan kesusahan sebagaimana yang kita dengar dan kita baca dalam surat khabar. Tidakkah Yang Amat Berhormat memikirkan bahawa sebagai sebuah negara Islam dan sebagai memandangkan dari segi kemanusiaan, maka kita patut mengambil langkah bagi menolong orang-orang yang terlibat, bukan sahaja kepada negara itu, tetapi kepada orang-orang yang berkenaan supaya kesusahan itu dapat diatasi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kita sentiasa suka hendak memberi pertolongan kalau kita fikir pertolongan itu boleh memberi faedah. Pada masa ini Kerajaan memikirkan tidak ada berfaedah kalau kita campur-tangan dalam hal antara dua negara itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Malaysia ada memberitahu hal ini kepada pihak Setiausaha Agung Sekretariat Islam yang dipimpin oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj supaya perkara ini diambil tahu oleh pihak Sekretariat Islam yang berpusat di Jeddah?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya fikir kalau Ahli Yang Berhormat tahu, tentulah juga Setiausaha Agung Sekretariat Islam tahu hal ini dan saya fikir tak payah diberitahu, tentulah dia tahu. Dan saya fikir seperti yang saya katakan tadi, kita tak boleh campur-tangan dalam hal ini pada masa ini, kerana tidak akan memberi faedah kalau kita campur pun; saya ingat kita akan terapis dalam hal ini, jadi barangkali kita sudah berbaik-baik dengan dua-dua negara itu, nanti kita akan bermusuhan pula dengan dua negara itu.

JABATAN PEPERANGAN BRITISH—PEKERJA-PEKERJA AWAM

6. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang awam yang bekerja dengan Jabatan Peperangan British dahulu;
- (b) bilangan yang telah diserap oleh sektor awam;
- (c) bilangan yang telah diserap oleh sektor persendirian;
- (d) bilangan yang menganggur; dan
- (e) samada Kerajaan akan menimbang memulihkan mereka yang menganggur dengan tujuan memberi mereka peluang untuk mencari kehidupan mereka sendiri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, seramai lebih kurang 5,000 orang awam telah bekerja di Jabatan Peperangan British dahulu. Jumlah yang telah diserap oleh sektor awam dan sektor swasta tidaklah dapat ditentukan kerana pekerja-pekerja

ini tidak diwajibkan mendaftarkan diri di Pusat-pusat Pendaftaran Pekerja setelah perkhidmatan mereka ditamatkan. Walau bagaimanapun, adalah dipercayai bahawa sebilangan besar daripada mereka ini telah mendaftarkan diri di Pusat-pusat Pendaftaran Pekerja sebaik-baik sahaja perkhidmatan mereka ditamatkan oleh Jabatan Peperangan British.

Kerajaan daripada dahulu telahpun meminta supaya Jabatan-jabatan Kerajaan dan sektor swasta memberi keutamaan kepada mereka-mereka yang terlibat. Selain daripada itu, pihak-pihak yang berkenaan seperti FELDA, Kerajaan-kerajaan Negeri telah juga digesa mengambil mereka-mereka yang telah terputus mata pencarian. Kerajaan telah difahamkan bahawa ada di antara mereka itu telah menggunakan wang saguhati mereka untuk mengadakan sebuah Syarikat Kerjasama Serbaguna bagi meneruskan mata pencarian mereka.

PERKHIDMATAN KEHAKIMAN/ PERUNDANGAN—PERLETAKAN JAWATAN

7. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan peguam-peguam, mejistret-mejistret dan pegawai-pegawai perundangan yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang telah meletakkan jawatan-jawatan mereka sejak 1hb Julai, 1967 hingga 30hb Jun, 1972. Nyatakan juga samada perletakan-perletakan jawatan tersebut itu disebabkan gaji mereka terlampau rendah dan tidak seimbang dengan kelulusan-kelulusan mereka dan kewajipan serta tanggungjawab mereka yang berat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, bilangan ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang telah meletakkan jawatan mereka daripada 1hb Julai, 1967 sehingga 30hb Jun, 1972 ialah 19 orang. Sebab-sebab kenapa mereka berhenti tidak dapat dipastikan.

JAWATAN PENYANDANG DALAM JABATAN KERAJAAN

8. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan jawatan-jawatan yang dipanggil "personal to holder" dalam semua jabatan-jabatan Kerajaan; dan

- (b) samada ini bermakna bahawa pegawai itu tidak cekap ataupun disebabkan pilih kasih terhadap pegawai-pegawai itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, bilangan jawatan-jawatan yang diwujudkan secara khas untuk penyandang sehingga sekarang 9,124. 96% daripadanya adalah diwujudkan atas sebab pelaksanaan Suruhanjaya Gaji Suffian.

Jawatan-jawatan ini diwujudkan bukanlah untuk menampung pegawai-pegawai yang tidak cekap ataupun atas dasar pilih kasih, tetapi adalah diwujudkan atas sebab-sebab tertentu seperti penyusunan semua jawatan-jawatan Kerajaan.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan, saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri samada kemungkinan jawatan seperti ini akan dimansuhkan samasekali.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perkara ini akan ditimbang pada masa yang akan datang memandangkan kepada keadaan. Kalau Ahli Yang Berhormat sebagai bekas Pegawai Kerajaan tentu tahu jawatan yang semacam itu mustahak untuk hendak memberi tempat kepada mereka yang terlibat dalam susunan-susunan seperti itu.

MELINDUNGI ORANG AWAM DARI ANCAMAN KOMINIS

9. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan selama ini bagi melindungi orang-orang awam di kawasan RASCOM di Sarawak yang telah membantu Pasukan Keselamatan dari tindak balas penganas-penganas kominis kerana membalas dendam terhadap mereka.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, tindakan-tindakan yang tegas adalah diambil oleh Kerajaan bagi melindungi orang-orang awam yang telah membantu Pasukan Keselamatan dari tindakan balas penganas. Tindakan-tindakan itu adalah dirahsiakan demi kepentingan keselamatan mereka itu.

WANITA BERKHIDMAT SEBAGAI JURI

10. Tuan Lim Kit Siang minta Peguam Negara menyatakan samada beliau telah meminda Undang-undang untuk membolehkan wanita menjadi Juri.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf): Tuan Yang di Pertua, langkah sedang diambil sekarang bagi menyatukan semua undang-undang mengenai peraturan perbicaraan jenayah (criminal procedure). Dalam tugas itu peruntukan bagi membolehkan kaum wanita berkhidmat sebagai ahli juri akan ditimbang bagi dimasukkan dalam undang-undang yang akan dikeluarkan kelak.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Peguam Negara sedar bahawa ada beberapa masaalah dalam penggunaan juri ini sehingga menimbulkan kadang-kadang ada perasaan yang kurang memuaskan. Adakah Yang Berhormat Peguam Negara bercadang untuk memansuhkan penggunaan juri dalam perbicaraan yang tersebut?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua

Tuan Yang di Pertua: Saya kata tadi itu soalan lain.

PERATUS BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN

11. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian berapakah peratus kaum bumiputra dalam perdagangan di setiap negeri pada 30hb Jun, 1972.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, adalah tidak mungkin bagi saya tanpa satu perangkaan yang lengkap dan terbaharu untuk menyatakan dengan tepat data yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walaubagaimanapun maklumat berikut yang didapati daripada banci yang dikendalikan pada tahun 1971 oleh Jabatan Perangkaan, seperti yang terkandung

dalam buku "Panduan Pertubuhan-pertubuhan Jual-Runcit dan Jual-Borong yang dimiliki oleh orang-orang Melayu" dan "Panduan Pertubuhan-pertubuhan Perkhidmatan terpilih yang dimiliki oleh orang-orang Melayu dalam Kawasan-kawasan Bandar", mungkin dapat menunjukkan sejauh manakah penyertaan bumiputra dalam jenis-jenis perniagaan tersebut. Bancian ini tidaklah termasuk Malaysia Timor:

Borong dan Runcit

Negeri	Jumlah penubuhan	Peratus
Johor ...	489 ...	11.71
Kedah ...	303 ...	7.25
Kelantan ...	1,362 ...	32.61
Melaka ...	57 ...	1.36
Negri Sembilan ...	51 ...	1.22
Pahang ...	218 ...	5.22
Perak ...	228 ...	5.46
Pulau Pinang dan Seberang Prai ...	160 ...	3.83
Selangor ...	481 ...	11.52
Trengganu ...	828 ...	19.82
Jumlah ...	4,177	100.00

Perkhidmatan (termasuk restoran, tempat-tempat makan, hotel, dhobi, gunting dan kedai gambar)

Negeri	Jumlah penubuhan	Peratus
Johor ...	432 ...	12.26
Kedah ...	225 ...	6.38
Kelantan ...	852 ...	24.18
Melaka ...	131 ...	3.72
Negri Sembilan ...	74 ...	2.10
Pahang ...	134 ...	3.80
Perak ...	321 ...	9.11
Pulau Pinang dan Seberang Prai ...	470 ...	13.34
Selangor ...	523 ...	14.84
Trengganu ...	362 ...	10.27
Jumlah ...	3,524	100.00

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan apa tindakan yang telah diambil oleh

Kementeriannya untuk menggalakkan orang-orang Iban, Dayak dan sebagainya untuk mengambil bahagian dalam perdagangan dan perindustrian di negeri Sarawak?

Tuan Mohamed Khir Johari: Orang-orang Iban, Dayak dan sebagainya ialah termasuk dalam taarif bumiputra dan apa juga tindakan yang diambil untuk menolong kaum bumiputra Melayu di Malaysia Barat ini akan diambil juga bagi menolong kaum-kaum bumiputra di Sarawak dan juga di Sabah.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di Pertua, kalau saya tidak salah, saya dengar Menteri yang berkenaan mengatakan "akan" diambil. Mengapa "akan" diambil sedangkan Sarawak masuk dalam Malaysia sudah 9 tahun?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya sebut "akan" diambil itu sebagai continuity, tetapi apa yang sudah diambil memang Ahli Yang Berhormat itu sendiri tahu.

PAMPASAN KEPADA PEKERJA-PEKERJA—MENGULANGKAJI

12. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adakah Kementerian beliau akan mengulangkaji pampasan yang dibuat kepada pekerja-pekerja di bawah Ordinan Pampasan Pekerja di Sarawak memandangkan kepada kejadian kemalangan yang kerap berlaku terutama sekali di kalangan pekerja-pekerja kilang papan dan kayu balak di negeri itu.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di Pertua, jumlah bayaran Pampasan pekerja di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 di Malaysia Barat adalah sedang dikaji dan perkara ini telahpun dibentangkan di Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan untuk perbincangan. Adalah dicadangkan bahawa kajian ini pada dasarnya akan dipakai bagi Ordinan Pampasan Pekerja di Sabah dan Sarawak.

PENYAIR USMAN AWANG

13. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan membiayai atau pun memberikan bantuan kewangan bagi membolehkan penyair Usman Awang menghadiri Persidangan antara Sasterawan-sasterawan Antarabangsa baru-baru ini di Moscow; atau
- (b) adakah beliau pergi ke Moscow itu dengan inisiatifnya sendiri begi mewakili sasterawan-sasterawan Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Kerajaan tidak memberi sebarang bantuan kewangan kepada penyair Usman Awang bagi menghadiri Persidangan Penulis-penulis Antarabangsa yang diadakan di Moscow baru-baru ini.
- (b) Beliau pergi atas undangan yang dibuat oleh Kesatuan Penulis-penulis Soviet melalui saluran diplomatik iaitu melalui Kedutaan Besar Soviet Russia, Kuala Lumpur dan Kementerian Luar Negeri.

Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu, adakah penyair ini memberi apa-apa syor atau laporan kepada Kementerian di atas pandangan beliau semasa lawatannya dan adakah pihak Kementerian menerima syor-syor atau pandangan beliau itu?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Beliau tidak memberi apa-apa laporan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

DOKTOR DAN JURURAWAT DI JABATAN ORANG ASLI

14. Tuan Hashim bin Gera (di bawah S.O. 42 (2)) minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan doktor-doktor, doktor-doktor pergigian,

jururawat-jururawat dan lain-lain kakitangan tambahan yang bekerja di dalam Perkhidmatan Perubatan Orang Asli.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di Pertua,

Pegawai-pegawai Perubatan	...	5
Pegawai-pegawai Pergigian	...	2
Penyelia Jururawat		1
Jururawat Pengajar		1
Jururawat		8
Kakitangan perubatan lain		258
Kakitangan sambilan		134
Kakitangan Pencegah Malaria	...	96

Tuan Valentine Cotter: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa dalam negara kita ini masih banyak kekurangan doktor-doktor pergigian, khususnya di Sarawak?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kerajaan sedar.

SETINGGAN-SETINGGAN— NOTIS DIBERI

15. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan mengapa setingan-setingan biasanya diberi notis yang pendek untuk meninggalkan rumah-rumah mereka dan ini menimbulkan kesulitan yang amat sangat dan juga kerugian kewangan.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, sungguhpun mengikut segi undang-undang hanya notis selama seminggu patut dikeluarkan, tetapi setingan-setingan biasanya diberi notis selama satu bulan dan mereka juga diberi bantuan semasa berpindah ke rumah-rumah pangsa awam. Mereka selalunya dipindahkan ke rumah-rumah pangsa yang berhampiran dengan tempat mereka bekerja. Anak-anak mereka yang masih bersekolah juga ditukarkan ke sekolah-sekolah yang berdekatan dengan rumah-rumah pangsa yang berkenaan. Setingan-setingan diberi bantuan mengenai sewa dengan dibenarkan tinggal tanpa kena membayar sewa selama tiga bulan yang pertama dan selama 21 bulan yang berikutnya dikenakan membayar separuh sewa bulanan sahaja.

Setingan-setingan yang berpindah ke rumah-rumah pangsa juga diberi bantuan pengangkutan berserta dengan buruh-buruh oleh pihak Dewan Bandaraya. Sekiranya ada didapati setingan-setingan yang menghadapi kesusahan atau lain-lain kesulitan, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memberi bantuan. Pihak-pihak berkuasa yang tertentu memang mencuba sedaya upaya untuk mengurangkan sebarang kesukaran yang dihadapi oleh setingan-setingan semasa pemindahan mereka berlangsung.

Tuan Yeoh Teck Chye: Tuan Yang di Pertua, tempuh satu bulan, barangkali tidak cukup. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberi jaminan bila squatters hendak dipindahkan sekurang-kurangnya hendaklah diberi tempuh enam bulan kepada mereka?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, saya tidak dapat memberi jaminan kerana perpindahan setingan-setingan itu adalah bergantung kepada kes-kes. Mereka dibiarkan jika tiada tempat dipindahkan, Dewan Bandaraya memang tidak mengambil tindakan untuk memindahkannya.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar, oleh sebab perpindahan setingan-setingan akan menimbulkan masalah dan yang mustahak ialah pelajaran murid-murid maka bolehkah Menteri yang berkenaan pada dasarnya, memberi lebih daripada satu bulan notis kepada setingan-setingan, jika mereka disuruh pindah daripada rumah tersebut?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, sungguhpun notis itu satu bulan sahaja, tetapi keadaan satu-satu kes yang ditimbangkan oleh Dewan Bandaraya yang telah sudah, kebanyakannya setingan-setingan itu dipindahkan lebih daripada notis satu bulan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, boleh atau tidak didirikan rumah setingan-setingan itu flat-flat sesudah itu beri dia notis supaya dia pindah dalam tempuh satu bulan? Adakah diberi peluang begitu kepada setingan-setingan itu?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat sedar sebelum ada tempat untuk memindahkan

setinggalan-setinggalan itu tindakan tidak diambil oleh Dewan Bandaraya.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya tanya soalan ini oleh sebab perkara ini selalu berlaku dalam kawasan Pulau Pinang Selatan.

Tuan Yang di Pertua, setinggalan-setinggalan ini biasanya duduk selama 50 tahun atau 60 tahun lebih dan mereka selalu membayar hasil kepada tuan punya tanah atau kepada Kerajaan. Kerajaan beli dengan serta-merta tanah itu dan panggil penduduk-penduduk seperti setinggalan-setinggalan. Bagaimanakah Kerajaan boleh clarify orang-orang ini sebagai squatters yang membayar hasil selama-lamanya?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, sungguhpun begitu dari segi undang-undang, setinggalan itu tidak ada hak duduk selama-lamanya di tanah tersebut di mana mereka duduk pada masa sekarang.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Selalunya kerani-kerani yang pergi mengira (value) rumah-rumah ini ialah kerani-kerani yang muda yang tidak biasa dengan kewangan. Bolehkah Kerajaan mengkaji hal ini, iaitu kita akan set up a Committee to study the problems of squatters in the country?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan memang ada rancangan untuk menyelesaikan masalah ini. Rancangan itu dibuat supaya dapat lagi rancangan baharu untuk membuat lagi bangunan-bangunan rumah pangsa di tiap-tiap tempat yang ada masalah begitu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, untuk meringankan masalah-masalah masyarakat yang dihadapi oleh setinggalan-setinggalan, bolehkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menjalankan satu amalan (practice) di mana tiada setinggalan-setinggalan akan dipaksa pindah, jikalau dia tidak dapat rumah pangsa atau tempat lain?

Datuk Ong Kee Hui: Saya tidak mengerti apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di Pertua: Saya pun kurang faham! Cuba sekali lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya, bolehkah Dewan Bandaraya membuat satu dasar di mana tidak ada setinggalan-setinggalan akan dipaksa berpindah, jikalau dia tidak boleh dapat rumah pangsa atau tempat yang lain yang sesuai untuk berpindah?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, setinggalan-setinggalan itu, memang dari segi undang-undang tidak ada berhak duduk di sana. Dengan itu, apabila tuan punya tanah itu hendak membuat rancangan apa-apa, dia dapat, dari segi undang-undang mengambil tindakan supaya memindahkan setinggalan-setinggalan itu.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar iaitu gerai-gerai di padang letak kereta di tanah Kerajaan Negeri Selangor, Jalan Bukit Bintang, telah diberi notis bahawa rumah-rumah mereka itu akan dirobohkan pada 1 haribulan Januari? Adakah Menteri sedar? Kalau sedar, beri peluang, masa yang lebih untuk mereka mencari tempat lain di mana mereka boleh berpindah.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain. Ini patut disoalkan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri tahu iaitu ada dua authorities untuk memindahkan orang-orang di Bandaraya Kuala Lumpur ini, satu di Pejabat Daerah, Kuala Lumpur memberi notis sebulan menyuruh orang itu pergi? Yang kedua, Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Bolehkah Kementerian dan juga Pejabat Daerah, Kuala Lumpur, dapat berhubung berkenaan memberi notis itu supaya terselamat setinggalan-setinggalan tersebut?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Tadi Menteri kata, perkara itu bersangkutan dengan Kerajaan Negeri. Tetapi notis yang saya kata itu dikeluarkan oleh Datuk Bandaraya Kuala Lumpur. Notis itu ada di sini. Saya ingat Menteri itu tidak sedar. Bilakah Menteri

boleh periksa atas perkara itu dan tolong beri masa yang panjang sedikit?

Tuan Yang di Pertua: Yang dikatakan tadi ada dua notis. Lagi satu mana?

Tuan V. Veerappen: Kedua-dua notis itu serupa juga, dikeluarkan oleh Datuk Bandaraya Kuala Lumpur.

Datuk Ong Kee Hui: Saya akan ambil perhatian atas perkara ini, Tuan Yang di Pertua.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar kebiasaannya apabila setinggan-setinggan disuruh pindah, timbul-lah masalah kekurangan rumah-rumah di Kuala Lumpur. Jika beliau sedar, apakah tindakan beliau akan mengambil supaya Dewan Bandaraya boleh mengatasi masalah kekurangan rumah pangsa atau rumah murah di Kuala Lumpur?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, seperti kata saya tadi, sebelum ada tempat berpindah untuk setinggan-setinggan itu, Dewan Bandaraya memang tidak akan mengambil tindakan memindahkan setinggan-setinggan tersebut. Jika ada kes seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta beri butir-butir kepada saya.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di Pertua, selalunya, apabila Kerajaan kira (value) rumah, cuma dikira harga rumah sahaja, tidak dikira atau value harta-benda seperti pertanian, reban ayam-itek dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan dalam Dewan ini, iaitu pada masa yang akan datang apabila setinggan-setinggan disuruh keluar, Kerajaan mesti mengira harga segala harta-benda yang dipunyai oleh orang-orang yang semacam itu?

Datuk Ong Kee Hui: Itu, Tuan Yang di Pertua, ialah oleh kerana setinggan-setinggan tersebut tidak ada berhak duduk di sana. Apa-apa yang diberi kepada setinggan itu adalah merupakan tanda belas kasihan seperti gratuity, *ex-gratia* payment. Jadi itu terpulang kepada tuan punya tanah dan Dewan Bandaraya cuma membantu dengan seberapa bolehnya tuan punya tanah dengan setinggan-setinggan itu.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan dengan telitinya bagi mengarahkan Dewan Bandaraya menubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat untuk setinggan-setinggan ini, sebagaimana hawkers ada satu Jawatankuasa?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, Dewan Bandaraya ada satu Pertubuhan-penasihat dalam Dewan Bandaraya. Pada masa sekarang, Kementerian saya berfikir tidak perlu diadakan satu Jawatankuasa Khas untuk perkara ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ada beberapa tuan tanah private yang telah mengambil tindakan untuk memindahkan setinggan-setinggan dengan diberi notis yang kurang daripada satu bulan? Saya ada dapati satu notis yang memberi masanya satu minggu sahaja, jika beliau sedar, bolehkah beliau mengarahkan Datuk Bandaraya atau Dewan Bandaraya, jika perkara ini berlaku, menasihatkan tuan tanah private itu memberi notis yang sesuai kepada setinggan-setinggan di atas tanah mereka?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, Dewan Bandaraya cuma dapat memberi nasihat kepada tuan yang empunya tanah. Perkara ini selalu timbul dalam Court, jadi terpulanglah kepada Mahkamah menetapkan masa yang patut bagi setinggan-setinggan itu berpindah.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, masalah setinggan-setinggan ini sudah lama dan selalu kita terbaca dalam suratkhbar. Adakah Menteri yang berkenaan boleh memberitahu Dewan Rakyat ini supaya diadakan rancangan atau satu "target date" untuk menyelesaikan masalah setinggan-setinggan ini bagi mendirikan seberapa banyak rumah pangsa atau lain-lain langkah?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, Dewan Bandaraya memang ada rancangan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua untuk membangunkan lagi rumah-rumah pangsa untuk digunakan oleh orang yang tidak ada rumah atau setinggan-setinggan yang hendak dipindahkan di dalam kawasan Dewan Bandaraya, jadi rancangan ini meliputi dalam masa lima tahun yang akan datang. Butir-butir ini jikalau Ahli Yang

Berhormat berhubung dengan saya, saya dapat berikan penjelasan tentang perkara ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soal tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Menteri yang berkenaan menyatakan Dewan Bandaraya memang ada rancangan mendirikan rumah murah di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar, peruntukan kepada Rancangan Rumah Murah di Kuala Lumpur tidak cukup, dan jika beliau sedar, bolehkah beliau berhubung dengan rakannya Menteri Kewangan supaya Menteri Kewangan boleh memberi peruntukan yang lebih untuk Rancangan Rumah Murah di Kuala Lumpur?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, masalah berkenaan dengan membangunkan rumah pangsa bukan itu sahaja masalahnya bergantung kepada kewangan, masalah-masalah itu ada juga bergantung kepada terhad tempat-tempat yang patut digunakan untuk mendirikan rumah pangsa. Kementerian saya sedang berhubung dengan Kerajaan Negeri untuk dapat memiliki tanah untuk mendirikan rumah ini. Satu masalah lagi ialah bergantung kepada "rate of development" yang kita dapat buat dalam negara kita, iaitu kerana ada banyak lagi pembangunan-pembangunan yang lain, maka tidak dapatlah kita dengan segeranya membuat rumah-rumah pangsa ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan di Pertua, dahulu tak dapat ditangguh-tangguhkan lagi rumah setinggan-setinggan di belakang Batu Road itu di robohkan, sudah dirobohkan, dibakar, tetapi sampai hari ini tidak dibuat, jadi bolehkah Menteri yang bertanggungjawab menerangkan apabila sudah dirobohkan sahaja mestilah didalam tempuh yang tidak lama didirikan rumah pangsa.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, susah saya hendak jawab soalan itu secara am. Jikalau Ahli Yang Berhormat beri saya kes-kes yang specific dan beri notis kepada saya, saya dapat menjelaskan perkara ini.

KENDERAAN PERDAGANGAN— PENGGUNAAN BAHASA

16. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa tuanpunya-tuanpunya kenderaan per-

dagangan telah diberi amaran oleh pegawai-pegawai pengangkutan supaya jangan menggunakan bahasa-bahasa selain daripada Bahasa Malaysia dikenderaan mereka dan samada Kementerian beliau pernah mengeluarkan arahan mengenai perkara ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, saya sedar tentang adanya Pegawai-pegawai Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor Negeri-negeri dalam Malaysia Barat telah memberi nasihat dan meminta kerjasama daripada tuan-tuan punya lori, van dan bas supaya menggunakan Bahasa Malaysia dengan lebih besar dan menarik (prominent), disamping menggunakan lain-lain bahasa. Dibahagian hadapan kenderaan perdagangan boleh ditulis dengan nama atau nama perniagaan (trade name), manakala tulisan atau iklan-iklan yang lain boleh dipamirkan di bahagian kiri, kanan atau belakang lori, van atas bas dengan syarat bahawa tulisan dalam Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar dan menarik dan warnanya juga hendaklah yang prominent. Ini kadang-kadang bahawa lain warnanya merah penuh selompok-selompok, bahasa Malaysianya kecil-kecil warnanya hitam. Ini tidaklah sesuai dengan dasar Kerajaan.

PENGKALAN TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA—PEMBINAAN

17. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Pertahanan menyatakan kemajuan yang telah dicapai dalam membina Pengkalan Tentera Laut di Raja Malaysia yang dikatakan telah dimulakan dan jika diukur dari kemajuannya sekarang, bilakah agaknya pengkalan ini akan siap.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, berdasarkan di atas Laporan Kaji-suaian Lengkap yang telah dijalankan oleh sebuah syarikat perunding, kerja-kerja menyiapkan rekabentuk yang lengkap bagi pengkalan Tentera Laut akan dimulakan pada awal tahun 1973 dan kerja-kerja membina pengkalan itu akan dimulakan pada pertengahan tahun 1973. Pembinaan pengkalan tersebut akan dijalankan berperingkat-peringkat dan menurut rancangan yang ada sekarang, Pengkalan Tentera Laut itu akan siap dibina sepenuhnya dalam tahun 1980 bagi menyengsarakan satu angkatan laut yang cekap.

Tuan Valentine Cotter: Tuan Yang di Pertua, dengan adanya kelak Pengkalan-pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia ini ditubuhkan, ada berapa banyakkah kapal kapal akan dapat dimasukkan di tempat itu?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Latihan apa, Tuan Yang di Pertua?

Tuan Yang di Pertua: Saya pun tidak tahu. Ini perkara base, bukan perkara melatih orang.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini, berapa banyakkah wang peruntukan Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia ini atau berapa juta Kerajaan Pusat atau Kementerian Pertahanan ini akan membelanjakan untuk Pengkalan Tentera Laut ini?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, buat masa ini susahlah hendak diberi anggaran yang sebenarnya. Kalau saya katakan angka yang sebenarnya "X" mungkin Ahli Yang Berhormat akan bertanya fasal apa lebih ataupun kurang pada masa yang akan datang. Dengan sebab itu, mungkin Ahli Yang Berhormat ini dapat tahu apabila estimates akan diberi pada masa akan datang dan dengan yang demikian boleh diketahui di dalam angka estimatennya itu kelak.

MAKANAN PERCUMA KEPADA MURID-MURID

18. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa:

- (a) makanan percuma yang dibekalkan kepada murid-murid sekolah itu tidak mengandungi bahan-bahan kotor;
- (b) tidak berlaku perbuatan curi dan menipu sewaktu makanan percuma ini dihidangkan;
- (c) murid-murid sentiasa diberi makanan percuma oleh sekolah-sekolah; dan
- (d) beliau akan menimbang memberikan makanan percuma kepada semua murid-murid sekolah rendah di negara ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohammed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, sepertimana yang telah dijelaskan di dalam Dewan ini pada 12hb Disember yang lepas hanya bahan-bahan

makanan yang sesuai dan dalam keadaan baik sahaja dikeluarkan untuk dibekalkan kepada murid-murid sekolah.

Mengenai soalan (b) sehingga setakat ini tidak ada satu lapuran mengenai kecurian atau penipuan bahan-bahan makanan percuma itu. Saya difahamkan bahawa stock bahan-bahan makanan itu adalah disimpan dengan sempurna oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Mengenai soalan (c) ini terpulanglah kepada sekolah-sekolah yang mengendalikan rancangan makanan itu. Biasanya guru-guru besar sekolah-sekolah yang berkenaan dan membuat peraturan-peraturannya sendiri mengenai masa dan cara menyediakan makanan itu.

Mengenai soalan (d) Kementerian saya belum dapat mengadakan rancangan ini kerana ianya akan memakan belanja yang besar. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengkaji pada keseluruhannya perkara makanan tambahan ini di sekolah-sekolah. Rancangan makanan di sekolah-sekolah yang dipilih yang sedang dijalankan sekarang adalah dianjurkan oleh pertubuhan sukarela seperti Majlis Pusat Kebajikan, Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan Lembaga Tanah Persekutuan dengan ikhsan Perkhidmatan Kebajikan Catholic.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran menjelaskan apakah tindakan Kementerian telah ambil untuk menggalakkan sekolah-sekolah memberi makanan percuma kepada murid-murid atau adakah Kementerian Pelajaran memberi directive kepada tiap-tiap sekolah rendah di tanah air kita membuat rancangan makanan percuma kepada murid-muridnya?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya katakan tadi rancangan makanan ini dikendalikan oleh badan-badan sukarela dan sekolah-sekolah memang digalakkan menghubungkan badan-badan sukarela ini bagi mendapatkan bantuan makanan tambahan ini, dan masalah mengeluarkan directive kepada semua sekolah-sekolah, saya rasa, dari segi badan sukarela ini sendiri tentu mereka mempunyai kemampuan yang terhad dan sebab itu sekolah-sekolah yang disediakan makanan tambahan adalah dipilih oleh mereka sendiri.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu badan untuk mengumpulkan tenaga dan usaha badan-badan sukarela ini supaya perkara ini dibereskan lagi dan bantuan ke sekolah-sekolah dapat diperbuat dengan lebih baik daripada sekarang ini?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, dalam jawapan saya tadi, saya telah menyebutkan bahawa Kerajaan sedang mengkaji rancangan makanan tambahan ini pada keseluruhannya.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar di antara sebab-sebab berlakunya keciciran khasnya antara murid-murid Melayu ialah kebanyakan murid-murid yang pergi ke sekolah dengan perut lapar. Oleh sebab itu, bolehkah Kementerian Pelajaran mengambil perhatian khas untuk mengatasi masalah murid-murid pergi ke sekolah dengan perut lapar?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Perkara itu kita memang maklum dan kita ambil perhatian dari semasa ke semasa, tetapi walau macam manapun, Ahli Yang Berhormat itu maklum bahawa kanak-kanak ini apabila balik dari dekolah makan juga, jadi tidak bererti dia tidak makan satu hari.

Tuan Valentine Cotter: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah makanan percuma kepada semua murid-murid itu termasuk di Sarawak, jika ya, bilakah dimulakan?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya kurang maklum atas perkara ini, tetapi saya akan memberi tahu Ahli Yang Berhormat itu selepas saya membuat kajian dalam perkara ini. Yang saya tahu mengenai projek-projek yang dijalankan di Malaysia Barat.

SIJIL KERAKYATAN— KELAMBATAN MENYEMAK

19. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa bilangan Sijil Kerakyatan Fasal 30 yang ditolak;

(b) samada beliau sedar bahawa adanya aduan-aduan atas kelambatan menyemak Sijil Kerakyatan Fasal 30 sesudah dibuat keputusan melaksanakan penyemakan itu;

(c) nyatakan jangka masa yang diambil bagi menyemak satu-satu Sijil Kerakyatan di bawah Fasal 30; dan

(d) samada Kementerian akan mengambil tindakan untuk menyingkatkan masa bagi menyemak Sijil-sijil untuk faedah orang ramai.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di Pertua,

(a) Bilangan sijil-sijil di bawah Perkara 30 yang telah ditolak sebagai tidak teratur ialah 15,905.

(b) Oleh sebab penyemakan 268,756 sijil-sijil itu adalah dijalankan di tiap-tiap Pejabat Daerah dan Pejabat Pendaftaran di seluruh negeri ini, maka kadang-kadang aduan dan sungutan daripada sebilangan kecil daripada pemegang-pemegangnya tidaklah dapat dielakkan, lebih-lebih lagi selepas daripada 30hb September, 1972 manakala kakitangan-kakitangan yang ditugaskan menyemak sijil-sijil itu telah dikurangkan. Sungguhpun demikian tiap-tiap aduan dan sungutan itu telah diberi perhatian yang sewajarnya.

(c) Menurut keadaan sebelum daripada 30hb September, 1972 penentuan, samada sesuatu sijil itu teratur atau sebaliknya, dapat diperbuat di mana-mana Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Daerah dalam masa 10-15 minit. Bagi sesuatu sijil yang didapati tidak teratur, sipemegangnya adalah diberi peluang untuk mengemukakan kepada Pendaftaran Besar Warganegara sebab-sebab mengapa sijilnya tidak boleh dibatalkan. Masa yang diambil untuk memberikan keputusan yang muktamad mengenai sijil yang tidak teratur itu adalah bergantung kepada jawapan yang diterima daripada sipemegangnya. Keadaan ini telah berubah sedikit selepas 30hb September, 1972 dengan sebab kakitangan-kakitangan yang ditugaskan di Pejabat Pendaftaran telah dikurangkan. Kelewatan akan berlaku jika banyak sangat bilangan sijil-sijil yang diserahkan pada sesuatu masa. Ini tidaklah boleh disalahkan kepada

Jabatan Pendaftaran kerana segala kemudahan-kemudahan telah diberi kepada orangramai untuk menyerahkan sijil-sijil mereka dalam masa yang cukup daripada bulan Ogos, 1970 hingga 30hb September, 1972 iaitu selama lebih dari 2 tahun. Sesungguhnya penerangan yang luas telah diperbuat menerusi alat-alat sebaran am meminta orangramai menyerahkan sijil-sijil Perkara 30 itu untuk di semak sebelum daripada 30hb September, 1972. Mereka telah diberitahu bahawa sekiranya mereka tidak menyerahkan sijil-sijil mereka sebelum 30hb September, 1972 maka kelewatan dan kesulitan akan berlaku dengan sebab kakitangan yang menguruskan penyemakan itu akan dikurangkan.

- (d) Masa yang diambil untuk menyemak sesuatu sijil itu adalah tidak berubah dan tertakluk kepada kedudukan yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun segala ikhtiar akan dijalankan oleh Pejabat Pendaftaran untuk menyenangkan orang ramai.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu sebab-sebabnya beribu-ribu surat kerakyatan telah pun ditolak?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya kurang dengar, bahagian akhir soalan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di Pertua: Cuba sekali lagi.

Tuan T. S. Gabriel: Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu Dewan ini sebab-sebab beribu-ribu sijil kerakyatan di bawah Artikel 30 telah pun ditolak oleh Kerajaan?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya rasa Ahli Yang Berhormat kurang dengar jawapan saya tadi—saya sudah jawab.

CABUTAN SIJIL KERAKYATAN SECARA NATURALISATION

20. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Kerajaan mengambil lebih kurang setahun

untuk mengeluarkan Cabutan Sijil Kerakyatan secara "Naturalisation" yang diakui sah kepada seorang pemohon di Daerah Batang Padang.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, semua rekod Kewarganegaraan Persekutuan adalah disimpan dan diselenggarakan hanya di Petaling Jaya dan oleh itu semua permohonan untuk Cabutan mengenai Sijil-sijil Kerakyatan tersebut adalah dilayani di Pusat Pendaftaran Kewarganegaraan, Petaling Jaya dengan segera. Kebanyakan kes di mana butir-butir yang disediakan itu adalah teratur. Cabutan-cabutan dikeluarkan pada hari itu juga bila permohonan-permohonan diterima dan tiada sebarang permohonan ditangguhkan selama lebih dari dua minggu tanpa sebab-sebab yang menasabah.

Walaubagaimanapun, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada Sijil-sijil Masukan yang dikeluarkan di bawah Enakmen Kerakyatan Negeri di Daerah Batang Padang, beliau hendaklah memberikan butir-butir penuh tentang kes itu, kerana daftar mengenai pengeluaran sijil-sijil tersebut adalah disimpan oleh Pegawai Daerah, Batang Padang, yang mana beliau menjadi Timbalan Pendaftar Rakyat, Negeri Perak dalam Daerah itu.

JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN— JALAN SEHALA

21. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab berlaku kelambatan hendak menjadikan Jalan Tuanku Abdul Rahman itu sebagai jalan sehalu.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, sistem jalan sehalu bagi Jalan Tuanku Abdul Rahman adalah dijangka akan siap pada penghujung tahun 1973 seperti yang dijadualkan. Oleh yang demikian, kelambatan melaksanakan sistem tersebut tidak timbul.

Jalan Tuanku Abdul Rahman antara Jalan Mountbatten dengan Jalan Campbell boleh dijadikan jalan sehalu dan boleh dibuka kepada lalulintas pada penghujung bulan Mac 1973, oleh kerana sistem "gyratory" boleh diteruskan berperingkat-peringkat seperti yang telah dibuat di Jalan Raja Laut yang telah dibuka untuk lalulintas antara Jalan Parlimen dan Jalan Hang Jebat.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan sebab-sebabnya yang Jalan Tuanku Abdul Rahman tidak boleh pada penghujung bulan Mac tahun hadapan menjadi jalan sehalu keseluruhannya?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, sistem "gyratory" dari Jalan Parlimen ke Jalan Ipoh mestilah disiapkan terlebih dahulu sebelum bahagian Jalan Tuanku Abdul Rahman, iaitu di antara Jalan Campbell dan Jalan Mountbatten boleh dijadikan jalan sehalu. Ini menyebabkan:

- (i) memasang lampu isyarat di Jalan Rodrigue/Jalan Chow Kit dan di hadapan Dewan Bandaraya di Jalan Parlimen/Jalan Raja Laut;
- (ii) mengambil balik tanah yang sekarang ini sedang digunakan untuk pam minyak di tambahan Jalan Stoney;
- (iii) merubuhkan dua buah rumah kedai di Jalan Semarang;
- (iv) mengeluarkan penjaja-penjaja di Jalan Chow Kit.

Kerja-kerja ini dijangka dapat disiapkan pada penghujung bulan Mac, 1973 supaya sistem "gyratory" boleh dilaksanakan. Seterusnya Jalan Tuanku Abdul Rahman bolehlah dijadikan jalan sehalu di antara Jalan Mountbatten dan Jalan Campbell.

KERETAPI KELANG-KUALA LUMPUR—MENGURANGKAN PERKHIDMATAN

22. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapa perkhidmatan keretapi antara Pelabuhan Kelang dan Kuala Lumpur serta antara Petaling Jaya dan Kuala Lumpur telah dikurangkan menyebabkan kesusahan kepada orang ramai yang biasa menggunakan perkhidmatan ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, soalan ini tidak timbul lagi dan sepatutnya Ahli Yang Berhormat itu menarik balik, kerana perkhidmatan keretapi ke Kelang, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya ini telah dihentikan pada 11hb Disember dan saya telah memberi penerangan umum dan patut Ahli Yang Berhormat faham dan tahu Perkhidmatan Keretapi rugi lebih daripada \$400,000

setahun dan saya tidak payahlah panjangkan cerita ini lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, sesebuah negara mengadakan perkhidmatan keretapi bukanlah untuk mencari keuntungan, tetapi ialah untuk public utility service. Oleh yang demikian, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini samada transport system di negara kita ini untuk mencari untung atau untuk public service?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat ini sebagai seorang Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan dalam Malaysia ini patutlah faham dan tahu jalan yang pergi ke Kelang, ke Kuala Lumpur dan Petaling Jaya bahawa keretapi yang membawa penumpang, kalau rugi, ada jalan bas yang boleh menguntungkan bas. Sepatutnya beliau berterima kasih bahawa bas boleh lagi digunakannya dengan senang. Keretapi bukan sebuah badan charitable institution. Mengikut Perlembagaan Keretapi, keretapi mesti dijalankan dengan cara yang ekonomik—commercial organisation. Maka oleh kerana itulah keretapi sudah rugi beberapa juta tiap-tiap tahun dan telah diperintahkan supaya dikurangkan kerugiannya. Ini satu daripada cara menutup kerugian itu. Inilah dasar keretapi dan dasar Kerajaan Perikatan.

Datuk Tajudin bin Ali: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Perkhidmatan Keretapi ke Pelabuhan Klang telah dikurangkan dan menyebabkan rakyat jelata telah menderita. Oleh yang demikian, mengikut Dasar Ekonomi Baharu, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan perkhidmatan bas bumiputra mengambil tempat keretapi daripada Kuala Lumpur ke Port Klang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soalan lain.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar beribu-ribu murid sekolah dan kakitangan Kerajaan berdiri tiap-tiap pagi di sepanjang jalan dan Petaling Jaya ke Kuala Lumpur menunggu bas? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memikirkan balik untuk mengadakan balik perkhidmatan keretapi dan dengan ini dapat mengurangkan kesesakan jalanraya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya sudah timbangkan. Bas-bas yang ada, iaitu bas Kelang dan Sri Jaya telah bersetuju mengadakan banyak kali tripnya dan banyak lagi basnya. Janganlah hendakkan credit itu.

Tuan V. David: Kalau Yang Berhormat Menteri boleh pada satu hari mengikut saya duduk di dalam bas, beliau tentu tahu macam mana orang ramai susah mendapatkan bas pada waktu pagi dari Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur. Yang Berhormat Menteri selalu

Tuan Yang di Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan V. David: Saya mahu memberi keterangan, beribu-ribu orang

Tuan Yang di Pertua: Keterangan tidak payah—semua orang tahu.

Tuan V. David: Adakah Yang Berhormat Menteri tahu beribu-ribu orang tidak dapat transport daripada Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Beribu-ribu, ini cakap sahaja. Kita ada statistik, averagenya 200 orang sehari. Jadi rugi keretapi. Dia cakap beribu-ribu (*Ketawa*) tetapi dia tak ada angka-angka itu.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 23 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).

KERETAPI MEL KUALA LUMPUR KE BUTTERWORTH

23. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapa keretapi mel daripada Kuala Lumpur ke Butterworth tidak berhenti di Prai menyebabkan kekecewaan kepada kanak-kanak sekolah, pekerja-pekerja dan orang ramai yang menggunakan perkhidmatan ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Keretapi mel daripada Kuala Lumpur ke Butterworth tidak berhenti di Prai kerana:

- (i) Perberhentian keretapi mel di Halt Prai adalah tidak ekonomik kerana pendapatan hitung panjang sehari dari setesyen ini bagi perjalanan keretapi mel di antara Prai ke Butterworth ialah \$2.00 dan daripada Butterworth ke Prai ialah \$1.00 sahaja. Tindakan ini ialah diambil sewajar dengan nasihat-nasihat yang telah dibuat oleh Lapuran-lapuran Nathan dan Jawatankuasa Terpilih berhubung dengan penutupan setesyen-setesyen atau halt tidak ekonomik.
- (ii) Cuma keretapi mel sahaja yang tidak berhenti di Prai. Sembilan lagi keretapi-keretapi "local" berhenti di Perhentian ini dan kemudahan-kemudahan bagi kanak-kanak sekolah, pekerja-pekerja dan orang ramai yang menggunakan perhentian di Prai ini dapat diperolehi daripada Keretapi "local" ini.

PENERBANGAN MAS—SEBAB PEMBATALAN

24. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan telah mengetahui sebab atau sebab-sebabnya sebahagian besar negara ini diliputi kabus dalam bulan Oktober, 1972 dan adakah dengan sebab kabus itulah beberapa penerbangan MAS terpaksa dibatalkan dan samada Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk menjamin bahawa penerbangan-penerbangan oleh MAS atau lain-lain syarikat penerbangan pada masa akan datang tidak akan dibatalkan oleh kerana kabus itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kabus yang meliputi Malaysia dalam bulan Oktober 1972 ialah disebabkan oleh banyak kebakaran-kebakaran hutan di pulau-pulau yang berjiran. Ini telah disahkan oleh gambar-gambar satelit dan lapuran-lapuran penerbangan yang diterima oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia.

Sebab-sebab kabus ini berlaku telah dijelaskan kepada orang ramai melalui akhbar oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia.

Kejadian tersebut telah menyebabkan 2 penerbangan MAS terpaksa dibatalkan dan dua penerbangan terpaksa diedarkan ke Lapangan Terbang yang lain. Penerbangan ini terpaksa dibatalkan untuk menjaga keselamatan.

PENYELUDUPAN NARKOTIK

25. **Dr Chen Man Hin** minta Peguam Negara menyatakan:

- (i) sejauh manakah Malaysia Barat telah digunakan sebagai suatu jalan penyeludupan oleh penyeludup narkotik ke pasaran-pasaran antarabangsa dan langkah-langkah yang diambil oleh Biro Pencegah Narkotik untuk menyekat kegiatan ini; dan
- (ii) bagaimana luasnya penggunaan narkotik di kalangan belia-belia di negara ini dan samada pusat-pusat rawatan atau pemulihan telah ditubuhkan untuk menolong penagih-penagih yang malang ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tidak ada keterangan yang terang dan tepat menunjukan Malaysia Barat telah diguna sebagai suatu jalan penyeludupan oleh penyeludup narkotik ke pasaran-pasaran antarabangsa. Tetapi angka-angka tangkapan dan rampasan yang disebut di bawah ini boleh membayangkan keberatan soal narkotik, samada barang-barang itu untuk pasaran luar atau untuk kegunaan tempatan.

Tahun		Raw Opium	Prepared Opium	Morphine	Ganja	Herion
1970	Tangkapan (orang)	33	13	6	40	—
	Rampasan ...	4,800 lbs	38.6 lbs	140 lbs	3,070 lbs 4,418 pokok	
1971	Tangkapan (orang)	18	12	5	49	—
	Rampasan ...	1,115.7 lbs	36.12 lbs	12.6 lbs	2,604 lbs 10,191 pokok	
1972	Tangkapan (orang)	5	9	—	25	5
	Rampasan ...	1,203 lbs	3.8 lbs	114 lbs	1,611 lbs 4,564 pokok	3.4 lbs

Biro Pencegah Narkotik baharu ditubuhkan pada 1-10-72. Rancangan-rancangan sedang dibuat untuk mengadakan Cawangan Biro ini di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Di Malaysia Timur Cawangan akan diadakan di Kuching. Keutamaan sedang diberi kepada penubuhan Cawangan di Pulau Pinang kerana di tempat itu pada masa ini kegiatan menyeludup narkotik adalah tinggi daripada tempat-tempat yang lain.

Biro Pencegah Narkotik juga sedang membuat perhubungan dengan negeri-negeri jiran (neighbouring countries) seumpama Thailand, Singapura, Indonesia untuk mendapat kerjasama dari negeri-negeri itu dalam lapangan mencegah dan menangkap penyeludupan-penyeludupan.

(ii) Mengikut statistics, dalam jumlah besar orang-orang yang ditangkap atas kesalahan bersangkutan narkotik hanya 7.5% daripadanya ialah belia-belia (berumur 20 tahun ke bawah). Angka ini meliputi masa 3 tahun yang lalu.

Rawatan untuk penagih-penagih narkotik boleh didapati di semua Rumah Sakit dalam negeri ini dan di Rumah Sakit Otak Tanjong Rambutan. Tempat Pemulihan khas untuk penagih-penagih belum diadakan lagi. Perkara ini masih dalam kajian Biro Pencegah Narkotik dan akan dilaksanakan jika, dan bila perlu.

LESEN SENJATAPI—BAYARAN

26. **Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebabnya kenapa Kerajaan tidak membezakan bayaran lesen senjatapi mengikut jenis-jenis senjatapi itu kerana jika dibezakan, hasil negara dari punca ini akan bertambah.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tidak betul sangkaan Ahli Yang Berhormat menyatakan Kerajaan tidak membezakan bayaran lesen bagi senjatapi mengikut jenis-jenis senjatapi.

Pembayaran lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua kepada Akta Senjatapi, 1960 membahagikan jenis-jenis senjatapi kepada dua bahagian iaitu senapang-atau-pistol angin dan senjatapi lelain. Lesen untuk memileki sepucuk senapang-angin atau pistol-angin dikenakan bayaran \$5.00 setahun; tetapi, untuk memileki lelain senjatapi seperti senapang-patah, rifle, pistol atau revolver bayarannya dilipatgandakan menjadi \$10.00 setahun untuk selaras. Orang-orang yang terpaksa memileki senapang-patah untuk digunakan bagi memperindungi tanaman mereka dari serangan musuh dikenakan pembayaran lesen senjatapi sebanyak \$2.00 setahun.

Kementerian saya akan mengkaji samada patut dibezakan lagi pembayaran lesen mengikut jenis-jenis senjatapi.

KEMATIAN TERNAKAN AKIBAT KEKOTORAN AIR

27. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk di Bruas telah kehilangan mata pencarian mereka kerana binatang-binatang ternakan mereka habis musnah akibat kekotoran air Sungai Bruas yang mengalir dari Kilang Ubi Kayu Pantai Remis dan Gula Perak Sdn. Bhd.; jika ya, apa tindakan yang akan diambil terhadap kedua-dua kilang ini yang dijalankan tanpa permit mengikut Ordinan Makanan dan Ubat.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya tidak menyedari kejadian kematian ternakan disebabkan oleh pencemaran daripada kilang ubi kayu di Pantai Remis dan Kilang Gula Perak Sdn. Bhd. oleh kerana kejadian seperti ini tidak dianggapkan dan seharusnya boleh berlaku. Walau bagaimanapun penyiasatan yang telah dilakukan pada suatu masa dahulu masih lagi dijalankan dan langkah-langkah yang sesuai akan diambil bagi mengawal sebarang pencemaran. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan iaitu adalah tidak perlu dan sesuai untuk mengambil sebarang tindakan di bawah Ordinan Makanan dan Dadah kerana Ordinan ini tidak meliputi pengeluaran kekotoran atau pencemaran

daripada saloran. Kementerian Kesihatan sangatlah mengambil berat atas pencemaran yang disebabkan oleh perusahaan-perusahaan dan mengambil setiap langkah bagi mengawal segala pencemaran; dan Dewan ini akan diberitahu secepat mungkin pertubuhan mengenai undang-undang yang akan dibentuk bagi memerhati perkara-perkara pengawalan semua jenis pencemaran alam sekeliling.

PELABUR ASING DI KEMUNTING

28. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa pelabur-pelabur asing tidak begitu tertarik hendak melaburkan modal mereka di dalam perusahaan di Kawasan Perusahaan Kemunting kerana kadar harga air dan kuasa letrik yang tinggi, dan jika sedar apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki kedudukan ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Adalah tidak benar bahawa pelabur-pelabur asing tidak cenderung untuk melabur dalam perusahaan-perusahaan di kawasan perusahaan Kemunting kerana kadar pembayaran air dan letrik yang tinggi. Kadar pembayaran air pada masa ini di kawasan perusahaan Kemunting ialah \$1.70 bagi tiap-tiap 1,000 gelen. Ini adalah seimbang dengan kadar yang dikenakan di kawasan-kawasan perusahaan lain di negeri ini. Kadar bayaran kuasa pula adalah mengikut tarif Lembaga Letrik Negara yang biasa dan dengan itu adalah sama dengan kebanyakan kawasan perusahaan yang lain di negeri ini.

Pada masa ini terdapat lebih daripada 10 syarikat yang menjalankan perusahaan di kawasan perusahaan Kemunting yang mana textile ialah barang utama yang dikeluarkan. Disebabkan perusahaan-perusahaan textile menggunakan air sangat banyak, maka pembayaran air di kawasan perusahaan Kemunting telah dikaji semula dan mulai dari 1hb Januari, 1973 pembayaran-pembayaran adalah seperti berikut:

Kegunaan kurang dari 500,000 gelen/bulan	\$1.70 bagi tiap-tiap 1,000 gelen
Kegunaan melebihi 500,000 gelen/bulan	\$1.60 bagi tiap-tiap 1,000 gelen
Kegunaan melebihi 1,000,000 gelen/bulan	\$1.50 bagi tiap-tiap 1,000 gelen

BARANG-BARANG IMPOT DARI CINA

29. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan jumlah barang-barang yang diimpot dari negeri Cina semenjak kedua-dua lawatan rombongan PERNAS ke sana.

Perdana Menteri: PERNAS telah membuat dua lawatan ke negeri Cina pada tahun 1971. Impot dari negeri tersebut semenjak itu ialah pada tahun 1971 berjumlah sebanyak \$137.9 juta dan pada tahun 1972 bagi bulan Januari hingga Ogos berjumlah sebanyak \$92.4 juta.

TANDA HARGA—MELETAKKAN

30. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa setengah-setengah pekedai-pekedai disamping meletakkan tanda harga kepada barang-barang jualan mereka, mereka juga mengambil kesempatan menaikkan harga barang-barang ini dan sungguhpun tanda-tanda harga ada diletakkan, tetapi setengah-setengah harga itu adalah harga tetap dan setengahnya pula tidak; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tujuan tanda harga dikuatkuasakan ialah untuk memudahkan pengguna-pengguna membuat pembelian dengan berpanduan kepada harga-harga yang ditunjukkan bagi satu-satu barang yang serupa. Jika seseorang peniaga menjual dengan harga yang lebih tinggi daripada lawan-lawannya, ia akan kehilangan perniagaannya. Jadinya adalah untuk kebaikan dirinya sendiri menunjukkan harga-harga yang menasabah bagi barang-barangnya. Selain daripada itu tanda harga juga dapat menolong mengesan samada terdapat sebarang kenaikan yang tidak menasabah dalam harga barang-barang umpamanya dengan memasukkan cukai jualan bagi barang-barang yang dikecualikan daripada cukai tersebut dan jika harga-harga yang menasabah tidak ditunjukkan peniaga-peniaga akan dipinta menurunkan harganya. Bagi beberapa barang-barang seperti gula, susu, tepung gandum dan lain-lain yang mana pengilang-pengilang tempatan telah dikenakan syarat supaya mengadakan sesuatu harga borong dan runcit ke atasnya tanda

harga akan menentukan yang harga-harga yang dibenarkan adalah dipatuhi dan tindakan yang sesuai boleh diambil terhadap kegagalan mematuhi.

PENCEGAHAN PENYAKIT KEPADA ORANG ASLI

31. Dr A. Soorian minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan samada kerja-kerja tambahan yang telah dijalankan ke atas pencegahan penyakit kepada Orang Asli termasuk (a) pengawasan batuk kering; (b) pengawasan Malaria; (c) suntikan-suntikan B.C.G., D.P.T.; (d) suntikan "poliomyelitis"; (e) rumah sakit bersalin; (f) perkhidmatan kebajikan kanak-kanak dan (g) pelajaran kesihatan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mempunyai 3 unit x-ray, 1 x-ray di Hospital Jabatan Orang Asli di Gombak, dan 2 unit x-ray bergerak yang dihantar ke semua kawasan Orang Asli dengan helikopter dan melalui jalan raya dan sungai, 13,000 Orang Asli di x-ray tiap-tiap tahun dan pekerja-pekerja malaria selalu melawat hutan untuk mengambil specimen kahak bagi menentukan samada Orang Asli mengidap Tibi atau tidak.
- (b) Semenjak tahun 1969 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah menjalankan satu kempen Pencegah Malaria di satu kawasan seluas 5,000 batu persegi dipendalaman hutan yang mempunyai penduduk-penduduk Orang Asli seramai 20,000 orang. Kempen tersebut dijalankan di bawah pengawasan dan bagi pihak Kementerian Kesihatan. Bilangan kes-kes malaria semenjak permulaan kempen tersebut telah banyak berkurangan.
- (c) Suntikan B.C.G. dan D.P.T. adalah dibuat oleh doktor-doktor dan jururawat-jururawat yang melawat kawasan-kawasan Orang Asli. Semua kanak-kanak yang baharu lahir di hospital Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diberi suntikan tersebut.
- (d) Suntikan "poliomyelitis" diberi apabila perlu. Lebih kurang 1,350 suntikan sebulan daripada semua jenis diberi tiap-tiap bulan.

(e) Hospital Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mempunyai satu Unit Kelahiran. jumlah kelahiran di situ pada 1971 adalah 250. Doktor-doktor, jururawat-jururawat dan Pengurus Orang Asli dan Pembantu Orang Asli yang telah diberi latihan perbidanan sentiasa melawat kawasan-kawasan Orang Asli untuk memberi nasihat dan menolong ibu-ibu Orang Asli bersalin.

(f) Kelas-kelas bagi kesihatan dan kebajikan kanak-kanak selalu dijalankan bagi ibu-ibu di Hospital Jabatan Orang Asli dan doktor-doktor, jururawat-jururawat dan kakitangan perubatan di 72 buah pos perubatan sentiasa melawat kampung-kampung Orang Asli bagi memberi rawatan dan nasihat bagi kebajikan kanak-kanak Orang Asli.

(g) Tiap-tiap tahun lebih kurang 20 kakitangan Jabatan Orang Asli dihantar untuk menerima latihan di Pusat Latihan Kesihatan, Kementerian Kesihatan di Negri Sembilan. Semua kakitangan tersebut dan doktor-doktor dan jururawat-jururawat Jabatan selalu memberi nasihat dan latihan kesihatan kepada Orang Asli termasuk perkara seperti jenis makanan yang mempunyai zat dan logam, cara membina taridas, kebersehan air minuman, kebersehan halaman rumah, langkah-langkah pencegahan malaria dan perkara kesihatan am.

WAD DI HOSPITAL—MENGHAPUSKAN PERBEZAAN KELAS

32. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan menghapuskan perbezaan kelas wad-wad di hospital-hospital.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian saya akan mengkaji cadangan untuk menukarkan sistem wad bekelas-kelas di hospital-hospital Kerajaan dan akan menguatkuasakannya apabila sesuai atau menasabah.

KAPAL-KAPAL T.L.D.M.—MEMBAIKI

33. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan

(a) mengapakah kapal-kapal T.L.D.M. selalu dihantar ke Singapura untuk diperbaiki dan mengapakah kapal-kapal itu tidak diperbaiki di negeri ini; dan

(b) samada Kerajaan bercadang untuk membina dengan seberapa segera yang boleh sebuah limbungan khas untuk membaiki kapal-kapal T.L.D.M. memandang kepada keperluan mempunyai kemudahan-kemudahan tersebut pada masa sekarang.

Perdana Menteri:

(a) Kemudahan-kemudahan untuk membaiki kapal-kapal T.L.D.M. hanya dapat diperolehi di dalam negeri ini mulai awal tahun 1972 iaitu apabila Limbungan Hong Leong Lurssen di Butterworth siap dibina. Sejak tarikh itu kapal-kapal T.L.D.M. adalah dihantar ke Limbungan tersebut untuk diperbaiki.

(b) Projek Pengkalan T.L.D.M. di Lumut adalah termasuk pembinaan sebuah limbungan yang akan menyediakan kemudahan-kemudahan membaiki kapal-kapal T.L.D.M. Projek itu dijangka akan siap dalam tahun 1981.

PEMAJU PERUMAHAN PERSENDIRIAN—UNDANG-UNDANG

34. Tuan Hor Chock Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau bercadang mengenakan suatu undang-undang dengan mana pemaaju-pemaaju perumahan persendirian dikehendaki:

- (i) menetapkan tarikh pembinaan bangunan-bangunan akan disiapkan;
- (ii) menyatakan bila pembeli-pembeli boleh menduduki rumah-rumah itu; dan
- (iii) menyatakan bila geran-geran akan dapat diberi kepada pemilik-pemilik rumah.

Tun Dr Ismail Al-Hal: Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, saya mengesyurkan kepada beliau supaya membaca Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaaju Perumahan, 1970. Jika beliau berbuat demikian, beliau akan dapati bahawa semua perkara yang dibangkitkan oleh beliau itu telah diperlindungi dengan cukupnya dalam Kaedah 12 mengenai kontrek penjualan dan khususnya Kaedah 12 (1) (o) dan 12 (1) (p). Oleh demikian tidaklah perlu diadakan Undang-undang tambahan lagi.

SURAT RASMI KERAJAAN MALAYSIA—MENGGUNAKAN

35. Tuan V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia telah menggunakan kepala surat rasmi Kerajaan Malaysia kepada Perdana Menteri Singapura bertarikh 12hb Mei, 1971, bagi kegunaan perniagaannya sendiri berhubung dengan pelaburannya dalam "Singapore Herald" dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini.

Perdana Menteri: Ketua-ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia diberi "discretion" atau budibicara masing-masing dalam menggunakan kertas surat rasmi, memandang bahawa kebanyakan kertas surat itu mengandungi alamat tempat kediaman rasmi Ketua Perwakilan.

Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah samada mereka menulis dari segi peribadi atau rasmi.

Adalah nyata perkara di dalam surat yang dipersoalkan sekarang yang ditulis oleh Pesuruhjaya berkenaan, adalah perkara peribadi dan tidak perkara rasmi Kerajaan.

KENYATAAN PERDANA MENTERI AUSTRALIA, McMAHON

36. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi Kerajaan Malaysia mengenai Kenyataan Perdana Menteri Australia, McMahon tentang mempertahankan Singapura dari kemungkinan serangan oleh Malaysia.

Perdana Menteri: Saya telahpun menerangkan dalam Dewan ini pada minggu lepas bahawa kita telah bangkitkan perkara ini dengan Kerajaan Australia. Saya telah juga memberitahu tentang penjelasan yang mereka telah beri.

PILIHANRAYA UMUM— MENGADAKAN

37. Tuan Hor Cheok Foon minta Perdana Menteri menyatakan samada pilihanraya umum akan diadakan pada tahun hadapan dan tidak pada tahun 1976 sebagaimana yang dijadualkan.

Perdana Menteri: Pilihanraya umum akan diadakan bila-bila masa Parlimen dibubarkan dan ini terpulanglah kepada Kerajaan yang memerintah.

BERSARA ATAS KEPENTINGAN NEGARA

38. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah dibenarkan bersara atas alasan kepentingan negara (national interest) dan selepas bertugas di Badan-badan Berkanun yang berkenaan, berapa orang daripada mereka ini telah bekerja di firma atau membuat pekerjaan sendiri, bukan lagi untuk kepentingan negara tetapi untuk kepentingan dirinya sendiri.

Perdana Menteri: Setakat ini seramai 17 orang pegawai telah dibenarkan bersara dari perkhidmatan awam atas kepentingan negara. Sejauh yang diketahui, tidak ada terdapat kejadian dalam mana pegawai-pegawai yang telah dibenarkan bersara untuk berkhidmat di dalam Badan-badan Berkanun, meninggalkan Badan-badan yang berkenaan untuk memasuki firma-firma atau membuat pekerjaan sendiri.

UTUSAN KHAS JEPUN KE MALAYSIA

39. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada tujuan lawatan yang dibuat oleh utusan khas Perdana Menteri Jepun ke Malaysia itu adalah untuk menerangkan tentang pemulihan perhubungan diplomatik antara Jepun dan Cina baru-baru ini, dan jika ya, adakah pemulihan perhubungan diplomatik antara Jepun dan Cina itu melibatkan Malaysia.

Perdana Menteri: Saya telahpun menerangkan di Dewan ini pada minggu lepas mengenai taklimat yang telah diberi kepada saya oleh utusan khas Perdana Menteri Jepun itu.

Pemulihan Perhubungan diplomatik di antara Jepun dan Cina tidak ada kena mengena dengan Malaysia kerana ianya ialah soal bilateral antara kedua negara tersebut. Tetapi pada pendapat saya perkembangan ini adalah satu sumbangan yang positif untuk mengurangkan ketegangan antarabangsa.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA— MENGULANGKAJI PEMBAHAGIAN

40. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan adakah Suruhanjaya Pilihanraya telah mengulang kaji pembahagian bahagian-bahagian Pilihanraya bagi Persekutuan dan Negeri-negeri dan bilakah ulangkaji ini akan dipamir dan dikuatkuasakan.

Perdana Menteri: Suruhanjaya Pilihanraya telahpun mengulangkaji pembahagian bahagian-bahagian Pilihanraya bagi Persekutuan dan negeri-negeri. Syor-syor hasil daripada kajian itu telahpun disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan Bil. 4287 bertarikh 7hb September, 1968. Tindakan mengadakan "local enquiry" atau teguran-teguran dan rayuan-rayuan yang telah diterima baru sahaja selesai. Saya difahamkan laporan akhir kajian itu akan dikemukakan kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi.

TENTERA AUSTRALIA DI ASIA TENGGARA

41. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Luar Negeri apakah pendirian Malaysia pada masa sekarang berhubung dengan adanya tentera-tentera Australia di kawasan Asia Tenggara memandangkan kepada kenyataan Perdana Menteri Australia bahawa adanya tentera-tentera Australia di kawasan ini adalah untuk menentukan tidak ada pertikaian antara Malaysia dan Singapura.

Perdana Menteri: Saya telahpun menerangkan perkara ini dalam Dewan ini pada minggu lepas.

PENGKALAN TENTERA

42. Tuan V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan akan berunding dengan Kerajaan Australia untuk mengalihkan pengkalan-pengkalan tenteranya dari bumi Malaysia sesuai dengan konsep perkecualian dan tidak memihak kepada mana-mana belok.

Perdana Menteri: Saya telah terangkan di Dewan ini bahawa Kerajaan Australia tidak ada pengkalan tentera di tanah Malaysia. Saya telah juga beritahu Dewan ini pendirian kita mengenai pengunduran tentera-

tentera asing daripada kawasan ini bersabit dengan rancangan pengecualian.

KERAHAN TENAGA

43. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan memulakan kerahan tenaga di Malaysia seperti cara yang dikenakan di Switzerland, sebagaimana yang telah diumumkan oleh beliau di Switzerland.

Perdana Menteri: Saya telahpun membuat kenyataan mengenai perkara ini di Dewan ini pada 4hb Disember, 1972 dan saya tidak hendak menambah apa-apa lagi.

PERTUKARAN PEGAWAI- PEGAWAI—ARAHAN

44. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan arahan pertukaran yang telah dikeluarkan kepada pegawai-pegawai dalam Bahagian I tetapi telah ditarik balik oleh sebab rayuan-rayuan yang diterima; dan
- (b) adakah beliau sedar iaitu oleh sebab pertukaran itu ditarik balik ada pegawai-pegawai kanan yang lain tidak dapat peluang-peluang meningkat jawatan yang tinggi.

Perdana Menteri: Arahan pertukaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan professional adalah dibuat oleh Ketua-ketua perkhidmatan professional masing-masing dan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bagi perkhidmatan gunasama. Sepanjang yang diketahui pada tahun 1972 ini, cuma ada tiga arahan pertukaran yang telah dibatalkan oleh sebab rayuan-rayuan yang diterima. Di dalam ketiga-tiga kes ini, adalah didapati bahawa masalah peluang kenaikan pangkat tidak timbul.

ORANG ASIA DI UGANDA

45. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan Malaysia telah didatangi oleh mana-mana sumber supaya memberi bantuan dalam kaedah apa jua, kepada orang-orang Asia di Uganda yang telah disingkirkan dari negeri itu.

Perdana Menteri: Malaysia tidak pernah diminta secara rasmi untuk memberi bantuan apa pun, kepada orang-orang Asia Uganda yang telah disingkirkan dari negeri itu.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Disember, 1972).

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

(Usul)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak

lebih daripada \$1,487,522,103 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1973, dan bagi maksud Kepala dan Pecahan-pecahan Kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "P" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1973 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 58 tahun 1972, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang bertentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 atau 7 senarai tersebut; dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 23hb Ogos, 1972, mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973 adalah dibatalkan (15hb Disember, 1972).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di Pertua: Saya telah diberi peringatan bahawa Yang Berhormat Tuan Edwin anak Tangkun akan menyambung ucapannya.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang-Lupar): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, almost ten years ago, the people in Sarawak had cast their lot and had decided to join Malaysia. This was, according to the majority of our people there, because they had very high hopes and faith that Malaysia would give them a good chance to improve their living and at the same time develop the State of Sarawak.

However, after the lapse of ten years, after the completion of the First Malaysia Plan and the first part of the Second Malaysia Plan, these people are more disappointed and frustrated. What they had hoped for, what they had expected, is simply not there. They only hear of development but seldom see any evidence of it. What they feel is that each year the cost of living goes up. Each year there are new taxes to pay. But the price they get for what they can sell in the nearest towns does not improve. Each day they get less and less for their money's worth.

It is small wonder that most of our people in the kampungs and in the ulu longhouses become less and less believing in what they hear from radio broadcasts. In Sarawak now, they hear more and more things that are advertised for sale through the radio, which

they cannot ever afford to buy in their lifetime, unless the situation improves. It is, therefore, small wonder that they become very frustrated and disappointed and simply switch off their radio.

At first, we told them that the Nation was new. It needed time to see and feel our many development efforts. Then, it was because of the Indonesian Confrontation, we needed all the money in our efforts to safeguard our country. Later, when Confrontation had stopped, we had the Emergency in 1969. The people waited with great patience. They waited with high hopes. Now all this is past. That is why they were very eager to hear of the many and great things to be done for them under the Second Malaysia Plan and the New Economic Policy. But now they are suspicious. Each year they get more and more taxes. Each time, they buy more and more goods at higher prices. For example, before Malaysia, sugar was only about 25 cents per kati in Sarawak. Now, it is about 60 cents in the towns and more than 70 cents in the ulu. To our simple and uneducated rural people, the price of independence after only about ten years is far too high. Development to the majority of these people must not only be done, it must be seen and be felt by the people to have been done.

We in East Malaysia, especially in Sarawak, depend largely on our primary produces to make a decent living. We depend greatly on the prices of these commodities. We are also the less developed States in Malaysia. Yet, we get less development. We suffer higher costs of living, and we in Sarawak have to face the subversive elements and the resulting security situation in the State. I therefore appeal to the Federal Government, especially the Honourable Minister of Finance, that whatever tax increases there are for Sarawak and Sabah, please do not implement them yet. Give us a chance, I beg of you, to get on our feet first.

Saya rasa, saya pun ada memegang, menuntut satu perkhidmatan bas daripada Ipoh ke Pulau Pinang, kalau Kerajaan tidak ada duit hendak menghantarkan secara cepat melalui Post Office, kami dengan sukarela membawa passport-passport ini secara percuma, tetapi hendaklah cepat. Ini sampai masa dua minggu untuk menyiapkan sebuah passport, memanglah tidak baik. Saya harap perkara ini dapat dibaki lagi.

Tuan Yang di Pertua, dalam tanah air kita, kalau menengok hal ehwal polis dan tentera kita, saya sebagai Ahli dari Larut Utara memberi setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak askar kita, kerana menjaga keselamatan negara kita dan juga saya kurang puas hati sedikit peristiwa di Muar baharu-baharu ini di mana seorang banduan iaitu Shahdan namanya menembak, menyamun dan plennya cukup tidak baik sekali, Tuan Yang di Pertua.

Hampir-hampir 100 orang mata-mata mengejar seorang. Mereka mendapat satu information yang mengatakan Shahdan duduk dalam redang. Kenapa tidak di buat plen yang teratur sebelum diserang Shahdan? Tembak ke atas dahulu, takutkan terkejut dia. Ini meranduk air dekat dua rantai. Dia tembak, terus dua orang kita mati.

Ini menunjukkan, Tuan Yang di Pertua, tidak ada rancangan dan plennya kurang

baik. Saya harap 100 orang, beratus orang hendak mengejarkan seorang sahaja dan dua orang kita mati, mati dengan tidak melawan, Tuan Yang di Pertua. Saya harap perkara ini tidak berlaku lagi.

Satu lagi saya hendak kemukakan ialah berkenaan hal ehwal askar kita yang berkawal dengan begitu rapi dan baik di Sempadan, di mana perjalanan mereka itu sentiasa diperhatikan dengan teliti dan baiknya oleh pihak kominis. Kejadian yang kurang puas hati berlaku di Gong Gajah, di mana askar kita diserang di atas land rover. Saya harap askar-askar kita kalau hendak berjalan, terutamanya sekali -kalau tempat yang hangat sekali jangan dibenarkan berkali-kali berjalan menaiki land rover bahkan mestilah dengan armoured car kerana daripada land rover dan sebagainya kereta-kereta ini tidak dapat mereka itu menyerang balas apabila ada ambush dan sebagainya.

Di situ, saya rasa adalah di mana-mana silapnya, kerana orang kita mati tujuh lapan orang dengan tidak dapat berperang mereka itu dengan baik dan teratur disebabkan mereka itu telah di ambush terlebih dahulu.

Tuan Yang di Pertua, soal MAS kita tak dapat turun mendarat di Brunei saya sangat-sangat berasa dukacita dan saya mengesyurkan kepada Kerajaan kita mengambil satu tindakan yang sangat-sangat tegas. Kita selalu dipandang lemah oleh Kerajaan British dan pada hari ini memandangkan Singapura dengan senang sahaja dapat turun mendarat kapal terbang mereka itu di Brunei. Itu sudah menunjukkan kepada kita terang dan nyata adalah Kerajaan British memandangkan kita sebagai anak tiri, betul-betul memalukan Malaysia kita ini.

Saya mengesyurkan kepada Kerajaan, Tuan Yang di Pertua, membanci segala rakyat British dalam tanah air kita ini dan oleh sebab kita kehilangan hasil, kerana kapal terbang kita tak dapat turun mendarat di Brunei, apabila selesai sahaja kita banci rakyat British dalam tanah air kita ini, oleh sebab kita rugi tak dapat turun mendarat kapal terbang kita di sana, kita kutip tiap-tiap warganegara British yang ada duduk di tanah air kita ini memberi kepada Kerajaan kita satu sen satu kepala, kerana menggantikan kerugian kita kerana tak dapat turun mendarat di sana dan satu hari kelak, kapal terbang kita dapat turun mendarat di Brunei.

Tuan Yang di Pertua, saya menyentuh berkenaan harga getah. Saya juga sangat-sangat berterima kasih kepada Menteri kita yang kita kasihi kerana dengan susah payah Czechoslovakia dan sebagainya dengan lawatan beliau yang baik dan rapi itu harga getah kita sudah naik, tetapi kami daripada pihak luar bandar, saya sendiri telahpun membuat kajian dengan cara mendalam.

Di sini saya ada lapuran yang penuh iaitu adalah harga getah yang naik sebanyak 6 sen baharu-baharu ini orang-orang kampung tak ada merasa langsung dengan kenaikan harga getah itu. Sebab apa, Tuan Yang di Pertua? Sebab 6 sen ini telahpun ditelan, dibolot terus-menerus oleh orang tengah. Saya dan kawan-kawan saya telah membuat satu cara iaitu satu kawasan, umpamanya Larut Utara, kami sedang berpakat dengan cara bermuafakat supaya keseluruhan kawasan Larut Utara itu cuma syarikat kerjasama sahaja akan membeli getah. Maka kami berfikir dengan tak ada bertanding antara satu dengan lain harga getah ini akan memberi faedah kepada pembeli dan juga penjual. Saya akan beri lapuran yang penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari akan datang kelak.

Tuan Yang di Pertua, kita tengok dalam Anggaran Belanjawan kita \$10 juta kita telah memberi kepada M.R.D.C. Saya sangat-sangat memandang kuat, apabila satu-satu perniagaan dijalankan ataupun dicampurkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Pegawai-pegawai Kerajaan langsung tak ada langkah, langsung tak ada minat dalam hal ehwal perniagaan.

Kita tengok perniagaan getah oleh M.R.D.C. pada masa-masa yang telah lampau sampai hari ini mereka telahpun rugi sebanyak \$2.8 juta.

Saya fikir \$100 juta ini tak sampai setahun ataupun dua tahun lenyaplah. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di Pertua, saya mintalah kepada Kerajaan memerhatikan perkara ini bersungguh-sungguh, kerana pegawai-pegawai yang berkenaan apabila perkara itu rugi, mereka akan membuat kita berhenti daripada Kerajaan dan bertukar pada jurusan mereka itu ataupun mereka akan berhenti dan terus masuk berkhidmat dengan private sector. Tinggallah rancangan mereka itu dan pegawai-pegawai baharu dan pegawai-pegawai baharu akan ulangi kerugian ini juga daripada satu masa kesatu masa.

Tuan Yang di Pertua, barang-barang keperluan dalam tanah air kita memang meningkat naik dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian sudahpun memberi perintah supaya tiap-tiap harga barang keperluan itu dibubuh tanda harga. Tanda itu daripada mana dapat asasnya, Tuan Yang di Pertua. Memanglah diletak tanda kerana tak kena dakwa, tetapi umpamanya satu gantang beras modalnya \$1 maka diletaknya \$2. Pada segi undang-undang orang-orang itu telah lepas daripada tindakan mahkamah. Oleh sebab yang demikian, saya berharap kepada pihak Menteri memikirkan, berapa harga pokok yang sebenar-benarnya atas barang-barang keperluan di tanah air kita ini dan berasaskan kepada itulah tandatanda harga itu diletakkan.

Perkara yang payah sekali, Tuan Yang di Pertua, ialah barang-barang yang masuk, barang-barang spare parts, barang-barang seperti yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi yang naiknya sampai 300% dan 400%. Ini saya katakan ialah merampas ataupun menyamun duit-duit orang kita dengan terang-benderang sekali. Oleh hal yang demikian, umpamanya barang-barang spare parts Mercedes, Mazda dan sebagainya, motokarnya murah, tetapi apabila kita hendak tukar satu-satu barang itu, harganya meningkat sampai 300% hingga 400%. Oleh yang demikian, saya mengesyurkan kepada Kerajaan supaya mengkaji barang-barang ini. Kalau dia kata dapat beli harga yang berpatutan, jangan dibenarkan berjual di tanah air kita ini, kerana inilah satu perkara yang menaik-naikkan harga barang-barang terus-menerus dalam tanah air kita ini.

Saya pun bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi iaitu pihak-pihak orang kita yang sudah bersara berkhidmat dengan begitu cemerlang dalam tanah air kita ini sampailah masanya tidak kita fikirkan pencen mereka itu bagi ditambahkan, atau kemudahan-kemudahan lain kita berikan kepada mereka itu.

Saya rasa memandangkan pegawai-pegawai Kerajaan lain yang duduk di rumah kecil sekarang sudah mempunyai rumah besar, kereta kecil, sudah jadi kereta besar, kadang-kadang pegawai-pegawai Kerajaan sampai tiga empat buah motokar di bawah rumah mereka dan orang-orang pencen kita ataupun pesara tinggal dengan tak ada men-

dapat pembelaan ataupun kesihan belas daripada Kerajaan.

Saya adalah menyokong kuat supaya untung nasib mereka ini mendapat perhatian daripada Kerajaan dan apa-apa kemudahan yang patut diberi kepada mereka itu kerana mereka ini giginya sudah hilang, rambutnya sudah putih dan menunggu masa sahaja. Tuan Yang di Pertua, tentulah faham apa yang saya maksudkan itu.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan talipon. Dalam negara kita ini pun sungguh memalukan. Kuala Lumpur, Bandaraya kita yang kita sayangi ini ada ribut taufan, ataupun ada banjir, maka perhubungan talipon terputus, tak boleh ada langsung. Kita tengok perbelanjaannya sehingga bermillion-million ringgit, hari-hari jalannya dibubuh cable sana, cable sini, tetapi taliponnya tak berjalan dengan baik dan teratur.

Saya harap perkara ini janganlah memalukan negara kita dengan lebih berpanjangan lagi bahkan mengadakan satu talipon sistem yang lengkap dan baik, lebih-lebih lagi, berkenaan talipon deposit.

Wang pertaruhan talipon, wang pertaruhan letrik, wang pertaruhan air dan sebagainya, Tuan Yang di Pertua, kalau kita tengok dalam simpanannya berjuta-juta ringgit. Wang ini disimpan sejuk sahaja, tak ada siapa yang mengusiknya. Oleh hal yang demikian, saya mendatangkan syur dalam Dewan yang bertuah ini, iaitu orang-orang yang menyimpan wang pertaruhan samada talipon, letrik ataupun air daripada simpanan mereka itu mestilah diberi duit bunga, kerana pejabat-pejabat yang berkenaan pun duit itu digunakan tempat lain dan mereka itu dapat juga bunga daripada jurusan sana. Saya berfikir separuh daripada wang keuntungan itu patutlah diberi kepada tuan-tuan yang menaruhkan wang-wang pertaruhan itu.

Tuan Yang di Pertua, mengenai halehwal Badan berkanun. Setengah daripada setengahnya, saya kurang puashati, kerana kuasa Kerajaan kita ini terlampau demokratik. Apabila terlampau demokratik, kuasa yang begitu tajam kadang-kadang disalahgunakan. Saya harap masanya sudah tiba di mana kita kaji semula umpamanya E.P.F., Tuan Yang di Pertua. Kita sangat sanjung tinggi kerana E.P.F. mengutip duit menjadi satu badan atau post office mengutip duit kepada pen-carum-pencarumnya.

Tetapi pegawai-pegawai yang diambil itu sangat-sangatlah tak memuaskan hati kerana pegawai-pegawai yang dikatakan intermediate service, saya tengok di sini telah pun diambil sebanyak 22 orang dan boleh dikatakan semua daripada orang itu lulus daripada Universiti Taiwan dan Nanyang Universiti Singapura dengan tidak ada tahumenahu daripada pihak Kerajaan. Walhasil orang-orang kita sendiri, penuntut-penuntut kelulusan daripada MARA cukup banyak boleh buat kerja ini tetapi tidak seorang pun diambil. Badan ini terus mengambil daripada Universiti Nanyang dan Taiwan yang sampai menghantar tahi ayam daripada tanah air kita ini. Kenapa tidak diambil daripada MARA dan mengapa dibenarkan graduates kita daripada MARA jual kacang putih dan sebagainya. Mengapa tak diletakkan umpamanya di dalam badan berkanun seperti EPF ini? Saya harap teguran saya ini dapat dikaji semula oleh pihak Kerajaan kita.

Tuan Yang di Pertua, hari ini kita tengok dalam akhbar *Straits Times* durian kita tak lama lagi akan dicukai \$1.00 sebiji. Saya berasa dukacita kerana di atas usaha tenaga MARA mengadakan joint venture dengan Hilton Hotel membangunkan sebuah hotel yang cantik di Singapura itu. Saya harap Kerajaan kita akan mengadakan sebuah Hotel Hilton di Johor Bharu dan di atas puncak Hilton itu jugalah supaya orang-orang Singapura dapat makan durian di Hotel Hilton Johor Bharu dan tiap-tiap sebiji mereka itu makan kita kenakan ganti-rugi \$1.00 supaya jangan orang Singapura hampa langsung tak makan durian.

Tuan Yang di Pertua, saya bagi pihak Gabungan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, mengalu-alukan jasa baik Yang Berhormat Menteri Kewangan mengurangkan development tax khususnya pada orang-orang Melayu yang berniaga.

Dasar Kerajaan memang hendak menolong orang-orang Melayu dalam lapangan ekonomi supaya mereka ini boleh bergerak lebih lancar, lebih teratur lagi mengikut orang-orang Cina dalam jurusan perniagaan. Saya harap bukan sahaja dikurangkan development tax, bahkan yang lain sampai income tax pun jangan dikenakan kepada orang Melayu. Lesen lori, lesen bas pun tak usah bayar. Barulah namanya tolong Tuan Yang di Pertua.

Kalau menolong \$100 sedikit sahaja. Kalau hendak menolong, biarlah menolong dengan betul-betul, kalau hendak mandi biar basah. Itu maknanya tolong yang sebenar-sebenarnya, Tuan Yang di Pertua. Kalau tidak, saya beri amaran kepada Kerajaan bahawa perkara ini akan berpanjangan dan menjadi satu beban yang berbahaya sekali jikalau jurang ekonomi dikalangan Melayu ini tidak diperbaiki dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di Pertua, akhirnya berkenaan hal ehwal Kastam dan Polis dan sebagainya yang menjaga hal ehwal orang membawa candu dan juga perkara lain seperti minuman yang diharamkan masuk ke tanah air kita.

Saya rasa kalau sebanyak 20,000 Pegawai Kastam kita tambah lagi kita gunakan speed boat dan jentera yang menggunakan kuasa atom sekali pun untuk mengejar penyeludup-penyeludup itu kita tidak akan dapat menghapuskan gerakan mereka yang menyeludupkan candu dan barang-barang dadah dan lain-lain ke tanah air kita. Kita mesti kaji semula, kalau kita tak dapat lawan mereka itu, kita mesti berkawan dengan mereka. Berkawan macam mana? Mengapa tidak, umpamanya seperti negeri-negeri lain, lagi-pun negara kita ini bercorak demokrasi, mestilah demokrasi itu dengan sebenar-benarnya. Negeri-negeri lain umpamanya, di Copenhagen, di Hamburg banyak perkara-perkara seperti ini dibolehkan untuk dijalankan dengan secara terus terang. Kalau kita haramkan, Tuan Yang di Pertua, biasanya di situlah manusia akan melawan.

Jadi patutlah kita benarkan, tetapi dengan sekatan. Mengapa tidak di Pulau Pinang umpamanya, kita adakan bukan sahaja free port, bahkan patut diadakan tempat orang hendak pergi menghisap candu dan sebagainya secara gentlemen. Mengapa tidak boleh begitu supaya cukainya boleh Kerajaan dapati dengan lebih banyak lagi. Saya rasa, patutlah kita adakan banyak tempat di mana kita boleh benarkan secara berlesen bagi orang-orang yang hendak pergi menghisap candu dengan senang dan selamat dan hasilnya akan memberi faedah kepada negara kita. Dan daripada hasil itu, boleh pula kita dirikan bangunan-bangunan yang lebih mustahak dan berfaedah kepada negara kita.

Sekianlah ucapan saya, Tuan Yang di Pertua, dan di atas baik budi Tuan Yang di Pertua membenarkan saya berucap, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara): Tuan Yang di Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya suka mengambil peluang mengucapkan setinggi-setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Anggaran Belanjawan yang ke 13 pada 6hb Disember, 1972.

Mengikut kepercayaan umum angka 13 bukanlah satu angka yang baik, tetapi Anggaran Belanjawan tahun yang ke 13 ini adalah Anggaran yang paling sesuai sekali kepada penduduk-penduduk di negara ini. Dalam pada itu pun, saya suka mengemukakan beberapa cadangan kepada Kerajaan untuk faedah penduduk-penduduk dan negara ini juga.

Pertamanya ialah tentang naiknya cukai impot buah limau manis dan buahan-buahan kering. Saya fikir buah limau manis dan buahan-buahan kering ini amatlah mustahak kepada kaum Cina pada tiap-tiap tahun baharu. Jika cukai itu dikenakan selepas tahun Baharu Cina, tentulah hari Tahun Baru Cina pada tahun ini orang-orang Cina akan dapat menyambut tahun baru dengan lebih meriah dan suka hati.

Perkara yang kedua, ialah berkenaan dengan Rancangan Rumah Murah. Saya berpendapat bahawa Kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup untuk mendirikan rumah bagi tiap-tiap orang dalam negeri ini.

Syarikat perumahan persendirian bolehlah memainkan peranan untuk menolong penduduk-penduduk di negara kita memberi rumah-rumah murah daripada mereka.

Pada masa ini saya difahamkan iaitu syarikat-syarikat perumahan persendirian ini tidak dapat memainkan peranan mereka dengan sepenuhnya kerana kesulitan-kesulitan yang dialami oleh mereka untuk mendapat kelulusan yang cepat daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Oleh itu, saya harap, Kerajaan akan memudahkan sistem ini supaya syarikat-syarikat ini dapat mendirikan lebih banyak rumah dengan seberapa cepatnya.

Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan insentif yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menolong kilang-kilang. Saya fikir Kerajaan telah memberi cukup insentif kepada kilang-kilang, tetapi kilang-kilang ini tidak memberi insentif kepada pekerja-pekerja. Jika kita lihat setengah-setengah kilang telah mendapat keuntungan yang sangat banyak tetapi mereka tidak mahu menambah gaji pekerja-pekerja mereka.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu undang-undang gaji minima bagi pekerja-pekerja di kilang-kilang.

Perkara yang keempat ialah syarikat-syarikat broker di negara kita. Jika kita lihat di surat-suratkhabar tiap-tiap hari harga saham-saham sangat tinggi. Kadang-kadang susah hendak diper capi.

Syarikat-syarikat broker ini sekarang menerima wang tunai daripada orangramai sebelum sijil-sijil saham itu ditukarkan kepada pembeli-pembeli. Turnover telah menjadi sangat besar dan setengah-setengah syarikat saham tidak dapat mengadakan modal yang cukup. Keadaan ini amatlah merbahaya kepada orangramai, sebab saham-saham ini mengambil masa empat hingga enam minggu untuk ditukar nama.

Saya fikir, syarikat-syarikat ini menggunakan wang orangramai untuk menjalankan perniagaan. Oleh itu, untuk hendak menjaga keselamatan wang orangramai, saya mencadangkan supaya satu undang-undang diadakan iaitu syarikat-syarikat ini patut menambah modal mereka mengikut kadar bertambahnya turnover perniagaannya.

Perkara yang kelima ialah berkenaan dengan makanan ayam. Harga makanan ayam sangat tinggi sekarang sebab tidak cukup bahan-bahan seperti jagung-jagung dan gandum. Selama ini kita bergantung kepada negeri-negeri luar untuk bahan-bahan ini. Sekarang setengah negeri-negeri itu tidak mengeksport bahan-bahan itu ke negeri kita. Oleh itu, kita mengalami kekurangan bahan yang menjadikan harga sangat mahal. Saya mencadangkan supaya Kerajaan memberi insentif kepada peladang-peladang menanam jagung-jagung dan lain-lain bahan.

Perkara yang keenam, ialah berkenaan dengan baja tahi ayam. Oleh sebab Kerajaan mengharamkan pengimporan tahi ayam dari Singapura, sekarang beribu-ribu peladang di

Johor mengalami kesulitan. Tahi ayam adalah sangat baik untuk setengah-setengah sayuran dan juga jauh lebih murah.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan membenarkan tahi ayam dibawa masuk dari Singapura. Kita membeli tahi ayam dari Singapura dan kita boleh mengespot sayur-sayur kita dari Johor ke Singapura.

Yang akhir sekali, saya suka hendak menyentuh sedikit tentang talipon; terutama sekali apabila kita membuat panggilan jauh. Saya dapati sangat-sangat susah hendak mendapatnya. Kadang-kadang kita kena menunggu lebih satu jam untuk mendapat panggilan dari Kuala Lumpur ke Johor atau lain-lain tempat.

Saya harap Kementerian yang berkenaan akan dapat membaiki perkhidmatan talipon ini.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib (Sungai Petani): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyukung pendapat-pendapat yang telah disuarakan oleh rakan sejawat saya dalam Dewan ini berkenaan dengan Anggaran Belanjawan yang dibahaskan sekarang.

Memang betul Anggaran Belanjawan yang dikemukakan ini sangat wajar dan sesuai demi kebaikan dan kebajikan rakyat penduduk-penduduk dalam negeri ini.

Bagaimanapun, saya masih berpendapat Kerajaan hendaklah mengkaji dari satu masa kesatu masa bagi mengurangkan atau menambahkan mana-mana cukai yang boleh menambahkan lagi kemudahan hidup kepada rakyat. Misalnya, pada pendapat saya, cukai-cukai gula tidak patut diadakan lagi. Kalau cukai gula ini dihapuskan, saya percaya gula yang dijual di merata kedai itu akan turut juga turun harga dan ini akan meringankan beban rakyat, terutama rakyat-rakyat pekebun-pekebun getah yang berpendapatan kecil. Bagi mengurangkan cukai gula yang saya sebutkan tadi, pada himat saya cukai untuk orang yang berpendapatan lebih daripada \$10,000 sebulan harus dikenakan. Pendapatan ini memang telah disuarakan oleh sahabat-sahabat saya sebelum dari saya dan saya sangat berharap supaya Kementerian Kewangan mengkaji pendapat-pendapat ini, kerana sekarang kita dapati dalam sistem cukai pendapatan kita nampaknya orang-orang mampu atau ikan-ikan besar yang mendapat perolehan besar itu terlepas daripada jaring Kementerian Kewangan.

Saya tertarik hati tentang perjalanan perbadanan-perbadanan atau agensi-agensi yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan tujuan-tujuan ekonomi baharu Kerajaan, terutama menggalakkan bumiputra mengambil bahagian yang cergas dalam perniagaan dan perusahaan.

Saya bermaksud menyentuh tentang perjalanan Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri. Tidak semua perjalanan Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri ini berjalan dengan baik. Ini disebabkan oleh kekurangan wang, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat tahu sendiri punca kewangan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri adalah datangnya daripada khazanah Kerajaan Negeri, di mana sebahagian besar daripada Kerajaan Negeri-negeri di Malaysia ini adalah deficit perbelanjaannya iaitu kekurangan perolehan daripada perbelanjaan. Dengan kekurangan wang ini kebanyakan projek-projek yang dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan Negeri bagi memajukan perniagaan bumiputra tidak dapat dijalankan dan sebahagiannya pula tidak dapat bergerak dengan cergas. Oleh sebab itu, saya berpendapat Kerajaan Persekutuan haruslah memberi peruntukan terus kepada Perbadanan Negeri ini yang difikirkan boleh menjalankan projek-projek yang bersesuaian dengan Kerajaan Persekutuan.

Sepanjang yang saya tahu wang-wang grant Kerajaan Persekutuan hanya diberi kepada perbadanan atau agensi-agensi yang ditubuhkan menurut undang-undang Kerajaan Persekutuan sahaja. Pada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri-negeri hanya diberi secara pinjaman dan dikenakan bunga pula. Inilah sebabnya projek-projek yang dijalankan di setengah-setengah Negeri tidak dapat dijalankan dengan lebih pesat.

Saya mengesyurkan supaya Kerajaan Persekutuan membincangkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya peruntukan khas sebagai grant harus diuntukkan kepada Perbadanan-perbadanan Negeri.

Dan lagi satu kesulitan yang dihadapi oleh perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri ini ialah kekurangan tenaga-tenaga pakar, iaitu pakar-pakar penasihat atau pakar-pakar perunding bagi menjalankan projek-projek mereka.

Saya fikir Kerajaan patutlah memusatkan pakar-pakar ini dalam sebuah badan atau di bawah sebuah Kementerian supaya satu-satu nasihat pakar yang dikehendaki oleh badan-badan atau agensi-agensi Kerajaan ini mudah didapati oleh badan-badan perbadanan-perbadanan yang tersebut.

Saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan iaitu sebahagian besar penduduk-penduduk terutama pekebun-pekebun kecil yang tinggal di dalam kebun-kebun getah yang besar-besar yang telahpun dipecahkan pada lima enam tahun dahulu. Saya rasa dalam negeri ini ada hampir 200,000 penduduk-penduduk yang tinggal dalam kebun-kebun getah yang telah dipecahkan. Penduduk-penduduk ini tinggal dengan tidak mendapat kemudahan-kemudahan seperti mana yang selalu disediakan oleh Kerajaan kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Selain daripada itu, mereka itu tidak mengalami kehidupan dengan sempurna. Jalan-jalan masuknya rusak, jambatan-jambatan masuk ke kawasan-kawasan itu juga pecah. Keadaan anak-anak penduduk-penduduk itu juga terpencil daripada persekolahan dan kemudahan-kemudahan yang patut dapat sebagai rakyat dalam negeri ini tidak dirasakan oleh mereka. Saya pernah mengesyurkan perkara itu dalam Majlis-majlis Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, tetapi sekali disyorkan, sekali sahaja peruntukan bantuan itu diberi di bawah rancangan crash programme bagi menolong apa yang telah dibangkitkan. Tetapi oleh sebab perkara ini telah meleret begitu jauh, saya sangat berharap supaya Kerajaan melantik sebuah Jawatankuasa mengkaji keseluruhan kehidupan penduduk-penduduk yang tinggal dalam ladang-ladang yang telah dipecahkan ini supaya mereka itu mendapat satu bantuan, atau pertolongan, atau kemudahan daripada Kerajaan.

Baharu-baharu ini kira-kira sebulan yang lalu salah seorang Menteri Kerajaan Pusat telah melawat Negeri Kedah dan telah membangkitkan malahan menuntut Kerajaan Negeri Kedah supaya pertolongan diberi kepada penduduk-penduduk seperti yang saya sebutkan tadi. Itu adalah sangat wajar. Sekarang ini Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan hendaklah bekerjasama mengkaji masaalah ini, kalau tidak mereka ini akan menjadi satu rakyat yang teraniaya yang tidak dapat kemudahan-kemudahan

hidup pada zaman kemajuan yang kita sebutkan-sebutkan sekarang.

Sekarang Kerajaan telah menumpukan banyak perhatian untuk memodenkan pertanian iaitu dengan menggalakkan petani-petani menggunakan jentera-jentera dan memberi subsidy kepada petani-petani, baja-baja dan alat kelengkapan bagi memodenkan cara pertanian mereka itu. Saya sangat berharap supaya Kerajaan mengawasi tentang keadaan ini terutama tentang kenaikan harga baja dan kenaikan alat-alat jentera sekarang. Saya berharap supaya pihak yang berkenaan mengkaji, adakah patut cukai-cukai jentera untuk pertanian ini dihapuskan sama sekali. Adakah patut cukai-cukai yang dikenakan kepada baja untuk pertanian dihapuskan sama sekali. Kalau dihapuskan cukai yang berkenaan ke atas jentera dan baja-baja ini, saya percaya, alat-alat ini akan dapat dengan mudah dibeli oleh petani-petani atau kalau tidak dapat mengurangkan cukai-cukai Kerajaan mestilah mengambil alih semua kilang-kilang yang mengeluarkan baja-baja atau jentera-jentera alat pertanian dalam negeri ini.

Saya percaya Kerajaan dapat mengambil alih melalui perbadanan atau agensi Kerajaan. Ada banyak kilang-kilang yang menggunakan syarat-syarat galakan Kerajaan, yang menggunakan syarat-syarat taraf perintis Kerajaan dan menggunakan pula tema Kerajaan menggalakkan petani-petani menggunakan alat-alat jentera itu dengan menaikkan harga alat-alat jentera pertanian dan telah menaikkan pula harga baja-baja. Akibatnya petani-petani bukan bertambah senang, malahan bertambah susah membayar alat-alat yang hendak digunakan itu.

Dengan berdasarkan itulah, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengkaji keadaan ini, adakah patut dihapuskan cukai jentera pertanian, atau adakah patut dihapuskan cukai baja pertanian, atau mengambil alih kilang-kilang yang membuat alat-alat pertanian dan baja-baja dalam negeri ini, atau menggalakkan agensi-agensi Kerajaan atau perbadanan-perbadanan Negeri mendirikan kilang-kilang membuat segala alat-alat kelengkapan pertanian, dan sebarang jenis baja untuk pertanian dapat dikeluarkan dengan cara murah dan mudah dan baik mutunya kepada petani-petani.

Saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan tentang kawasan

pilihanraya saya sendiri. Saya telah dengar dalam Dewan yang mulia ini rancangan Kerajaan mengadakan jentera-jentera alat pengering padi dalam Kawasan Muda, malah dalam Dewan baharu-baharu ini juga saya dengar alat pengering padi yang sama akan dibuat juga dalam daerah Seberang Prai Utara. Nampaknya terlepas dalam kawasan Paya Pekula iaitu kawasan saya sendiri. Saya sangat berharap supaya Kerajaan memberi pertimbangan mendirikan alat pengering padi ini dalam kawasan Perayeran Pekula di mana di kawasan ini telah dibuat taliair yang sempurna dan petani-petani dalam kawasan itu mengadakan tanaman padi dua kali setahun.

Akhir sekali, Tuan Yang di Pertua, saya sangat berharap kepada sahabat-sahabat saya dalam Majlis ini jangan menggunakan hak pelindung dalam Majlis ini mengkritik atau mengecam mana-mana pegawai-pegawai perbadanan atau Jabatan-Jabatan Kerajaan dengan tidak bersebab dan tidak ada alasan-alasan yang cukup.

Baharu-baharu ini kita telah dengar seorang Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat telah mengecam begitu keras kepada pegawai-pegawai, pilot-pilot, jurutera-jurutera dalam MAS. Kecamatan ini, saya rasa adalah satu kecamatan yang pengecut kerana dia mengecam kepada orang-orang yang tidak dapat peluang untuk membalas kecamatan-kecamatan itu. Dan demikian juga, saya rasa bukan pada tempatnya kita di sini mengecam pegawai-pegawai Kerajaan di mana pegawai-pegawai itu pula tidak mempunyai kesempatan untuk menjelaskan atau mempertahankan hak mereka. Kecamatan-kecamatan yang semacam ini saya rasa adalah seperti menumbuk manusia dengan tangan orang terikat dan ini memanglah satu sistem bukan satu cara yang sewajarnya kita lakukan dalam sistem demokrasi dalam negeri ini.

Saya rasa mana-mana ahli terutama ahli dari Dato Kramat itu kalau berani mengecam, sila ulangkan perkara itu di luar Dewan. Seperti mana yang disebutkan oleh sahabat saya dari Besut kelmarin, ulangkan kecaman itu di luar Dewan.

Bila diulangkan di luar Dewan ini, tentulah berpeluang pula pilot-pilot dan jurutera-jurutera itu dapat mengajar dia bagaimana akibat kebebasan yang digunakan itu.

Saya sangat berharap supaya kehormatan Dewan ini dapat digunakan dengan sepatutnya, dan kita perlu mendapat kehormatan yang sebaiknya bukan sahaja daripada pegawai-pegawai Kerajaan, malahan juga dari rakyat dalam negeri ini.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir (Trengganu Tengah): Tuan Yang di Pertua, saya mengambil peluang untuk bersama-sama memberi penghargaan kepada ucapan belanjawan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan, satu belanjawan rasa saya begitu bijak sekali dilaksanakan dalam zaman pembangunan kita ini.

Sebagai seorang wakil dari negeri Pantai Timur, Malaysia Barat, saya merasa memang pihak Kerajaan Perikatan yang ada ini sungguh-sungguh mengambil berat sekali demi kepentingan kami di negeri-negeri di Pantani Timur. Dengan sebab itulah walaupun masih ada lagi beberapa kekurangan-kekurangan, tetapi saya berani berdiri di sini mengatakan bahawa kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di sebelah negeri-negeri Pantai Timur begitu pesat sekali majunya. Bahkan baharu sekejap tadi saya mendengar seorang Ahli Yang Berhormat dari Kluang Utara telah bercakap dalam soal kerumitan talipon, misalnya dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur, maka kami dari Pantai Timur khususnya di Kelantan, Kuantan dan Kuala Trengganu, adalah bernasib baik juga, kerana sama dengan Singapura iaitu kami ada microwave system. Inilah kemajuan-kemajuannya yang saya rasa patut saya beri tahniah dan kepujian kepada pihak yang berkenaan. Walaumacamanapun kata pepatah Melayu: Sudah diberi betis, hendaklah pehak pula, lepas itu entah apa lagi.

Saya rasa, dalam melaksanakan masyarakat adil yang diagung-agungkan oleh pemerintah ini, selagi negeri-negeri Pantai Timur tidak sungguh-sungguh diseimbangkan dari segi segala-segalanya, pelajarannya, perindustriannya, ekonominya dan lain-lain, maka selama itulah satu masyarakat adil yang sungguh-sungguh tidak dapat dicapai. Mengikut tujuan ini terutama sekali dalam ucapan saya sewaktu pembukaan Parlimen lima enam bulan yang lalu telah saya berkata bahawa mustahak sekali pihak Kerajaan mengambil perhatian sungguh-sungguh berat

dalam soal pembukaan-pembukaan perkilangan ataupun perindustrian di negeri-negeri Pantai Timur, walaupun ada Undang-undang Incentive, ada berbagai-bagai cara, tetapi saya merasa oleh kerana kedudukan negeri Pantai Timur yang begitu rupa dengan pelabuhan-pelabuhan yang tidak ada ataupun, kalau ada tidak sempurna, maka kemajuan-kemajuan dalam lapangan perindustrian ini tidak dapat dilaksanakan dengan sungguh-sungguh, dan dengan sebab itu, saya agak percentage ataupun peratus pengangguran rakyat-rakyat walaupun saya tidak dapat tentukan dengan cepat, saya agak, jikalau dibuat satu survey, maka akan didapati percentage pengangguran di Pantai Timur lebih besar, lebih tinggi daripada percentage pengangguran di Pantai Barat ini.

Satu daripada perkara yang rumit, saya perhatikan misalnya empat lima bulan dahulu, Kerajaan Negeri Trengganu ada merancang hendak membuka satu ladang ubi kayu di Kuala Berang. Dalam Kertas Kerja dianggarkan mendapat keuntungan dan jikalau dibuat di Perak, Negeri Sembilan, Selangor khususnya di Pantai Barat, sudah tentu mendapat keuntungan, tetapi apabila hendak dilaksanakan di Trengganu tidak dapat dibuat oleh kerana, pertama pengangkutan terlampau jauh kerana terpaksa dibawa dari Trengganu, pergi ke Kuantan dan seterusnya ke Pelabuhan Kelang.

Perkara-perkara begini, saya rasa, boleh di atasi jikalau pihak yang berkenaan terutama Kementerian Kewangan, Kementerian Perhubungan akan memberi beberapa pengecualian misalnya lori-lori yang mengangkat barang-barang begitu dikecualikan daripada bayaran cukai road tax dan sebagainya. Dengan cara itu, baharulah saya nampak satu peransang dapat diberi kepada tujuan-tujuan ini.

Dan perkara ini, kalau tidak salah saya bukan tidak boleh dibuat, kerana memang ada dibuat saya dengar khabar, kalau saya tidak silap misalnya sewaktu mula-mula Syarikat Pengangkutan Sri Jaya dahulu diperhidupkan kembali, diberi dalam tempoh beberapa masa yang tertentu pengecualian bayaran road tax ini kepada bas-basnya. Saya tidak nampak kenapa langkah yang begitu tidak boleh dibuat pada usaha-usaha untuk memberi peransang kepada daerah-daerah di Pantai Timur ini.

Selain daripada itu, saya tertarik hati bila mendengar khabar baharu-baharu ini dalam suratkhbar dan juga dalam radio dan talivisyen iaitu Jambatan Temerloh akan dibuat baharu yang akan dapat mengatasi kesulitan yang dihadapi seperti hari ini, daripada Pantai Timur tidak boleh datang ke Kuala Lumpur kerana Jambatan Temerloh tutup. Saya harap bukan setakat Jambatan Temerloh sahaja, tetapi juga Jambatan Jereteh yang tiap-tiap kali hujan sedikit pun sudah dinaiki air dua tiga kaki, ataupun Jambatan Kuala Berang yang pada hari ini mengikut repot yang saya dengar dari radio sampai 30-40 kaki, juga diambil perhatian. Saya tahu memang ada dalam perhatian Kerajaan yang berkenaan, tetapi hendaklah tindakan seberapa segera yang boleh. Saya tahu memang banyak kerja-kerja Jabatan Kerja Raya yang terpaksa dilaksanakan, tetapi saya haraplah perkara ini diberi keutamaan yang utama sekali.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, saya ingin menarik perhatian sedikit dalam soal pelajaran, terutama sekali walaupun saya agak mempunyai satu sistem pelajaran yang mutunya, kalau pun tidak tinggi, tetapi tidak kurang daripada negeri-negeri di seluruh Asia ini, dari segi pelajarannya, tetapi jikalau kita pandang dari segi kerohanian, dari segi peribadi, dari segi moral penuntut-penuntut kita, keadaan-keadaan yang barangkali tidak begitu sihat sedang berlaku. Kita begitu sekali bertubi-tubi bersungguh-sungguh memandang hanya dari segi material, dari segi luar sahaja tetapi dari segi batin murid-murid itu kadang-kadang berjiwa kosong. Pelajaran mungkin tinggi, lepasan mungkin tinggi, tetapi jiwa dan batinnya tidak kita masukkan pula dengan semangat samada semangat ugama atau semangat akhlak yang baik, pekerti yang baik dan sebagainya. Apalah gunanya jikalau kita mempunyai rakyat yang ramai bijaksana, tetapi berperangai bukan sebagai manusia yang sebenarnya. Saya rasa, kita mahu jadikan satu bangsa akan datang satu bangsa yang berpelajaran juga mempunyai kebatinan yang kuat dalam menghadapi percubaan-percubaan pada masa akan datang, baik percubaan kominis ataupun percubaan-percubaan yang merusakkan peribadi yang sedang menjalar masuk daripada luar negeri.

Selain daripada itu, saya ada terbaca dalam suratkhbar baharu-baharu ini, saya

harap berita itu betul bahawa pihak Kementerian telah mengambil langkah akhirnya untuk menjalankan peperiksaan-peperiksaan School Certificate, H.S.C. dan sebagainya dalam negeri kita ini. Ini saya menarik perhatian oleh kerana dalam masa Hari Raya Puasa tahun ini, alangkah sedihnya penuntut-penuntut kita yang mengambil peperiksaan School Certificate tidak dapat pulang ke rumah, kerana duduk di hostel atau yang di rumah pun tidak betul-betul bersukaria kerana mengambil peperiksaan. Perkara ini saya agak terjadi begitu, oleh kerana barangkali kita masih tertakluk lagi kepada Cambridge dan sebagainya yang menentukan hari-hari peperiksaan itu.

Sudah 15 tahun lebih kita merdeka, saya rasa sudah tibalah masanya kita singkirkan perkara-perkara seumpama ini. Adalah menjadi satu kemaluan, saya rasa, kalau hari-hari pesta yang besar seperti Hari Raya itu tidak dapat betul-betul dirayakan dan disesuaikan pula dengan peperiksaan-peperiksaan itu dengan kehendak-kehendak negeri ini bukan dengan kehendak-kehendak bekas penjajah kita dari Cambridge atau sebagainya.

Tuan Yang di Pertua, kita dengar Kerajaan pada hari ini sedang melaksanakan satu susunan masyarakat adil. Satu masyarakat adil yang pada fahaman saya untuk dijadikan dari semua golongan samada rakyat Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya sama setaraf mempunyai satu peluang dalam pelajaran, ekonomi dan dari segi apa lapangan pun. Saya harap tujuan ini akan cepat dapat dilaksanakan, kerana saya mempunyai keyakinan yang penuh hanya dengan ada satu masyarakat adil sahajalah, maka masa hadapan Malaysia yang bersatu dan padu dapat terjamin, jikalau tidak apa akan terjadi Tuhan sahajalah yang melindungi kita. Tetapi jikalau kita tinjau mendalam, adakah masyarakat adil itu hanya dengan setakat kita memasuki dalam lapangan perindustrian dan sebagainya ataupun juga patut dikaji dari segi misalnya keadaan-keadaan susunan kelas-kelas di dalam masyarakat hari ini, tidak dapat tidak dinafikan kita bangsa Melayu ini asal keturunan kita ialah satu keturunan yang barangkali diperintah secara feodal yang pada satu masa dahulu sewaktu Inggeris telah datang dan rakyat yang berjuang kerana kemerdekaan telah menyambut kemerdekaan itu dengan berharap satu masyarakat yang

sesuai oleh kehendak zaman dan dunia hari ini yang memandang persamaan antara semua rakyat itu akan dapat wujud dalam ertikata yang sebenar-benarnya.

Tetapi saya tidak mengerti kenapakah kalau begitu tujuan kita kadang-kadang kalau kita perhatikan cara kita menjalankan sesuatu pekerjaan, cara masyarakat kita masih terlampau banyak kasta-kasta dan terlampau banyak kelas-kelas.

Saya memang bersetuju dan mengakui negeri kita ini sebuah negeri yang beraja dan kita memanglah mesti hormat dan taat setia kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja kita, tetapi selain daripada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang memerintah, saya merasa dari segi Perlembagaan kita, kita semua sama, tidak ada berbeza baik dia Tengku, dia Datuk, dia Tan Sri, dia Encik Mohammed, Encik Lim, Encik Arunasalam dan sebagainya. Jadi alangkah kita merasa begitu keciwa sekali apabila kita dengar misalnya dalam sesuatu majlis itu kenapakah dalam masyarakat adil yang begitu masih diagung-agungkan lagi selain daripada kehormatan yang memang wajar dan wajib diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri terlampau banyak sangat ekor-ekorannya. Misalnya tidak habis-habis dengan yang berbahagia, yang mulia, yang begitu, yang begini, yang saya agak kalau kita pergi dalam dunia hari ini lain daripada Malaysia tidak lagilah ada cara-cara yang begitu. Bahkan saya berasa hairan juga, saya ini lama juga dipilih dalam Dewan Rakyat ini semenjak tahun 1955 sampai hari ini, dalam masa akhir-akhir ini, saya rasa pandangan rakyat, hubungan rakyat antara Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri dengan rakyat biasa begitu berubah sekali.

Sewaktu saya dan rakan-rakan saya berjuang kerana merdeka dahulu, kami menganggap orang kampung dan rakyat sekalian sebagai saudara-saudara seperjuangan, dia bersaudara dengan saya, saya bersaudara dengan mereka. Tetapi hari ini kadang-kadang saya merasa suatu perkara seolah-olah kita yang dipilih ini pula Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Negeri didewa-dewakan, dijadikan pula satu golongan masyarakat yang entahlah hendak dikatakan feuda!

tidak sangat tetapi satu masyarakat yang lain, dan berbeza kerana rakyat sentiasa memanggil kita Yang Berhormat di kampung-kampung.

Saya bersetuju kalau Yang Berhormat itu digunakan di Parlimen atau di Dewan Undangan Negeri, kerana itu tempat yang tertentu, yang wajar digunakan kehormatan ini. Tetapi jikalau di kampung-kampung digunakan, ini saya rasa, tidak begitu sesuai dengan semangat dan tujuan-tujuan kemerdekaan yang diperjuangkan oleh rakyat. Bukanlah saya bermaksud hendak mengecilkan Wakil-wakil Rakyat sekalian, kerana saya juga seorang Wakil Rakyat. Tetapi saya rasa sudah sampai masanya bagi kita sekalian mempenuhi tujuan-tujuan kemerdekaan yang diperjuangkan dahulu, iaitu untuk menjadikan satu bangsa yang betul-betul merdeka, tetapi bukan satu bangsa merdeka yang masih berjiwa abdi dan masih feodal yang tidak sesuai lagi dengan keadaan-keadaan dunia yang ada pada hari ini.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di Pertua, di dalam membahaskan usul Menteri Kewangan yang membentangkan Anggaran Belanjawan negara, izin saya mendatangkan beberapa pendapat dan fikiran.

Saya datang dari kawasan pendalaman yang baru-baru ini dilanda oleh banjir.

Di dalam mesyuarat Dewan yang lalu, saya telah menyatakan betapa kemiskinan penduduk-penduduk luar bandar akibat daripada kejatuhan harga getah dan hari ini keadaan-keadaan demikian itu telah bertambah, kerana hujan dan disamping rakyat sedaya-upaya bertenaga untuk menambah mata pencarian, mereka juga terpaksa menggunakan titik peluh untuk membaiki jalan kampung, jambatan dan lain-lain yang jahanam kerana banjir. Keindahan dan pembangunan yang pesat perusahaan-perusahaan di bandar-bandar berlawanan dengan keadaan-keadaan sepi di kampung apatah lagi dengan kenaikan harga gula.

Saya minta Kerajaan mengkaji semula kedudukan harga gula sekarang ini yang kalau dikaji sedalam-dalamnya harga asal samada yang dibawa masuk atau sebaliknya harga asal itu barangkali setengah daripada harga yang ditetapkan sekarang ini setelah dikenakan berbagai cukai. Gula menjadi makanan termesti selain daripada beras. Miskin dan kaya mesti mencari gula.

Kalau orang-orang kaya dapat mencari lain-lain bahan makanan menggantikan gula kepada orang-orang miskin hanya gula, dan gula itulah harapan menambahkan zat makanan.

Saya tersangat bimbang di atas keadaan-keadaan yang terjadi sekarang ini yang mungkin akan menimbulkan rasa kurang puashati rakyat yang berpendapatan kurang terhadap usaha-usaha Kerajaan hendak mengimbangkan ekonomi rakyat.

Di dalam setengah-setengah kawasan ada rakyat yang menjadi buruh secara kontrak di ladang-ladang getah ditekan oleh majikan-majikan dengan berbagai-bagai tipu-helah. Kesilapan-kesilapan yang sedikit dibesarkan dan dijadikan alasan untuk mereka menindas kaum buruh yang berharap kepada mata pencarian yang menggunakan titik peluh itu. Hal-hal yang berlaku itu tidak sewajarnya dibiarkan dan patut diambil berat oleh pihak Kerajaan. Kadang-kala penindasan-penindasan ini dilakukan dengan sewenang-wenangnya dan manakala keadaan ini disampaikan kepada Wakil Rakyat, maka barulah pihak yang berkenaan iaitu Jabatan Buruh umpamanya tergesa-gesa mengambil tahu.

Kerajaan hari ini menitik-beratkan kepada perkembangan belia-belia untuk mengujudkan suatu golongan yang maju, progressive dan bertanggungjawab kepada masyarakat. Masaalah belia di kampung hari ini dengan tidak ada kerja-kerja yang tetap atau tanggungjawab tidak pula banyak mencampuri hal-hal kemajuan dalam kampung. Walaupun Persatuan-persatuan Belia berkembang dengan maju, tetapi suatu mata-malamat yang konkrit sangat berkurangan. Misalnya tidak banyak belia diberi galakan untuk mencampuri dalam gerakan kerjasama di kampung-kampung walhal perkara ini memang sangat dikehendaki supaya belia-belia di kampung-kampung mendapat pelajaran dan pengalaman ekonomi dan jimat-cermat. Harus satu titik pertemuan dibuat di antara kedua pihak iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi merumuskan supaya gerakan kerjasama dipupuk kepada belia-belia selain daripada bidang kesenian dan kebudayaan atau pertanian dan lain-lain bidang menuju ke arah memperkuat ekonomi kampung harus dijalankan.

Kita sangat percaya hasil-hasil daripada usaha-usaha di dalam rancangan Dasar Ekonomi Baru bukan dapat dilaksanakan dengan sekelip mata sahaja. Tidak ada kuasa sakti untuk yang boleh membuat demikian dan kerana itu rakyat harus dipecut untuk bertanggungjawab dalam usaha-usaha ini.

Di dalam mentadbirkan supaya segala rancangan-rancangan yang memakan beribu juta ringgit ini sebagai yang dibentangkan di hadapan Dewan hari ini, maka masyarakat ataupun rakyat harus dilindungi dengan keadilan supaya segala hasil itu dapat dinikmati oleh setiap rakyat daripada setiap gulungan dengan tidak ada perbezaan.

Kita tidak mahu segulungan kecil daripada rakyat kampung atau desa-desa sahaja mendapat nekat, tetapi dirasakan oleh semua yang sedia hendak menerima rancangan-rancangan Kerajaan itu. Kita percaya bahawa kita akan mencapai kemenangan diakhir kelak, kerana kemenangan yang berupa ikhlas dan jujur itu ialah kemenangan asasi yang tidak boleh dinafikan.

Kawasan-kawasan perusahaan yang dirancang di seluruh negara hari ini hendaklah dipilih di tempat-tempat yang sesuai. Ada kedapatan hari ini, kawasan-kawasan yang telah dipilih menjadi kawasan perusahaan setelah kawasan itu dimasukkan segala kemudahan-kemudahan seperti jalan raya yang memakan belanja berpuluh atau beratus ribu ringgit, tetapi kawasan itu tinggal lengang, kerana tidak diminati oleh pengusaha-pengusaha besar. Mungkin pilihan tempat yang tidak sesuai dibuat sebelum dikaji daripada segala aspek.

Ada orang-orang yang mengatakan percantuman atau percampuran di antara semua-semua parti bagi menguatkan yang ada ini ialah satu kemenangan dalam Dasar Ekonomi Baharu kita yang memakan beribu juta ringgit. Kita percaya langkah yang dibuat ini ialah satu cara untuk mengekalkan kemerdekaan yang ada ini. Kemerdekaan tidak akan dapat dikekalkan dengan kita menengok diri keseorangan. Kita memasuki zaman baharu yang berkehendakkan kepada rasa tanggungjawab yang lebih teguh, kemas, zaman perusahaan, pembinaan dan pengeluaran ekonomi dan rakyat harus diberi pendidikan dan pelajaran-pelajaran di dalam bidang semangat berdikari, semangat mempertahankan hak mutlak kemerdekaan, se-

mangat kepercayaan di atas kebolehan negara sendiri.

Satu perkara yang saya suka bangkitkan dalam Dewan ini untuk mendapat perhatian umum iaitu di dalam ucapan Menteri Kewangan menyatakan harga ubi kayu memang baik dan sedia ada dalam pasaran bersama di Eropah. Saya tersangat hairan apakah yang telah terjadi kepada suatu perusahaan yang telah dimajukan oleh MARA, iaitu Syarikat UBIYU yang pada suatu masa telah mengumumkan sebagai satu perusahaan yang utama oleh MARA. Tentu banyak wang yang telah diberikan oleh Kerajaan untuk menegakkan syarikat ini.

Saya dengar bermacam-macam kemudahan seumpama kelulusan pengangkutan, pegawai-pegawai, tapak-tapak tanah dan lain-lain telah disalurkan untuk syarikat UBIYU ini. Apakah syarikat ini masih berjalan atau projek ini memakan wang yang banyak, wang rakyat yang banyak itu akan jahanam begitu sahaja. Wang yang dibelanjakan itu, saya katakan sekali lagi ialah wang rakyat.

Menurut laporan Juru Odit Negara setiap tahun kalau dibaca dengan teliti oleh rakyat, banyak Jabatan-jabatan Kerajaan yang menyalahgunakan wang-wang Kerajaan atau membazirkan wang Kerajaan tanpa mengira hasil yang baik kepada rakyat atau mendatangkan kerugian kepada khazanah negara. Tiap-tiap satu projek yang hendak dilancarkan hendaklah diteliti terlebih dahulu. Kemungkinan-kemungkinan yang kelak akan berlaku, faedah-faedah dan lain-lainnya. Terutama sekali menggunakan wang yang diluluskan oleh Dewan ini hendaklah dibuat dengan perasaan tanggungjawab kepada negara, bukan hanya setakat pandai menggunakan wang itu sahaja. Tiap-tiap satu sen yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan samada pemberian secara langsung ataupun pinjaman hendaklah mendapatkan result yang baik. Kalau hutang hendaklah dinilai hutang, jangan hendak dikira atau dibuat sehingga keputusannya "write off" atau penghapusan pinjaman di buat sebegitu sahaja.

Cara-cara "write off" ini ialah satu galakan kepada kecuaiannya penggunaan wang Kerajaan. Beberapa buah syarikat kerjasama yang besar-besar dalam negara kita hari ini yang diberi pinjaman wang oleh Kerajaan telah menyalahgunakan wang-wang itu dan

tidak membayar kembali kepada Kerajaan walhal mereka mendapat untung yang banyak; dan ada juga yang mati tidak berkubur. Wang ini berjumlah berjuta-juta ringgit. Tolong baca Penyata Juru Odit Negara.

Tuan Yang di Pertua, mari kita iratkan tali-pinggang kita dengan tidak memboroskan wang negara. Kita hendak meninggikan taraf ekonomi dalam negara dan kerana itulah rakyat harus diajarkan supaya benar-benar faham dalam dasar ekonomi yang kita kemukakan ini. Dengan itu, Tuan Yang di Pertua, saya menyokong usul ini.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Saya bangun menyokong Anggaran Belanjawan bagi tahun 1973, iaitu satu anggaran yang saya rasa mengenakan cukai hanya kepada benda-benda yang mewah sahaja dalam negara kita, tetapi walaupun begitu, Tuan Yang di Pertua, kita tahu ini memang telah menjadi satu kela-ziman.

Apabila sidang belanjawan diadakan maka pihak-pihak yang tertentu memang menanti-nanti masa sahaja untuk menaikkan cukai yang bukan-bukan kadangkalanya. Pihak-pihak yang berkenaan, saya rasa patutlah bertimbang rasa dengan keadaan rakyat jelata seluruhnya, kerana pada pihak rakyat jelata kalau kita mendengar mass media, Kerajaan telah menggunakan sepenuhnya iaitu Radio dan Talivisyen memberitahu iaitu hanya angka-angka atau senarai barang-barang yang dikenakan cukai sahaja, maka patut dikenakan cukai, tetapi hari ini apa yang kita rasa bahawa setiap benda apa yang dijual di pasar-pasar semuanya melambung naik harganya, maka dari itu, saya rasa bagi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga bersamasama dengan pihak berkuasa Polis memerhatikan apakah juga penyelewengan yang diamalkan oleh segenap pihak yang sentiasa mengambil kesempatan dalam hالهال yang begini; mengambil tindakan dengan sertamerta.

Tuan Yang di Pertua, di dalam memperkatakan soal cukai ini patutlah juga bagi pihak Kementerian-kementerian yang tertentu iaitu pihak Kementerian Penerangan, membuat satu kajian bagaimana keadaan-keadaan publicity kepada benda-benda yang tertentu, iaitu cuba hendak mengelirukan orangramai

kerana kita sebagai sebuah negara yang di dalam bidang pembangunan dan juga di dalam mempunyai projek pembaharuan, benda-benda yang saya maksudkan supaya tidak mengelirukan orangramai ialah seperti mana kadang-kadang iklan yang digunakan oleh Talivisyen dan sebagainya seperti Essence of Chicken, bagaimana boleh mengembalikan tenaga kita, tetapi cubalah kita membuat pengajian di dalam bahagian food technology ataupun Pusat Pengajian Makanan yang sebenarnya, iaitu saya mendapat tahu bahawa zat yang ada di dalam Brand Essence of Chicken atau Essence of Deer dan berbagai-bagainya kalau dibandingkan dengan harga anak ayam seekor sahaja kalau dibuat, dijadikan dapatlah dinikmati oleh sebahagian daripada keluarga di dalam rumah kita. Beginilah keadaan mutu-mutu setengah-setengah daripada bahan-bahan makanan yang diiklankan oleh Radio dan Talivisyen.

Begitu juga minuman-minuman bagi kanak-kanak sebagaimana hendak menambatkan tenaga mereka itu, untuk hendak menerangkan mata seperti mana Ribena, Rivita dan sebagainya. Ini benda-bendanya saya rasa sampailah masanya bagi pihak Kementerian yang tertentu supaya kita membuat kajian dan supaya dapat kita senaraikan apakah dia bahan-bahan makanan bernilai dapat dinikmati oleh rakyat kita berbanding dengan wang ringgit yang mereka keluarkan itu.

Tuan Yang di Pertua, di dalam Anggaran Belanjawan yang saya nyatakan ini saya minta bagi pihak Kerajaan supaya membuat satu kajian semula tentang Cukai Pendapatan yang saya rasa terkena kepada wanita-wanita yang mana telah bersuami, iaitu bagi pihak wanita ini disamakan, disatukan, dijumlahkan dengan pendapatan suami maka dikenakan satu cukai yang begitu tinggi.

Saya rasa, patutlah kita mengadakan satu kajian tentang nilai-nilai kerja yang dibuat sebagai usaha wanita yang memberi sumbangan kepada negara adalah bukan satu perkara yang kecil.

Tuan Yang di Pertua, kita semua termaklum bahawa dari bangku sekolah lagi anak-anak kita tidak kira samada lelaki ataupun perempuan, kita memberikan pelajaran yang sama dengan harapan mendapatkan nilai yang sama juga. Begitu

juga apabila mereka meningkat ke sekolah-sekolah menengah dan seterusnya di bangku-bangku persekolahan tinggi dan universiti. Apa yang dapat apabila mereka ini telah berumah tangga ataupun bersuami, maka pendapatan-pendapatan mereka ini pun tertakluk di bawah cukai pendapatan yang disatukan dengan pendapatan-pendapatan suami mereka ini, maka di atas perkara yang beginilah, saya rasa sampailah masa bagi pihak Kerajaan kita menimbangkan semula iaitu supaya tidaklah dikenakan bebanan yang begitu berat kepada pihak wanita-wanita kita kerana walaupun begitu, kita tahu kalaulah bagi pihak swasta kita selalu mendengar jolokan-jolokan bahawa pihak swasta dapat mengadakan pekerjaan kepada orang-orang yang menganggur, tetapi cubalah kita membuat satu kajian, iaitu bagi pihak wanita-wanita kita juga. Kalau seorang ibu telah bekerja, maka dia terpaksa menggaji, iaitu orang untuk hendak menguruskan rumahtangga, menjaga anak-anak dan berbagai-bagai lagi. Ini adalah satu jalan bagaimana kita dapat mengatasi pengangguran. Dan daripada itulah juga maka sebahagian besar daripada wang gaji mereka ini telah terkorban untuk menggaji orang-orang yang kurang bernasib tadi ini untuk menjaga ketenteraman rumahtangga bersama.

Maka dalam perkara-perkara yang begini, Tuan Yang di Pertua, saya dapat tahu iaitu ada sebahagian yang besar daripada wanita-wanita kita yang mana yang telah bekerja dan yang telah dikenakan cukai yang begitu tinggi sanggup mereka meletakkan jawatan. Maka alangkah ruginya bagi pihak Kerajaan kita setelah mereka mendapat pelajaran-pelajaran ada yang berijazah juga sanggup hendak meletakkan jawatan. Kata mereka kalaulah begini keadaan cukai-cukai yang dikenakan, maka akhirnya biarlah mereka korbankan jawatan itu duduk di rumah. Di samping duduk di rumah bolehlah mereka juga berhubung dengan stockbroker dan selain daripada itu ada pula yang setengah-setengah lebih baik mereka bermain mahjong tidak kena cukai dan sebagainya. Inilah keadaan-keadaan yang menyedihkan negara kita.

Di samping kami kaum-kaum wanita menuntut gaji yang sama, keadaan-keadaan yang tak menyenangkan ini terus juga berlaku. Saya rasa kalaulah pertimbangan yang begini dapat dilaksanakan tidaklah

pihak wanita-wanita kita ini akan meninggalkan jawatan-jawatan yang penting, kerana ada di antara mereka-mereka ini telah mengorbankan masa dan juga khidmat mereka menjadi pensyarah-pensyarah di universiti dan sebagainya. Kadangkala dalam satu bulan mereka telah kena membayar cukai yang lebih daripada \$900 bahkan \$1,000 cukai kepada pihak Kerajaan iaitu cukai pendapatan, dan kerana Anggaran Belanjawan kita pada tahun ini tidaklah begitu berat, bermakna maka Kerajaan kita juga telah dapat mengemukakan, satu Belanjawan yang menunjukkan kewangan negara kita begitu stable, saya rasa sampai masanya Kerajaan kita menimbangkan semula tentang apa yang saya katakan tadi.

Satu perkara, Tuan Yang di Pertua, yang patut saya memberi sedikit perhatian ialah tentang Anggaran Belanjawan yang besar yang telah diuntukkan kepada Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan telah mendapat satu jumlah yang besar iaitu \$304,484 juta iaitu satu Belanjawan yang agak besar iaitu Belanjawan ini selain daripada Belanjawan Mengurus yang kita katakan sebanyak \$244 juta dan Pembangunan sebanyak \$60.4 juta adalah sebagaimana kita tahu mempunyai satu kewajipan yang besar terhadap kesihatan anak-anak bumiputra, tetapi apa yang malangnya yang saya sebutkan di sini ialah berkenaan pentadbiran. Pentadbiran yang kurang memuaskan di rumah-rumah sakit. Apabila perkara pentadbiran di rumah sakit tidak begitu cekap yang menjadi mangsa ialah manusia.

Tuan Yang di Pertua, kalau Tuan Yang di Pertua mengizinkan, sukaiah saya menyentuh sedikit iaitu satu kemalangan yang telah berlaku kepada anak saya, dalam tahun ini juga yang mana kesilapan berlaku antara Hospital Besar Pulau Pinang dan University Teaching Hospital. Anak saya dihantar ke University Teaching Hospital daripada Hospital Besar Pulau Pinang ialah kerana hendak analyse penyakit yang dia hadapi daripada dia mula lahir ke dunia, iaitu saya terpaksa menceritakan, dia mempunyai extra artery to the heart, hanya hendak analyse, kerana alat itu tidak ada di Hospital Besar Pulau Pinang. Jadi itulah keadaan pentadbiran antara sebuah rumah sakit dengan rumah sakit yang lain. Apabila sampai di Universiti Hospital, sebagai ibu-bapa yang tidak mengetahui halehwal hospital, katanya, alat yang hendak analyse itu ialah sebagai

catheterization dikatakan, iaitu menebuk dan hantar mini-camera untuk mengambil gambar dan mengetahui penyakitnya itu.

Kami tidak tahu, kerana apa yang kita sangkakan budak ini hanya dengan cara pembedahan dan clem salah satu daripada urat saluran darah kepada jantungnya boleh menyelamatkan dia. Jadi, perkara begini berlaku dan akhirnya dia telah dibedah pada 30hb Jun tahun ini dan hasil daripada pembedahan itu 9 hari kemudian dia telah menghembuskan nafasnya yang akhir. Report daripada Universiti Hospital balik ke Hospital Besar Pulau Pinang 1 bulan selepas anak saya meninggal dunia dan kebetulan, Tuan Yang di Pertua, saya rasa anak lelaki saya menjalani housemanshipnya di sana. Doktor pakar menunjukkan repot adiknya. Kata Medical Officer, General Hospital, Pulau Pinang dia dihantar bukan untuk dibedah hanya untuk analyse dan hantar balik repot dan di situlah di dalam repot itu mengatakan bahawa dia telah diberi tambahan darah sebanyak 7 pints pada hal untuk cardiac operation (P.D.A. operation) tak memerlukan walau 1 pint darah sekali pun dan penambahan darah itu, saya bukan expert, Tuan Yang di Pertua, bukan dengan cara "drip" bahkan dipam darah padanya. Akhirnya mengakibatkan pada esok hari iaitu satu malam, selepas dia dibedah, dia telah kena heart attack, dan terpaksa dikejarkan kepada intensive care unit dan selama seminggu dia hidup dengan respirator machine for stress condition dan begitulah keadaannya sampai dia meninggal dunia.

Perkara-perkara yang macam ini, Tuan yang di Pertua, berlaku pada anak saya. Jadi ada setengah-setengah pihak mengatakan patut saya ambil tindakan atas perkara ini, tetapi saya rasa sebagai orang Islam, Tuan Yang di Pertua, kalau tindakan diambil tak dapat menghidupkan semula anak saya itu. Inilah perkara yang berlaku.

Selain daripada itu, kecuaian pihak rumah-rumah sakit juga, di dalam tahun ini iaitu sahabat baik saya Senator Hanipah S. Alaudin, dia juga menemui kemalangan dalam Bulan Puasa. Bila dia hendak berbuka puasa dia telah collapse di salah sebuah kedai di Batu Road ini juga iaitu pada 31hb Oktober. Beliau telah dikejarkan dengan ambulan ke Hospital Besar Kuala Lumpur, kononnya dimasukkan di dalam Ward 13. Daripada pukul 6.30 petang sampai pukul 11.00 malam tidak ada siapa pergi ambil

tahu. Akhirnya, dia menghembuskan nafasnya. Ini terjadi kepada nasib seorang Senator. Apa halnya terjadi kepada nasib orang kebanyakan dalam negara kita ini? Walaupun tuduhan saya ini adalah satu tuduhan yang paling berat, tetapi, Tuan Yang di Pertua, inilah perkara-perkara yang berlaku saban hari di dalam negara kita. Kononnya, setelah dia meninggal dunia pada malam itu mayatnya di masukkan ke dalam bilik mayat.

Pada esok paginya apabila polis hendak repot, baharulah dicari di dalam poket seluarnya, dapat Parlimentary Pass Keretapi sebagai seorang Senator dan pada petangnya itu baharu diterbangkan ke Alor Star dengan urusan antara Kerajaan Negeri dan Kementerian dan pagi lusanya, baharu dapat dibumikan.

Inilah perkara-perkara yang terjadi di dalam pentadbiran-pentadbiran yang saya rasa serba kacau di rumah-rumah sakit ini.

Perkara-perkara yang begini, Tuan Yang di Pertua, saya lapurkan kepada Menteri yang berkenaan, tetapi nampaknya bila kita lapurkan hanya mendapat jawapan yang mengatakan dia tidak mempunyai kuasa, misalnya kepada Hospital Universiti dan sebagainya. Kalau Cik Puan berasa tak puas hati silalah tulis surat.

Saya rasa, Tuan Yang di Pertua, kalaulah perkara yang macam ini bukan satu contoh bahkan berbagai-bagai kisah yang berlaku kekecohan ataupun perkara yang mengakibatkan nyawa manusia. Kita mempunyai peruntukan-peruntukan yang banyak bagi rumah-rumah sakit, saya rasa pentadbiran-pentadbiran di rumah sakit inilah yang mustahak dibaiki.

Sebagai salah seorang pelawat rumah sakit juga, suka saya menyatakan bahawa tiap-tiap tahun diminta kita memberi gambar kerana sebagai pengenalan (identification) kita supaya ada rekod di rumah-rumah sakit. Saya rasa sudah tak kurang daripada tiga kali dihantar gambar kepada rumah sakit yang berkenaan di tempat saya, jadi diminta pula gambar. Jadi tidakkah rumah sakit menyimpan rekod itu, kononnya kata Kementerian minta. Saya tak percaya senarai pelawat-pelawat rumah sakit terpaksa diketahui oleh pihak Kementerian sendiri. Inilah perkara-perkara yang berlaku dalam negara kita ini.

Terlanjur saya bercakap dalam Anggaran Belanjawan ini, Tuan Yang di Pertua, suka-lah sedikit saya menyentuh tentang persekolahan. Saya tak bercakap banyak dalam hالهال persekolahan ini hanya sedikit-sedikit sahaja iaitu kita tahu peranan-peranan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran kita sangatlah besar tentang pendidikan dalam negara kita. Tetapi di samping kita melancarkan berbagai projek untuk menolong anak-anak bumiputra kita yang kurang bernasib baik, saya dapati kalau hendak dikatakan menunggu lapuran daripada Kementerian Pelajaran mengenai keciciran anak-anak kita sampai akhir tahun ini kita belum dapat melihat bagaimana rupanya dan bagaimana bunyinya lapuran itu yang telah dibuat sebagai satu kajian yang hampir setahun berkenaan dengan keciciran anak-anak kita di sekolah-sekolah. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, apa yang saya dapati ada sebahagian iaitu ibubapa juga yang tidak memberikan kerjasama yang mana telah menggunakan tenaga anak-anak tadi bekerja, di samping menolong ibubapanya di sawah, ada juga anak-anak itu bekerja di ladang-ladang getah, sama menolong menoreh sekerap dan tolong membawa timba-timba getah di ladang-ladang getah.

Hal ini kalau hendak dibandingkan dari segi undang-undang buruh juga menyentuh tentang child labour dan tentulah tindakan boleh diambil, kalau sekiranya didapati anak-anak itu yang telah digunakan oleh ibu bapa untuk mendapatkan hasil tenaga anak-anak itu daripada digalakkan belajar di sekolah dan lebih suka sekiranya anak-anak itu tidak lulus dan boleh menolong bekerja sehari-hari di rumah. Jadi keadaan begini memanglah sangat memilukan, kerana kita mengharapkan setiap anak-anak kita yang belajar di sekolah itu supaya mereka mendapat kelulusan yang sebaik-baiknya dan merekalah yang akan menjadi bakal pemimpin bangsa kita suatu hari kelak. Tetapi di samping itu, Tuan Yang di Pertua, kekecuan di sekolahpun ada juga dan tak payahlah saya menyebutkan nama sekolahnya, kita minta senarai murid-murid yang tak mampu hendak membayar yuran sekolah iaitu supaya kita dapat memberi bantuan secara yang lain umpamanya cara anak angkat ataupun cara bantuan kebajikan masyarakat. Sekolah-sekolah tidak dapat mengeluarkan nama murid yang tak mampu

itu. Kononnya mereka ada mempunyai "cheap system" bagi menolong anak-anak yang tak dapat membayar yuran sekolah maka anak-anak itu dilepaskan daripada membayar yuran. Tetapi apa yang kita dapat tahu anak-anak yang tidak mampu membayar yuran sekolah tadi telah disingkirkan oleh gurunya daripada sekolah. Inilah yang mengecewakan. Dan juga saya dapat tahu selalunya wang yuran sekolah itu diterima oleh kerani sekolah. Kerani-kerani sekolah memang kebanyakannya tidak ada latihan bagaimana hendak menyimpan kira-kira. Ini berlaku dalam kebanyakan sekolah, saya percaya di seluruh negara kita banyak sekolah yang terlibat.

Saya percaya kalaulah sekiranya mereka mempunyai latihan menyimpan kira-kira sekolah, tentulah anak-anak kita yang miskin yang susah tadi mungkin sekolah-sekolah itu dapat mengadakan peruntukan membantu anak-anak yang miskin itu. Tetapi apa yang sangat mendukacitakan pula, pihak Kementerian sendiri telah mengeluarkan hampir \$3 juta untuk membantu buku-buku sekolah kepada murid-murid. Kadang-kadang budak-budak yang benar-benar susah tidak mendapat bantuan. Guru besar memberikan wang kepada guru dalam darjah. Guru darjah lepaskan dalam tangan Ketua Murid yang mana tentulah biasanya budak yang memang cergas otaknya. Budak itulah yang dapat bantuan dan selalunya kalau kita lihat kalangan budak-budak yang cergas otak itu adalah terdiri daripada anak-anak orang yang berada dan kebanyakan anak-anak yang lemah otak dan malas datang sekolah adalah budak-budak yang kita katakan below average, budak-budak ini memang tidak mampu. Merekalah yang selalu keciwa untuk mendapat bantuan baik di dalam bantuan buku, yuran dan sebagainya.

Saya rasa, Tuan Yang di Pertua, setakat itulah sahaja yang dapat saya mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan ini dan saya menyokong di atas Anggaran Perbelanjaan ini.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Yang di Pertua,

Sudah lama saya menanti,

Penat duduk saya berdiri,

Baru ini peluang diberi,

Kepada negara hendak berbakti.

Tuan Yang di Pertua: Sudah habis 3 minit. Sudah 3 minit rugi masa sahaja.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, saya bangun bercakap untuk menyokong Belanjawan Persekutuan bagi 1973 sebanyak \$4,642,153,735.

Sambil itu saya cuba mengeluarkan sedikit fikiran dan kritik yang membina supaya memberi faedah kepada rakyat seluruhnya dan memberi ingatan kepada Kerajaan dari semenjak naiknya cukai yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan, maka rakyat di kampung berasa gelisah. Mereka mengatakan dari setahun ke setahun apakala mesyuarat belanjawan, cukai dinaikkan. Berapa kali-kali kami akan menunggu. Kami berharap apakala Dewan Rakyat bersidang harga barang-barang akan diturunkan, kerana kami hidup dalam kesulitan, tetapi sebaliknya cukai dinaikkan sepuluh kali ganda. Apa yang turun ialah hanya hujan, hujan yang membawa banjir yang menyebabkan rakyat terpaksa pindah randah, membunuh segala tanaman dan ternakan.

Di tempat yang tidak banjir atau turun hujan, api pula yang membakar rakyat kerana kesempitan hidup.

Kerajaan berjanji kepada rakyat, serampang mata dua yakni dengan adanya Dasar Ekonomi Baru akan menghapuskan kemiskinan bagi rakyat, akan meninggikan taraf hidup rakyat. Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda waktu merasmikan Pertandingan Membaca Quran antara lain bertitah: "Bahawa kekayaan negara akan diberi samarata kepada seluruh rakyat". Tetapi sebaliknya rakyat masih tinggal dengan menderita. Sepuluh jong masuk berlabuh, namun anjing bercawat ekor juga.

Tuan Yang di Pertua, apakah janji-janji itu tidak dapat dilaksanakan? Saya mengerti, semua orang juga faham dan Ahli-ahli Parlimen juga cukup faham, walau apa parti pun memerintah tidak akan dapat 100% menunaikan kehendak rakyat. Itu betul. Tetapi sekurang-kurangnya dapat memberikan 50%—65% kesenangan kepada rakyat seluruhnya, bukan kepada satu golongan kaum feudal dan kepada satu golongan kaum modal yang sentiasa memeras tenaga rakyat di negara ini. Manakah itu masyarakat adil yang kita jadikan simbol untuk menyambut

Hari Kebangsaan pada hari itu. Tidakkah Kerajaan tahu bahawa kaum tani kelaparan tanah, masalah utama, walau apa rancangan yang dibuat oleh Kerajaan untuk membaiki taraf hidup rakyat di luar bandar tidak lain tidak bukan tanahlah soal yang utama. Hari ini ialah tanah-tanah di negara ini kebanyakan dibuka dan diberikan kepada swasta, diberikan kepada badan-badan perkumpulan. Bagaimanakah nasib orang kampung yang tidak masuk sesuatu perkumpulan itu hendak meninggikan hidupnya kerana tidak ada tanah untuk bercucuk tanam? Bagaimana di Negeri Perak, dikawasan saya Parit dan Seberang Perak, seluas 25,300 ekar tanah telah diberikan kepada swasta untuk ladang gula. Tetapi rakyat tidak mendapat tanah untuk bercucuk tanam. Hiduplah rakyat dengan menderita. Rakyat sebenarnya tidak berangan-angan panjang, rakyat tidak minta rumah 10 tingkat, tidak minta motokar Mercedes Benz, tetapi rakyat mahu senang cukup makan, senang anak-anak bersekolah, senang membeli pakaian, hidup aman dan teratur.

Tuan Yang di Pertua, marilah kita memikirkan pula nasib nelayan-nelayan yang hidupnya kais pagi makan pagi, mereka membawa sebuah perahu kecil ke tengah laut, tetapi keadaan mereka hari ini adalah terancam oleh pukuk-pukuk tunda terutama nelayan-nelayan di Pangkur, Kuala Kurau dan Kuala Muda, Kedah kerana pukuk tunda itu boleh menarik pukatnya menghabiskan bapak ikan, emak ikan, anak ikan, cucu ikan dan cicit ikan, habis segala-galanya. Kerajaan memberi lesen pukuk tunda tidak beragak-agak, memberi kesenangan kepada kaum kapitalis yang besar modalnya. Kerajaan memberikan hukuman kepada mereka tidak boleh memukat sebatu daripada pantai laut. Siapa yang menjaga laut itu, Tuan Yang di Pertua, di tengah malam? Tak ada. Bukan ada pancang. Maka menderitalah nelayan, tidak dapat menangkap ikan.

Tuan Yang di Pertua, begitu juga halnya kaum-kaum buruh kasar yang bekerja di kilang-kilang yang menerima penindasan daripada kaum-kaum majikan yang tidak ada mempunyai perasaan peri kemanusiaan yang memerah tenaga rakyat yang tidak seimbang dengan gaji yang diberi. Walau beberapa kali saya bercakap dalam Parlimen ini kepada Menteri Buruh, dia dapat menafikan, menegak benang basah.

Semalam sahaja, saya baharu balik ke tempat saya, Ipoh, satu kumpulan pemuda 10 orang datang mengadu kepada saya, dia telah berkhidmat selama 2 tahun di Kilang Getah Perak Rubber Works di Tasek, hanya dengan bergaji \$1.80. Pengurus majikan itu telah janji tiap-tiap tahun naik. Mereka tunggu, lapan bulan yang lalu mereka telah mogok seramai 30 orang. Apakala mogok di kilang itu, maka pengurus itu memukul talipon ke Pejabat Buruh, maka datanglah Pegawai Buruh. Datang bukan berjumpa dengan mereka yang mogok ini, terus masuk ke dalam pejabat. Bercakaplah mereka dapat diselesaikan dengan sebotol Anchor Beer besar dan sekotak rokok Benson & Hedges. Maka baleklah Pegawai Buruh itu, berjumpa dengan buruh itu, all right, awak semua boleh kerja, sudah beres. Besar hatilah mereka. Pegawai Buruh itu balik, budak-budak ini bekerja. Apa kesudahannya, Tuan Yang di Pertua? 4 hari selepas itu 10 orang daripada pekerja itu dibuangnya. Inilah dia, Kementerian Buruh atau Menteri yang menyebelahi majikan, tetapi tidak belas kesihan kepada buruh, terutamanya kaum bumiputra. Semalam datang 10 orang mengadu kepada saya, 4 sudah dibuang semalam.

Inilah satu keadilan masyarakat yang pincang, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Muar? rakyat mestilah bertenang menyahut cabaran ini. Ya, bagaimana laut hendak tenang, Tuan Yang di Pertua, angin bertiup terlalu kencang. (*Ketawa*) bagaimana rakyat hendak tenang, masyarakat adil, tetapi pincang.

Tuan Yang di Pertua, satu gulungan lagi rakyat yang miskin iaitu kakitangan Kerajaan Divisions III dan IV. Walaupun ada Suffian Report, walaupun ada Aziz Report, mereka tinggal begitu juga. Dinaikkan oleh Kerajaan gajinya tidak sampai \$20, tetapi dia telah kehilangan sewa rumah, membayar api dan sebagainya, serupa juga dengan takuk lama. Kata Jepun "sononama" (*Ketawa*). Inilah dia, kakitangan Kerajaan yang menderita dan mereka inilah apakala saya baca di dalam buku *Gazette* Kerajaan yang datang kepada saya tiap-tiap bulan itu. Kalangan-kalangan inilah kakitangan Kerajaan yang banyak sekali masuk bankruptcy. Mereka masuk bankruptcy kerana hendak menanggung anaknya bersekolah dan mempunyai anak 5, gajinya lebih kurang \$140, 3 orang hendak masuk sekolah menengah, dia pinjam duit

ceti. Bila dia tidak membayar, ceti memeras dia, akhirnya dia masuk bankruptcy, pangkat tidak naik, gaji tidak naik, Kerajaan tidak tahu apa sebab dia berhutang. Orang yang masuk bankruptcy ini bukan semua orang jahat. Ada 50% betul-betul kerana dia hendak memberi pelajaran kepada anak-anaknya membeli buku. 50% kerana main judi, minum arak dan sebagainya. (*Ketawa*). Tetapi yang 50% ini malang, Tuan Yang di Pertua, pangkatnya ditahan, gajinya ditahan dan segalanya ditahan, padahal dia membuat projek-projek supaya anaknya belajar, satu masa akan menjadi orang yang berpangkat dan berguna dalam negara. Kalau Kerajaan boleh membuat projek Malaysia Yang Kedua, meminjam keluar negeri, apa salah mereka itu meminjam daripada ceti. Kenapa di hukum pula dia dengan bankruptcy dan ditahan pangkat.

Tuan Yang di Pertua: Cuba tidak usah bercakap laju-laju sangat. Bercakap perlahan-lahan sedikit biar semua orang mengerti!

Tuan Hashim bin Gera: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua, sebab masanya terhad, kalau diberi peluang lama, saya boleh mengatur cakap itu satu demi satu.

Tuan Yang di Pertua: Lama sangat tidak boleh, tetapi diberi peluang.

Tuan Hashim bin Gera: Terima kasih. Tuan Yang di Pertua, itulah gulungan rakyat-rakyat yang menderita hari ini yang saya katakan sebagai masyarakat pincang tadi.

Tuan Yang di Pertua, saya suka bercakap sedikit berkenaan dengan pelajaran, maka Kerajaan, Kementerian Pelajaran telahpun mengarahkan satu peraturan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negeri ini mengadakan sebuah bilik khas untuk guru-guru agama mengajar prektikal kepada murid-murid Islam, murid-murid Melayu dalam negeri ini, iaitu cara-cara sembahyang dan sebagainya. Tetapi tidak ada mendapat sambutan daripada semua sekolah menengah dalam Negeri Perak sana. Dan yang saya berasa sedih pelajaran agama ada diajarkan di sekolah rendah jenis kebangsaan, ada di antara cikgu agama itu tidak dapat berkenalan dengan seluruh cikgu yang dalam itu, sebab bilik dia mengajar agama itu setor

motorkar di belakang sekolah. Bila budak-budak Melayu hendak belajar agama pergi lah ke setor motokar itu. Jadi cikgu itu duduk dalam setor sahaja hingga cikgu-cikgu lain yang tidak kenal kepada dia. Inikah dia satu peraturan yang dibuat, seolah-olah ada satu anti soal agama di dalam sekolah-sekolah jenis kebangsaan di dalam negeri saya sana. Bagi pihak Kementerian Pelajaran patutlah mengambil perhatian.

Kerajaan sekarang ini sedang berfikir, sedang hendak menerima lapuran, kononnya daripada Belia atas keciciran murid-murid. Keciciran murid-murid itu, Tuan Yang di Pertua, saya sebagai seorang guru sekolah yang berkhidmat di kampung-kampung selama 35 tahun, pada analisa saya, penyiasatan saya, murid yang cicir itu 60% kerana kemiskinan, 20% kerana jahat tidak mahu belajar ayahnya beri duit tidak mahu belajar, 20% kerana bodoh. Itu dia, tak usah dikaji mana-mana lagi. Kalau Kerajaan hendak memberi pertolongan, beri pertolongan yang miskin itu. Yang 20% itu betul bodoh, nyior setandan bukan semua baik, ada yang mumbang, ada yang ditebuk oleh tupai dan sebagainya. (*Ketawa*). Inilah satu pandangan daripada saya, jika pihak kerajaan benar-benar insaf hendak memberi pelajaran kepada anak-anak di luar bandar, sokonglah, berilah kepada anak-anak yang miskin dan tolong ibubapanya, tinggikan ekonominya. Jangan kita semata-mata dengan cakap sahaja. Apa guna di pukul gendang kosong, menepok dada perut membusung, rakyat tidak peduli langsung, tujuan yang asal sudah terpesong. (*Ketawa*).

Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil perhatian juga kepada cukai pendapatan. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengenakan cukai pendapatan kepada orang-orang yang berpendapatan lebih \$10,000 itu memanglah kena pada tempatnya, tetapi hari ini saya bercakap dalam Dewan ini minta Yang Berhormat Menteri Kewangan mengambil perhatian iaitu penilaian. Misalnya, seorang keluarga sibapa ada seorang isteri, Kerajaan memberi nilai seorang isteri itu \$1,000 setahun; anak yang pertama \$750; anak yang kedua dan ketiga \$500; anak yang keempat \$300; anak yang kelima \$300. Masa Kerajaan menilai itu, harga barang seperti gula 30 sen, tahun 1961. Hari ini tahun 1972 patutlah Kerajaan hari ini menaikkan pula penilaian tanggungan seorang suami kepada isterinya

yang makan gaji dengan Kerajaan ke \$1,500. Janganlah dipakai penilaian itu. Lagi satu tidak adil pada pendapat saya, orang itu anak sepuluh, lima sahaja diakui oleh Kerajaan anak dia. Kenapa? Adakah negeri dalam dunia ini macam kita membuat undang-undang macam itu? Patutnya Kerajaan memberi anak yang nombor lima \$350, anak yang nombor enam \$250; anak nombor tujuh \$150; anak nombor lapan \$100; anak nombor sembilan \$50; anak yang nombor sepuluh \$25. Ertinya ada sangkutpaut, ada connection di antara bapa dengan anak (*Ketawa*). Ini langsung bapa tidak ada tanggungjawab. Jadi Kerajaan kata cicir, Kerajaan sendiri sudah mencicirkan tanggungan bapa kepada anak itu. Ini dia.

Masa zaman British dahulu sembilan anak tidak kena cukai pendapatan. Bila kita merdeka lima anak sahaja yang diakui anak kita. Ini saya minta, saya merayu kepada Kerajaan. Yang keduanya, orang-orang yang bekerja suami isteri—yang suami bekerja, isteri bekerja—maka cukai isteri itu dibayar oleh suami. Ini tidak betul, sebab sudah menjadi perkara dalam mahkamah. Masa dia kahwin itu betullah mereka pakat kasih-sayang masih kuat lagi. Kata pantun Melayu, Tuan Yang di Pertua, susu lemak dimangkok cekop, simpan lama menjadi dadah, baharu-baharu memang tidak cukup, sudah lama tidak habis. (*Ketawa*). Kemudian dia bercerai, mereka bercerai bulan enam, bulan dua belas datang income tax minta pada suaminya, kenapa saya hendak bayar? Dia sudah bercerai, edah tiga bulan, dia sudah bersuami lain, sudah menjadi pergaduhan. Patutlah Kerajaan ini mengasingkan cukai pendapatan suami dengan cukai pendapat isteri, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat daripada Kulim Utara tadi tidak menjadi berat.

Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil perhatian Kementerian Perhubungan, Menterinya dia tidak ada sini, kalau ada dia boleh jawab dengan matanya sekali, dengan actionnya (*Ketawa*). Dia kata Kere-tapi rugi, cubalah Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan memikirkan berapa banyak balak daripada Pantai Timur hantar ke Singapura, banyak mendapat hasilnya. Tetapi adakah dia tahu apakah yang telah jadi pada balak dalam wagon itu? Dipusingkan oleh orang yang berkenaan duitnya itu telah dipusingkan itulah membuat kita rugi. Kalau tidak percaya siasat, stesyen Keretapi Tanah

Merah, Manipurai dan lain-lain lagi disebelah Kelantan. 100 tan kayu, 80 tan MacLigan, 20 tan tinggal untuk habuan Station Master. Ini dia sudah empat lima orang mengadu di utara. Kalau Syarikat Balak itu kompeni besar akan diberi tanah yang lapang peruntukan dia meletakkan balak. Kalau syarikat balak itu kepunyaan oleh orang persaorangan, dipunyai oleh seorang, maka balak itu sampai lapuk tidak dapat station wagon. Inilah yang bangkit dalam Dewan Negeri Selangor semalam—pegawai-pegawai, Kopi "O". Bagaimanakah keretapi tidak rugi?

Yang keduanya, saya tengok, keretapi bagaimana tidak rugi? Terlampau banyak Kerajaan mengeluarkan permit lori. Permit lori itu boleh daripada Perlis sampai ke Singapura. Bagaimanakah orang hendak membawa barang dengan keretapi? Itu dia, Kerajaan patut mengkaji balik

Yang ketiga, pada hari ini banyak sangat "express". Kuala Lumpur sampai Alor Star ada "express". Daripada Telok Anson ke Ipoh pun ada "express". Besok dari Tapah ke Kampar pun ada "express". Macam mana keretapi hendak laku? Sebab itu Kerajaan mestilah mengambil perhatian. Ini hak negara, keretapi hak negara. Kalau rugi dia, rugi negara. Negara rakyat yang menanggungnya. Maka patutlah bagi pihak Kementerian Perhubungan mengambil kajian semula.

Kemudian, saya sukalah mengambil perhatian lagi sedikit, Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan syarikat kapalterbang MAS kita. Semalam saya dengar seorang wakil dari Dato Kramat telah berbalah dengan hebatnya sehingga Tuan Yang di Pertua sendiri pun dapat mencelah. Kalau tidak, harus menjadi pergaduhan. Benar—saya sebagai rakyat negeri ini menyokong dengan penuhnya atas terbitnya, atas terdirinya syarikat kapalterbang MAS itu. Kita rakyat Malaysia pun berasa bangga dengan secepat mungkin, dengan masa yang pendek kita sudah dapat didirikan sebuah Syarikat Kapalterbang yang dipunyai oleh negara, yang dipunyai oleh semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbagai bangsa, tetapi malangnya ada di antara orang yang mencerca supaya menjatuhkan imej Syarikat Perkapalan kita, supaya orang tidak mahu naik kapalterbang itu. Pemandu tidak ada kebolehan, enjinnya tidak elok dan sebagainya. Ini adalah perbuatan yang menghina negeri ini sendiri. Seolah-olah dia

berkata ada orang yang dibelakangnya ataupun seolah-olah wayang kulit yang menguitkan segala-galanya tetapi ada lain tangan yang menguitkannya. Orang yang macam ini adalah orang yang tidak jujur kepada negara. Inilah jenis manusia yang kita hendak ambil perhatian. Kalau dia . . .

Tuan Yang di Pertua: Saya kurang faham, siapa yang tidak jujur, Ahlikah atau Menteri?

Tuan Hashim bin Gera: Bukan, yang mengkeritik berlebih-lebihan. Ini dia. Jadi orang macam ini tidak patut. Sepatutnya kita di mana negeri yang kita duduk walau perkara negeri itu buruk sedikitpun, mesti kita lindungi sampai kita mengeritik, janganlah kita hebahkan keluar kerana kita membuka pekong di dada.

Kita duduk dalam Malaysia petang-petang kita pergi ke bandar,

Membawa tajak bendang ada di balik tanjong,

Di mana bumi kita pijak di situ langit dijunjung.

Orang yang macam ini tidaklah sewajarnya dibiarkan.

Sepatutnya kalau saya ada kuasa, ayoh!

Pengayuh di tangan perahu di air laut luas

Pergi tolak tangga ayun kaki tepok dada tanya selera,

Ayoh! Keluar.

Datang tidak dijemput, pergi tidak ditolak. Ini dia yang layaknya.

Tuan Yang di Pertua: Mujur dia tidak ada di sini. Kalau ada diajakanya bertumbok! (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Gera: Tidak mengapa Tuan Yang di Pertua. Kemudian yang akhir sekali saya mintalah Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawai bersefahaman dengan Kerajaan Pusat supaya apa kerja dapat diberekan, tidaklah bagaimana yang kita dapat hari ini kadang-kadang macam yang saya katakan satu-satu urusan di negeri, maka dia menjawab, "Di Kerajaan Pusat". Maka apabila ditanya Kerajaan Pusat, dalam Parlimen dia kata di sana. Jadi di mana rakyat hendak berpegang? Saya harap Kerajaan mestilah menyelaraskan, memberi persefahaman di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Terutama sekali di

negeri-negeri Tuan Pegawai Daerah, bila satu-satu hal kita tanya, "Saya baharu tukar di sini Encik, saya tidak tahu lagi hal ini". Baiklah kawan tunggulah ADO, "Diapun sudah tukar". Ini pun satu penyakit juga. Kerajaan menukarkan ADO ini, tiga bulan sudah bertukar, empat bulan sudah bertukar. Jadi dia senang berdalih. Inilah saya minta Kerajaan Pusat memberi persefahaman dengan Kerajaan Pusat dengan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri supaya segala Rancangan Malaysia mendatangkan kebajikan kepada rakyat itu dapat dijalankan kerana rakyat hari ini telah bosan, janji, janji, janji, tetapi sebagai saya kata tadi kalau gagal Rancangan Malaysia Kedua ini maka apa akibatnya sama-samalah kita tunggu. Janganlah rakyat berkata:

Sayang Cik Tom menjual bijan,

Pecah balang ditimpa beringin,

Bunyi berdentum bukannya hujan,

Daun lalang ditiup angin,

Rancangan Malaysia Yang Kedua ini.

Sekianlah, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim-Bandar Bharu): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baharu-baharu ini. Terutama sekali saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah meluluskan dan memberi bantuan penuh kepada pekebun-pekebun kecil getah tanaman semula dalam sekim nombor lima baharu-baharu ini.

Pekebun-pekebun kecil terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar sungguh berterima kasih di atas jasa baik Kerajaan kerana sedar di atas kesusahan mereka ini. Sekarang semangat mereka sangat tinggi.

Saya fikir ini adalah satu cara yang baik untuk mengstructure society. Walaumacamanapun sekali lagi saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya menimbangkan untuk memberi bantuan wang \$1,000 bagi tiap-tiap satu ekar. Permintaan ini sangatlah berpatutan jika dikajikan bahawa kegunaan getah di dunia pada masa ini sangat bertambah dan juga barang-barang kegunaan untuk pekebun-pekebun kecil telah naik harganya.

Tuan Yang di Pertua, berani saya berkata di sini bahawa kita mempunyai satu Pusat Penyelidikan Getah yang terbaik sekali di

Asia Tenggara. Pada masa ini kita mempunyai kilang getah yang cukup lengkap untuk menjaga mutu getah kita seperti kilang S.M.R. Dalam hal ini suka saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan supaya mengadakan satu kilang untuk memproses dan membuat dari susu getah seperti sarong tangan getah dan lain-lain lagi.

Saya faham bahawa banyak negara-negara lain yang membeli susu getah kita dan membuat berbagai-bagai jenis barang, dan sangat laku dijual di pasaran dunia. Mengapa tidak kita berbuat demikian dan mendirikan kilang yang saya sebutkan tadi dengan segera. Dengan adanya kilang ini kita boleh melatih rakyat Malaysia dalam semua cara teknik yang boleh diproses dan dibuat dari hasil susu getah kita sendiri. Ini juga akan memberi pekerjaan yang banyak kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di Pertua, akhir sekali, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Perak dan Kedah dan juga Menteri Kebajikan Am dan Menteri Kerjaraya dan Tenaga dan pihak polis, tentera, pihak sukarela dan lain-lain juga dermawan-dermawan kerana telah bertindak segera dan memberi bantuan-bantuan kepada mangsa-mangsa trajidi feri di Parit Buntar dan Bandar Baharu yang berlaku baharu-baharu ini. Penduduk-penduduk di kawasan tersebut juga sangat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah melulus satu anggaran sebanyak \$1.2 million untuk mendirikan sebuah jambatan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di Pertua, dalam hal ini juga saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan untuk menyiasat dan memeriksa kelengkapan feri-feri yang ada di negara kita seperti life jacket atau lain-lainnya supaya trajidi feri di Parit Buntar dan Bandar Baharu itu dapat dielakkan.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di Pertua, saya akan bercakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ya, boleh.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di Pertua, tema ucapan belanjawan Yang

Berhormat Menteri Kewangan berasal dari tema pusat Dasar Ekonomi Baru yang dikatakan itu.

Di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua yang berhajat hendak membina satu masyarakat yang adil, tetapi bagaimana Yang Berhormat Menteri Kewangan bercadang untuk mencapai bagi pembinaan satu masyarakat yang lebih adil dan saksama di Malaysia ini dengan meminta orang-orang yang kaya mengurangkan penghisapan cerut dan menjadikan orang-orang miskin merasa lebih susah membeli apple, limau, anggur dan juga menjadikan suri-suri rumah-tangga merasa lebih susah membeli dapur gas adalah tidak diketahui dengan sebenarnya.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, it appears that the Minister of Finance has not matured or benefited in political sagacity in spite of his thirteen years in office, except having become more smug and snug with each passing year. His solution for the task of creating a more just and equal society seems to be based on the philosophy of dressing old cliches with new prose and pouring old wine in new bottles. It is characteristic of the Finance Minister and the Government as a whole to indulge wallowing in this, "I'm all right, Jack", sort of attitude, and whenever challenged to prove in substance, how all right we really are as a country and a people, to point blankly into the abysmal dark and say with neither much effort nor conviction that "There is light at the end of the tunnel", when the tunnel seems to grow almost inexorably longer and deeper each year.

I would earnestly call upon the Minister of Finance to stop resorting to easy and convenient reference to the delusive G.N.P. each time he needs a defence-mechanism. To the 300 to 400 rich families in this country, the G.N.P. can of course be taken to mean "Gallop No-holds-barred Parcelling" away the wealth and potential of the country in collusion with the foreign capitalists and imperialists. But for the hundreds of thousands of the have-nots of this country, the peasants and the workers, the G.N.P. can mean only one thing, that is, "Gross National Pessimism". And no one can hardly blame these people for this tendency to look at the worst side of things with increasing unemployment, rising prices, cultural pollution, social degradation, racial polari-

sation, including racial polarisation in our universities and other institutions of higher learning, together with an educational malaise and a growing crisis of national identity and national purpose.

Mr Speaker, Sir, we are supposed to have been politically independent for the past fifteen years, but economically we are still heavily dominated by foreign interests and capital. Every year a few hundred million dollars are still being repatriated overseas from our shores in terms of profit. The Malaysian economy is dominated by the foreigners, and no amount of political-economic terms and slogans can cloud that fact. The present so-called New Economic Policy of the Government is nothing but merely a piecemeal, stop-gap measure which is still too generous, too kind and too tender to the foreign capitalists and the multinational corporations at the expense of the sweat, blood and toil of the multi-racial workers and peasants of our country.

The real economic imbalance that exists in Malaysia today is the one between foreigners on the one hand and Malaysians of all races on the other. If the Government is really sincere and serious about giving a new deal to our people, it should take immediate steps to correct this imbalance instead of diverting attention and energy, as well as time, on correcting this so-called "racial economic imbalance". Even if assuming or granting that there is this so-called "Racial economic imbalance", it is still commonsensical to work on the basis that only by first correcting the economic imbalance between foreigners and Malaysians can and will the internal imbalance amongst the races be smoothly and harmoniously corrected. The cold logic is simply this: by getting a bigger slice of the national cake for Malaysians themselves will any inequality or imbalance be better and easier solved.

Well, the kind of gratitude we get from the foreign capitalists from time to time for being too kind, too generous and even subservient to them is a hard kick in the back as so amply demonstrated in the recent MAS-BOAC affair. Mr Speaker, Sir, when are we ever going to learn that the imperialists, foreign capitalists and those who are still colonialists in this and other parts of the world like Brunei, for instance, are

always on the look-out to get one-up on us. Mr Speaker, Sir, I agree with the Honourable Member for Larut Utara that there should be a total review of Malaysian-British relations at all levels and we in Malaysia must not forget that the young Malaysian tiger cub must not under-estimate the continued capacity of the old, toothless British lion for its capricious and devious ways. I would even seriously urge the Government to make the reading of books like "The Wretched of the Earth", and "The Dying Colonialism" by Fanon compulsory for all civil servants, university students, and even school-children, for the tricks of the new imperialists and neo-colonialists are relentless and many. In short, Sir, we must not allow the economy of our country to be dominated by the imperialists—whether it be of the American brand, the British type, the German kind or the Japanese form.

Of late some rumblings have been heard being made against the habit of selling land to foreigners. This is to be welcomed, but it reminds us about a very true and loyal son of the soil, Hamid Tuah, who was arrested and detained for no good and apparent reason about three years ago—of course, he has just been released—when in fact those who ought to be detained are those who have sold chunks and chunks of our land to foreigners rather than Hamid Tuah. I hope, Sir, that this call is not another case of lip-service and mere jaw-exercise by some aspiring lights in the ruling party to merely hit the headlines. I fervently hope that the Government will have the courage, foresight and a sense of independence to aim to buy back every inch of land in our country which has been sold to foreigners. This country will only be able to see any ray of light and hope at the end of the tunnel—at least the economic tunnel—if the Government stops the bad habit of introducing stop-gap and half-hearted measures. What is needed for the total upliftment of the have-nots of this country is nothing short of a bold, imaginative, comprehensive and radical socialist-orientated programme of development which genuinely guarantees that the nation's wealth is not parcelled away by foreigners and chiselled away and accumulated by the 300 to 400 rich Malaysian families, but shared equitably by the hundreds of thousands of Malaysian families of all races. Then, and only then, can the Honourable Finance Minister talk with justification, pride and

meaning about the creation of a more just society.

Mr Speaker, Sir, just as synthetic rubber poses a challenge and threat to us economically, so does synthetic culture pose a threat and challenge to our Malaysian and Eastern way of life.

From time to time we hear Ministers talking of the need to create a Malaysian national culture. None other than the Prime Minister has gone on record publicly as saying that a Malaysian national culture comprising the different cultural elements and influences and practices in the country should be allowed to evolve through the years, without any undue compulsion and agitation. This we welcome, for we must always remember that Malaysia is a multi-racial, multi-cultural and multi-religious country, and the pace for the creation or evolution of a Malaysian national culture should neither be forced nor false.

What perturbs me, however, Sir, is that while we are slowly but steadily evolving our Malaysian national culture by integrating and combining the best strands of our different cultural heritages and practices, the modern technological agencies of mass communications, i.e. radio, television and the Press, are either consciously or unconsciously aiding and abetting in the process of cultural imperialism and pollution on our people, particularly on the malleable and susceptible young in and out of schools.

The present Government, Sir, is a Government which helps promulgate the Rukunegara and talks about public morality while at the same time permits and encourages the perpetration and perpetuation of the worst aspects and features of Western society, through sex films, pop culture and pornographic publications. I do not mean to suggest, Mr Speaker, Sir, that everything from Western society and culture is bad and unsavoury—far from it; there are many good aspects of Western society and Western culture which we, perhaps, can emulate. We can take in the best and discard the bad, the transient and the rootless. But no, the Government chooses to side with cultural imperialism and pollution from the West, thinking perhaps that the process of modernisation simply means blind, complete and unquestioning Westernisation.

I am no TV addict, Mr Speaker, Sir, but I am sure I am not far from right, when I say that our TV is putting too much of Western pop culture across to our people, so much so that a yearly nation-wide talentime contest like Bakat TV, for instance, is nothing but a ritual of blatant imitations of the styles, tones and substance of Western pop singers. And at the end of it all, those who imitated best were given the awards, and we call that talent.

I must caution the Government, particularly the Minister of Culture, that if we were not careful, we, particularly our young, will end up as a rootless, imitative society, with no sense of originality and no will or pride to innovate on our own. Let not the Malaysian way of life be mortgaged away, just as our economy is mortgaged to the foreigners.

Mr Speaker, Sir, Malaysia is not only a multi-racial and multi-cultural country but also a multi-religious one. Article 11 of the Federal Constitution guarantees that every person has the right to profess and practise his religion and, subject to Clause (4), relating to the Muslim religion, to propagate it. Clause (3) of Article 11 also states and I quote, Sir:

"Every religious group has the right—

- (a) to manage its own religious affairs;
- (b) to establish and maintain institutions for religious or charitable purposes; and
- (c) to acquire and own property and hold and administer it in accordance with law."

And I believe that that is the spirit and letter of our Rukunegara as well, that there should be religious tolerance and mutual respect and acceptance in our plural society.

Mr Speaker, Sir, I am not a Christian—it does not mean that, though I am unreligious, I am irreligious—but I was taken to Church yesterday morning by some of my Christian friends, as it is quite usual and legitimate sometimes for Christians to drag their non-Christian friends to Sunday Morning Service in Church from time to time as long as those who are dragged are willing to be dragged along. While in Church, Sir, I was alarmed when the Priest read out a message which contained news of alleged religious persecution of the Christians, particularly the

Catholics, in Sabah by the State Government there. According to the message, on 2nd December, 1972, three Catholic priests were arrested and detained by the authorities, and on 3rd December, one more Catholic priest was arrested and detained, but no reasons had been given.

What on earth is happening or is being allowed to happen in Sabah, which is termed and billed as "the land below the winds" to foreigners and tourists? This message about allegations of religious harassment and persecution of the Christians in Sabah was not, I understand, read out only at the Church I happened to attend. It was read out to congregations in all Catholic Churches in West Malaysia yesterday.

Rightly or wrongly, one can imagine the feelings of followers of the Catholic faith after hearing about accounts of how their kind are being treated in Sabah. For those Catholics in Sabah itself, one can imagine their anxiety, fear, frustration and anger and their sense of apprehension at the way their leaders have been allegedly persecuted and silenced.

I am told by highly reliable sources that a Catholic Bishop from West Malaysia—a Malaysian—tried to see the Chief Minister of Sabah, either in Kota Kinabalu or in Kuala Lumpur, but his many attempts to seek an interview to discuss the matter amicably had failed, apparently because the Chief Minister stubbornly and arrogantly refused to see him.

I also understand that a delegation of Catholic leaders have seen the Prime Minister himself and have asked for his intervention. All they have been able to obtain from the Honourable Prime Minister was his expression of concern over the matter.

It is not enough, Sir, for the Central Government to express concern when religious leaders of a certain faith are arbitrarily arrested and detained and not brought to trial. This is against the letter and spirit of our Federal Constitution just as much as it is against the principles of the Rukunegara which preach about a democratic and liberal society, based on mutual respect and tolerance.

I call on the Honourable Prime Minister to intervene immediately into the matter and to cause a full-scale inquiry to be made into these arrests and these allegations of religious harassment and persecution of the Catholics in Sabah. If no immediate and firm action is initiated, I am afraid Sabah may not for very long remain the "land below the winds", but rather would soon become the "land below the brewing storm". Any religious intolerance, whether by a State Government or by a tin-pot dictator, should be stopped firmly and immediately lest it does serious and irreparable harm to our continuous efforts to build and nurture national unity and harmony in our essentially plural society,

Tuan Haji Mokhtar bin Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di Pertua, saya bangun memberi sokongan yang penuh di atas usul Menteri Kewangan yang dibentang di dalam Persidangan Belanjawan, 1973 yang mana memakan sejumlah wang yang besar iaitu sebanyak \$4,642,153,735 juta.

Tuan Yang di Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara muda yang sedang membangun, maka sudah pasti wang adalah faktor pertama bagi membiayai rancangan-rancangan pembangunan iktisadnya dan rancangan sosialnya.

Amalan-amalan kita yang lalu dan sekarang wang boleh didapati daripada dua saluran:

Pertama, cukai-cukai dan rakyatlah yang membayarnya.

Kedua, membuat pinjaman dari dalam atau luar negeri, secara tidak langsung rakyat juga yang membayarnya.

Tuan Yang di Pertua, di dalam kita membincangkan masalah kenaikan cukai dan sebagainya, walaupun banyak dari rakan-rakan saya di dalam Dewan ini telah memberikan sokongan bahawa kenaikan cukai pada keseluruhannya amatlah patut, amatlah adil memandang kepada banyaknya rancangan-rancangan pembangunan yang memberi kemudahan dan kemakmuran kepada rakyat. Tetapi bagi kalangan-kalangan yang bergaji rendah seperti buruh dan begitu juga pegawai-pegawai yang di Bahagian III tentulah bagi mereka bahawa kenaikan cukai ada sedikit sebanyak yang mengenai diri mereka. Walaupun apabila kata rakan saya tadi, hakikat dari gaji Suffian dan begitu juga Penyata Aziz dan

sebagainya, tetapi bagi pihak-pihak yang saya sebutkan tadi seperti buruh dan pegawai-pegawai rendah, maka sudah tentulah mereka telah juga banyak merasai kepahitannya dengan kenaikan cukai ini dan mereka kalau kita selidiki dengan sehalus-halusnya maka didapati kalangan-kalangan ini telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Seperti buruh bertungkus-lumus, bekerja siang dan malam dan begitu juga di dalam sektor-sektor dan sebagainya, kerani-kerani dan sebagainya, mereka inilah boleh dikatakan anggota yang penting sekali di dalam masyarakat kita bagi melaksanakan Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Kedua.

Oleh yang demikian, saya untuk sebagai bertimbang rasa kepada mereka yang saya sebutkan tadi adakah tidak bolehnya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan menimbangkan supaya mereka yang bergaji rendah tadi supaya dibayar dalam satu tahun 13 bulan gaji. Sekarang kita membayar setahun 12 bulan, tetapi kepada mereka ini satu tahun 13 bulan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Berapa bulan dalam setahun Yang Berhormat?

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Dalam setahun ada 12 bulan, tetapi kepada mereka ini dibayar 13 bulan, sebagaimana yang diamalkan oleh negara-negara yang maju.

Saya ingat kalau tidak salah saya, Singapura mengamalkan seperti yang demikian. Jadi, kita bukan hendak meniru mereka, tetapi kita mencari keadilan kerana mereka inilah apabila cukup tahun hutang berbaris. Kalau boleh pun duit yang dimakan, duit kerana hendak mencari untuk membayar harta, membayar income tax, tidak cukup. Ada setengahnya hendak membayar buku anak-anak sekolah dan sebagainya. Saya rasa inilah satu fikiran yang patut bagi pihak Kementerian Pelajaran menimbangkannya supaya dengan cara yang demikian maka dapatlah seperti buruh dan sebagai merasai nikmat-nikmat yang kita katakan bahawa kita ada mengadakan satu masyarakat yang adil.

Tuan Yang di Pertua, jadi dalam soal persidangan Belanjawan bagi tahun 1973, di dalam memperkatakan di antara Kementerian yang banyak sekali yang akan membelanjakan wang bagi tahun 1972 ini ialah

Kementerian Pelajaran. Sangatlah patut saya katakan, dan menasabah bahawa Kementerian ini mendapat peruntukan yang banyak sekali, iaitu lebih daripada \$800,000,000.

Peruntukan yang begitu banyak saya ucapkan syabas dan ribuan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan juga saya ucapkan ribuan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah diberikan kepercayaan penuh oleh Dewan ini bagi mengendalikan jumlah wang yang sebegitu banyaknya kerana kemajuan bangsa dan negara.

Tuan Yang di Pertua, oleh kerana itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran di dalam menggunakan wang yang sebegitu banyaknya janganlah pula menghampakan rakyat kerana pada hari ini, kita telah dapat membina atau membangunkan sekolah yang cantik molek dan sebagainya—sekolah kebangsaan, sekolah menengah rendah, menengah atas dan seterusnya hingga lain-lain jurusan hingga sampai ke universiti. Kerana, pelajaran merupakan benteng pertama bagi sesuatu bangsa dan negara ini. Dialah yang menjadi benteng yang pertama untuk mempertahankan samada daripada kominis, samada daripada kemiskinan dan samada daripada perkauman dan sebagainya terletaknya kepada pelajaran. Kalau benteng kita itu tidak begitu kuat dan sebagainya maka sudah tentulah bahawa yang negara kita akan menjadi kucar-kacir.

Dengan itu, Tuan Yang di Pertua, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dengan wang yang begitu banyak, yang diluluskan dan yang akan diluluskan oleh Dewan ini maka hendaknya jadikanlah negara Malaysia ini sebagai negara yang benar-benar makmur, yang benar-benar akan menjadi faedah kepada bangsa.

Di hari ini atau di dalam Dewan ini juga kita telah banyak mendengar berkenaan dengan keciciran. Begitu juga dalam akhbar kita telah juga bertemu berkenaan dengan ponteng sekolah oleh anak-anak kita dan begitu juga berkenaan dengan kemiskinan, berkenaan dengan makanan tidak berzat, berkenaan dengan ganja dan sebagainya. Perkara-perkara ini telah berlaku di dalam sekolah-sekolah yang ada di dalam negara kita. Oleh kerana itu, saya sangatlah ber-

harap kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mencari jalan keluar mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di Pertua, di masa-masa yang silam kita pernah dengar orang bercakap, pihak Kementerian banyak menggunakan syllabus sebagai percubaan—experiment. Tiap-tiap kali percubaan, yang menderitanya ialah penduduk-penduduk luar bandar. Umpamanya dengan kelas expressnya. Express inipun apa yang saya dapat tahu dalam negeri Perlis tidak begitu berjaya, telah merugikan kepada penuntut-penuntut. Daripada satu tingkat melompat kedua, tiga tingkat—di sana gagal; bodoh langsung, Tuan Yang di Pertua, sampai hari ini ialah anak-anak di luar-luar bandar. Kemudian cuba pula dengan kelas special class—khas. Ada pula lagi bermacam-macam percubaan, tetapi tiap-tiap kali percubaan yang menderitanya ialah orang Melayu kita. Sekarang MARA pula membuat Kolej Sains. Itupun sebagai percubaan juga, tidak ada guarantee—yang rosak kita.

Jadi saya berharaplah, Tuan Yang di Pertua, tak usah lagi Kementerian mencuba buat kelas-kelas yang macam itu yang boleh merugikan bangsa, tiap-tiap kali kita buat percubaan, tiap-tiap kali menghabiskan masa. Kita pandanglah kepada negara kita, sebuah negara getah, sebuah negara bijih, sebuah negara pertanian dan industri dan sebuah negara perikanan, kita jadikanlah syllabus yang ada di keliling kita, masyarakat yang ada di keliling kita, di keliling negara gunakanlah, kita susunkanlah syllabus tadi yang memberi faedah kepada bangsa kita.

Kalau di India kita tengok di masa Ghandi dahulu, dia sambungkan pelajaran kadang-kadang kita tengok berasa hairan dengan kapas sahaja. Dia ajar anak-anak dia dengan biji kapas sahaja. Daripada kapas itulah keluar musim, ditanam kapas dijadikan history dalam bulan apa kapas berbunga, semuanya ada dalam itu sahaja. Daripada kapas dijadikan benang dan boleh dipasarkan ke luar negeri daripada hasil kapas itu. Tempat masuk ko-ordinasi dia sangkutkan daripada segala kilang-kilang dan sebagainya daripada biji kapas sehingga dia menjadi sebuah negara yang dapat mengeluarkan kain-baju daripada barang-barang kapas dan sebagainya. Kita boleh buat kerana kita ada getah, kita ada bijih dan sebagainya kita

ko-ordinasikan hasil daripada sains dan teknologi macam-macam lagi dapat dikeluarkan. Kalau Switzerland sebuah negara yang begitu kecil dapat mengatasi hal ini, dapat membuat jam dan sebagainya kenapa kita tak dapat buat, Tuan Yang di Pertua.

Kemudian kita tengok pula faktor yang penting sekali dalam masalah pelajaran ada tiga. Pertama, bagi anak-anak yang belum dewasa yang bersekolah iaitu dalam Kindergarten. Kemudian sekolah permulaan dan yang ketiga sekolah menengah rendah. Inilah, saya rasa, yang paling penting yang patut kita membaiki keadaan yang tadi berkehendakkan supaya tiap-tiap murid dari sekolah menengah mereka dapat itu mengambil peperiksaan, sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Rendah, tetapi pada hari ini ramai anak-anak yang tak sampai ke situ, ada yang gagal, yang cicir dan macam-macam cerita lagi.

Umpamanya, Tuan Yang di Pertua, saya menjadi Pengerusi Pentadbiran bagi sebuah sekolah menengah rendah di dalam kawasan saya dan di situ ada makmal (lab.) dan sebagainya tetapi letrik tak ada. Semua murid-murid luar bandar belajar di situ dan sekolah itu sekolah menengah rendah luar bandar, tetapi letrik tak ada, Tuan Yang di Pertua. Barangkali bukan tempat saya sahaja malahan banyak tempat lain yang begitu juga, apa akan jadi kepada budak-budak itu. Bila pergi ke atas—habis. Saya percaya dengan wang yang begitu banyak pada tahun ini yang kita akan berikan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat Yang Berhormat Menteri memperbaiki lagi masalah-masalah yang begitu rumit, yang begitu keciwa lagi penuntut-penuntut yang di luar bandar. Macam saya katakan tadi kita hendak menggalakkan kindergarten, di pekan-pekan ada sekolah-sekolah kindergarten.

Di dalam bandar seorang murid terpaksa membayar kepada guru-guru kindergarten \$30. Ini ialah untuk orang kaya-kaya sahaja yang bermaknanya untuk anak orang-orang kaya sahaja, Tuan Yang di Pertua, yang berpeluang mereka itu mendapat pelajaran baik bagi mereka pada masa akan datang, tetapi apahal dengan kanak-kanak di luar bandar. \$30 tak dapat bayar, sedangkan \$3 hendak bayar pun tak dapat pergi sekolah kindergarten.

Oleh kerana itu, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri janganlah membenarkan sekolah-sekolah kindergarten ini mencari kekayaan supaya berilah peluang sama kepada kanak-kanak yang masuk tadi dapat belajar di sekolah-sekolah itu. Bagi sekolah-sekolah Kristian bayarannya \$30, \$40 dan ada yang \$50 bagi satu bulan bagi seorang kanak-kanak.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada yang tersebut itu, saya juga sangat berasa bangga dan megah, kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menguntukkan wang yang begitu banyak bagi Badan-badan yang Berkanun seperti MARA, PERNAS, FAMA, UDA dan sebagainya. Saya berharaplah kepada Pengerusi-pengerusi perbadanan ini dapat memberikan kerjasama dengan rakyat untuk memberi petunjuk, memberi nasihat kepada mereka apabila mereka itu minta nasihat. Saya telah difahamkan dan juga ada yang datang mengadu kepada saya, Tuan Yang di Pertua, umpama kata mereka, biarlah saya sebutkan di sini: Hendak berjumpa dengan Pengerusi PERNAS lebih mudah berjumpa dengan Perdana Menteri. Samada benar ataupun tidak saya tak tahulah. Saya bertanya kenapa tak pergi kepada PERNAS untuk mendapatkan nasihat dalam bidang perniagaan, saya menyuruh dia pergi meminta nasihat. Kemudian dia kata hendak jumpa dengan Pengerusi PERNAS lebih mudah lagi berjumpa dengan Perdana Menteri, betul benarnya wallah-hualam, kerana kata pepatah Melayu: pokok itu takkan bergoyang kalau angin tak bertiup; kalau tak tumbuh tak melata, mestilah benda itu ada kena-mengena. Orang luar bandar ini adalah orang kampung dan orang yang bodoh, mereka berkehendakkan tunjuk ajar daripada badan-badan ini. Kita tak guna cakap, kadang-kadang kita bercakap dalam Dewan ini, Tuan Yang di Pertua, saya pun naik satu macam hendak bercakap. Tiap-tiap tahun kita bercakap. Kalau banyak kita bercakap banyak salah pula. Ada kawan-kawan saya yang banyak bercakap, dia kata banyak pula salahnya. Jadi banyak kita bercakap, tetapi perlaksanaannya sangat sedikit. Umpamanya ramai rakan-rakan saya menyebutkan fasal 30%, apa sahaja yang kita jalankan perusahaan 30% supaya kita utamakan kepada anak-anak bumiputra.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu-baharu ini pergi ke Perlis pun berkata

begitu juga 30% hendak diuntukkan kepada bumiputra, tetapi mana dia? Kita tengok hotel-hotel yang besar-besar hendak ambil 1% pun tak ada, tetapi yang digunakan barang-barang yang ada dari perusahaan anak-anak bumiputra, jangan kata 30%, 100% pula, padahal kita menyeru adakan tikar yang dibuat daripada Trengganu, Kelantan dan juga anyaman buluh, batik dan sebagainya. Semua ini boleh digunakan, barangkali sebab Tuan Yang di Pertua seorang sahaja yang cuba menggunakan barang itu di Lake Club ini, saya ucapkan berbanyak terima kasih, tetapi mana dia orang lain?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli Yang Berhormat ada personal interestkah berkenaan dengan dinding-dinding ini?

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Bukan ada interest apa-apa, Tuan Yang di Pertua, saya menyokong lagi kerana di tempat Tan Sri banyak menggunakan batik, tetapi kalau batik dijadikan cadar dalam tiap-tiap hotel yang dibuat sebagai alasan lebih bagus, tetapi ini kita tak gunakan, kita hanya bercakap sahaja dan saya berharap kepada UDA pula, yang Pengerusinya kawan saya, saya harap jangan menghampakan rakyat. Umpamanya, macam di Perak, mereka gunakan segala gedegong labu, kalau di Filipina, di Siam dan di mana-mana tempat bermegah-megah dengan barang-barang perbuatan tangan dia, UDA gunakan pula sekurang-kurangnya 30% barang-barang kerana UDA mempunyai banyak akitek dan sebagainya yang boleh merekakan. Jangan kita menyeru rakyat untuk berniaga sahaja, bukan semua rakyat boleh berniaga. Apa rakyat yang boleh hidup dengan perusahaan dan pertukangan dan sebagainya, tetapi sekarang buat barang-barang hendak jual pun tak laku.

Saya berharap kepada UDA dan lain-lain badan berkanun supaya mengambil perhatian berat atas perkara ini. Saya dengar kabar pula MARA hendak buat kompleks 30 tingkat dan barang-barang yang digunakan dalam kompleks itu hendaklah 30% sekurang-kurangnya daripada barang-barang yang diusahakan oleh hasil tangan bumiputra kita. Barulah benar, kalau tidak, kita hanya bercakap keluar angin, masuk asap saja.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada

Menteri Kewangan kerana telah menggunakan banyak peruntukan wang terutama sekali dalam Pertandingan Quran. Di sini saya tak mahu kritik dengan keras, cuma saya merayu kalau kita hendak membelanjakan wang dengan begitu banyak untuk Pertandingan Quran itu tak usahlah kita terlampau banyak sangat campur-aduk perkara-perkara yang tak disuruh oleh agama. Biarlah saya berterus terang, satu contoh perbuatan yang bidaah seperti memukul kompang, itu adalah daripada kebudayaan Buddha; main tiup musik ditiru daripada perbuatan Keristian, menyembah api daripada perbuatan Majusi. Pada hal majlis itu adalah majlis Pertandingan Quran. Dan perkataan "pertandingan" saya minta akan datang buang sajalah, kerana Quran tak boleh dipertandingkan, buatlah "Bacaan Quran" sahaja, sudah cukup. Buat bagaimana yang kita buat mula-mula dahulu, baca Nasyid dengan memuji Nabi (s.a.w.) dan lain-lain. Tetapi apa yang berlaku adalah perbuatan bidaah dan sesat, nasib baik unta tak masuk bertanding juga.

Saya pernah bercakap dengan Tuan Yang di Pertua, negara kita negara Islam begitu juga Rukunegara kita pun ada "Kepercayaan kepada Tuhan", tetapi kalau kita bandingkan Johan Bakat TV dengan Johan Pertandingan Quran dan Johan Bintang Radio, manakah agama Islam yang kita agung-agungkan. Kita beri \$1,000 untuk pertandingan Quran, Bakat TV kita bagi \$5,000, Johan Bintang Radio kita bagi \$3,000. Saya berharap kalau kita hendak agungkan agama Islam sebagai agama rasmi sekurang-kurangnya \$10,000 patut kita beri kepada Johan Pertandingan Quran. Barulah kita boleh berasa megah sebagai sebuah negara sebagaimana yang sentiasa kita memomok-momokkan sebagai agama rasmi.

Saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya ditimbangkan balik perkara ini oleh sebab pada masa ini kita dengar banyak Menteri-menteri bercakap tentang Islam sahaja, umpamanya perpaduan Islam, kemajuan Islam, akhlak Islam dan sebagainya. Saya pun suka tambah dengan "Ekonomi Islam". Saya suka tambah untuk meninggikan lagi imej Islam. Kalau pada masa yang lalu, saya pun tak mahu bercakap. Tetapi sekarang apa yang tak patut biarlah kita berterus terang. Dan kita berharap janganlah kita jadi pembohong. Berterus terang, baharulah kita dapat membina sebuah masyarakat Islam. Apa yang saya tengok

sekarang apabila saya mengikuti bacaan Quran di dalam Rancangan Cahaya, saya tak tahulah samada pihak Kementerian Penyiaran adakah turut menyemak bacaan Quran itu. Saya dapati banyak yang salah dalam bacaan itu—banyak salah. Kadangkang bunyi “wu” dibunyikan “ah”, huruf baris bawah dikatakan baris atas, begitu juga sebaliknya. Jadi saya berharap supaya pihak Kementerian tolong semak juga manakala diadakan Bacaan Quran itu. Dan begitu juga saya banyak menerima rungutan daripada penduduk luar bandar yang mengatakan tayangan filem di luar bandar sangat kurang. Kalau ada pun hanya berupa news bulletin sahaja. Mereka berharap supaya pihak Kementerian Penyiaran dapat membanyakkan cerita-cerita dan sebagainya yang boleh ditayangkan kepada penduduk luar bandar, terutama cerita yang mengandungi pelajaran supaya dapat penduduk luar bandar mengikuti dan mengambil faedah bersama daripada apa yang kita siarkan di dalam radio itu.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya sekali lagi memberi sokongan yang penuh di atas ucapan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan ini dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Yang di Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana mendapat satu peluang berucap dalam perbahasan Belanjawan 1973 ini.

Sebelum Anggaran Belanjawan ini dibentangkan dalam Dewan ini ramai orang yang menduga belanjawan ini oleh kerana jatuh pada kali yang ke 13 di kemukakan oleh Menteri Kewangan kita. Mereka mengatakan angka 13 itu tak berapa baik. Angka 13 itu dianggap sebagai satu perkataan yang membawa nasib yang tidak begitu baik. Tetapi kalau kita kaji dengan teliti pada keseluruhannya ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu, kita boleh mendapat satu kesimpulan iaitu belanjawan ini adalah satu belanjawan yang cukup memberi faedah lengkap bukan sahaja kepada Parti Perikatan, tetapi juga kepada semua rakyat di seluruh negara Malaysia yang disikahi ini.

Ini satu belanjawan yang boleh dikatakan sederhana dan sesuai kepada orang yang

boleh membayar dan juga sesuai kepada orang-orang yang telah dapat menikmati nikmat pembangunan di dalam negara kita sekarang. Kita nampak dalam tempoh 15 tahun ini kita telah menempuh zaman dharurat, konfrontasi dan juga melapetaka dua tiga kali. Semenjak itu bolehlah dikatakan matawang negara kita yang kukuh, simpanan wang kita di luar yang berupa simpanan emas mempunyai kedudukan yang baik. Demikian juga kita selalu dapat mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita mengatakan negara kita adalah sebuah negara yang maju dan tidak ketinggalan di dalam Tenggara Asia ini. Kalau negeri Jepun boleh dikatakan negara yang terkaya sebagai negara yang pertama, Malaysia adalah negara kedua yang terkenal kekayaannya di Asia Tenggara ini.

Jadi kalau kita boleh ingat, atau boleh pandang jauh dalam negeri Malaysia kita sekarang ini, boleh dikatakan cukup maju, cukup makmur dan banyak peluang yang boleh diberikan kepada tiap-tiap rakyat. Dan pada masa sekarang ini kita adalah menjalankan Dasar Ekonomi Baru dan kueh yang besar ini boleh dikatakan mengikut pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita, tiap-tiap rakyat di dalam negeri ini adalah berpeluang, kalau kita berusaha sedikit.

Jadi pandangan-pandangan atau kritik-kritik dari parti-parti Pembangkang dalam lima enam hari ini, kita boleh dapati dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang yang boleh dikatakan memainkan silat Cina iaitu *Tai Chi*. (*Ketawa*) *Tai Chi* ini, saya ingat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan adalah lebih tahu atas perkara ini, kerana beliau ialah peminat

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa dia *Tai Chi* dalam bahasa Malaysia?

Tuan Chan Siang Sun: *Tai Chi* ialah satu silat Cina, Tuan Yang di Pertua. Jadi *Tai Chi* dia tolak sini, dia tarik sana, tetapi langsung tidak ada satu centre pun. (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Tolak sana, tarik sini, tidak jatuhkah? (*Ketawa*).

Tuan Chan Siang Sun: Tidak! Teguran-teguran dari parti Pembangkang ini ialah

macam satu rekod yang lama, yang telah tua, jadi kita dengar pun sudah jemu selalu. Tetapi walaumacammapun tanggungjawab mereka itu ialah menentang atau membangkang, tetapi insya Allah mereka boleh menjalankan tugas mereka itu tetapi tidak boleh berjalan jauh.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Cerita ini seronok, boleh di-sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.33 malam.